POLITEKNIK MALAYSIA

KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

KOLEJ KOMUNITI MALAYSIA

# LAPORAN TAHUNAN 2019

50 JUBLI EMAS POLITEKNIK MALAYSIA 1969 - 2019

JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI

# PENAFIAN

Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti telah sedaya upaya memastikan maklumat yang terkandung di dalam dokumen ini betul. Namun, Jabatan ini tidak menjamin ketepatan dan kesempurnaannya. Jabatan ini juga berhak sepenuhnya membuat perubahan kepada mana-mana maklumat dan huraian dalam dokumen ini pada bila-bila masa. Oleh itu, pengguna dokumen ini hendaklah merujuk kepada jabatan ini sebelum bertindak atau menimbang untuk bertindak berasaskan maklumat dan huraian berkenaan. Jabatan ini tidak akan bertanggungjawab bagi sebarang kekhilafan, kebinasaan dan kerugian yang disebabkan oleh penggunaan maklumat atau huraian yang diperoleh daripada dokumen ini

# DISEDIAKAN OLEH :

**JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI**
**KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA**
Aras 4-7, Galeria PjH, Jalan P4W
Persiaran Perdana, Presint 4
62100 Wilayah Persekutuan Putrajaya
MALAYSIA

# ISI KANDUNGAN


**SEULAS PINANG KETUA PENGARAH JPPKK** 1

**MAKLUMAT KORPORAT**

Visi, Misi & Piagam Pelanggan 2

Carta Organisasi 3

Pengurusan Tertinggi JPPKK 4-5

**LAPORAN BAHAGIAN**

| | | |
|---|---|---|
| 01 | Bahagian Koordinasi TVET | 6-23 |
| 02 | Bahagian Perancangan Program dan Insitusi | 24-38 |
| 03 | Pusat Penyelidikan dan Inovasi | 39-63 |
| 04 | Bahagian Governan dan Kecemerlangan | 64-78 |
| 05 | Bahagian Kolaborasi Industri dan Komuniti | 79-92 |
| 06 | Bahagian Kurikulum | 93-99 |
| 07 | Bahagian Peperiksaan dan Penilaian | 100-105 |
| 08 | Bahagian Instruksional dan Pembelajaran Digital | 106-116 |
| 09 | Bahagian Kompetensi dan Peningkatan Kerjaya | 117-120 |
| 10 | Bahagian Ambilan dan Pembangunan Pelajar | 121-134 |
| 11 | Bahagian Khidmat Pengurusan | 135-139 |
| 12 | Unit Komunikasi dan Hubungan Korporat | 140-145 |
| 13 | Pasukan Petugas ICT | 146-149 |

**SIDANG REDAKSI** 150

# SEULAS PINANG KETUA PENGARAH JPPKK

Assalamualaikum WBT dan Salam Sejahtera,

Dengan lafaz penuh kesyukuran dipanjatkan ke hadrat Ilahi kerana dengan izin dan limpah kurniaNya kita berjaya mengharungi tahun 2019 yang penuh cabaran. Tahun 2019 juga menyaksikan Politeknik Malaysia menyambut jubli emas, ulang tahun ke-50 bagi politeknik.

Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti (JPPKK) sememangnya memainkan peranan penting dalam usaha membangun dan memperkasakan pendidikan TVET bagi bersama-sama mengorak langkah mencapai matlamat dan membangunkan negara. Pelaksanaan pelbagai program dan aktiviti telah membuktikan komitmen JPPKK dalam usaha melahirkan modal insan berkemahiran yang memenuhi kehendak industri dalam bidang TVET. Sepanjang tahun 2019, JPPKK dengan penuh yakin bergerak cergas dan dinamik bagi mencapai dan merealisasikan hasrat kementerian dan jabatan. JPPKK melalui Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) juga telah diberi mandat oleh Jemaah Menteri untuk menyelaras institusi TVET bagi semua kementerian penyedia TVET melalui penubuhan Jawatankuasa Kabinet Pemerkasaan TVET. Selain itu, JPPKK juga telah dilantik sebagai sekretariat bagi penyediaan kertas strategi TVET bagi Rancangan Malaysia Ke-12 (RMKe12) yang akan memacu pembangunan negara di masa depan. Kejayaan demi kejayaan dalam dan luar negara yang terhasil adalah berkat kerja keras dan kerjasama semua warga JPPKK, politeknik dan kolej komuniti. Ia merupakan manifestasi terhadap satu komitmen yang mampan dan jitu oleh semua pihak dalam usaha merealisasikan visi dan misi JPPKK.

Akhir kata, saya ingin mengambil kesempatan untuk merakamkan penghargaan dan ucapan terima kasih kepada semua warga JPPKK, politeknik dan kolej komuniti yang sentiasa memberi sokongan dan kerjasama secara berterusan untuk memastikan semua perancangan yang telah dirancang dapat dilaksanakan dengan jayanya. Saya juga berdoa ke hadrat Ilahi agar pencapaian dan kecemerlangan yang diperoleh ini akan berkekalan dan sentiasa meningkat dari semasa ke semasa seiring dengan objektif penubuhan politeknik dan kolej komuniti. Semua ini pasti akan tercapai dengan komitmen semua warga JPPKK, politeknik dan kolej komuniti serta sokongan yang berterusan daripada pihak industri.

**Ts. Dr. Mohammad Naim bin Yaakub**

**KETUA PENGARAH JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI**

# MAKLUMAT KORPORAT

## VISI

Menjadi peneraju institusi TVET yang unggul

## MISI

01 Menyediakan akses yang meluas kepada program TVET berkualiti dan diiktiraf;

02 Memperkasa komuniti melalui pembelajaran sepanjang hayat (PSH);

03 Melahirkan graduan holistik, berciri keusahawanan dan seimbang; dan

04 Memanfaatkan sepenuhnya perkongsian pintar dengan pihak berkepentingan

## PIAGAM PELANGGAN

JPPKK beriltizam memberi perkhidmatan yang berkualiti, beretika, profesional, cekap dan mesra dengan memastikan institusi di bawah kuasanya :

01 menyediakan program pengajian yang mendapat akreditasi daripada MQA atau badan-badan professional yang berkaitan;

02 mengikut syarat dan kriteria yang ditetapkan serta memaklumkan keputusan kemasukan dalam **DUA PULUH (20)** hari bekerja selepas tarikh tutup permohonan;

03 melaksanakan bayaran bantuan kewangan dalam tempoh **TIGA PULUH (30)** hari bekerja selepas keputusan diumumkan kepada pelajar yang layak; dan

04 memaklumkan keputusan peperiksaan dalam tempoh **EMPAT BELAS (14)** hari bekerja selepas semester pengajian berakhir.

# CARTA ORGANISASI JPPKK



# PENGURUSAN TERTINGGI JPPKK



YBhg. Ts Dr. Mohammad Naim bin Yaakub

**KETUA PENGARAH**

-kosong-

**TIMBALAN KETUA PENGARAH (PERANCANGAN)**



Ts. Haji Mohamad Amin bin Hamat

**TIMBALAN KETUA PENGARAH (GOVERNAN)**



Ts. Zainab binti Ahmad

**PENGARAH KANAN (AKADEMIK)**



YBrs. Dr. Mohd Rashahidi @ Rusdi bin Mohamood

**PENGARAH KANAN (KOMPETENSI)**

# PENGARAH-PENGARAH BAHAGIAN JPPKK



YBrs. Dr. Shamsuri bin Abdullah
**PENGARAH BKTVET**



Puan Nooraidah binti Abdullah
**PENGARAH BKP**



Tuan Haji Mohd Nasir bin Abdul Ghani
**PENGARAH BGK**



Ts. Haji Muhamad Rumzi bin Mamat
**PENGARAH BPPI**



Encik Mohamad Isa bin Azhari
**PENGARAH BKPK**



YBrs. Dr. Ishak bin Mohamad
**PENGARAH PPI**



Puan Noor Aidi bt Nadzri
**PENGARAH BK**



Encik Noor Azizan bin Itam
**PENGARAH BIPD**



Tuan Haji Rosli bin Idris
**PENGARAH BPN**



Tuan Haji Wan Mohd Nasir bin Wan Abdul Rahman
**PENGARAH BAPP**



Puan Zainah bt Rujihan
**PENGARAH BKIK**

-Kosong-
**KETUA UNIT UKK**

# BAHAGIAN
# KOORDINASI TVET

# PENGENALAN

Bahagian Koordinasi TVET (BKTVET) berperanan merancang dan mengurus pelaksanaan dasar-dasar negara dan kementerian berkaitan sistem pendidikan dan latihan institusi serta meneliti dan menterjemah hal-hal perundangan pendidikan, akta pendidikan dan peraturan jabatan dan institusi di bawahnya, menganalisis isu dan masalah berkaitan perlaksanaan dasar pendidikan dan latihan, menyediakan kertas dasar, mengurus dan menyelaras maklum balas daripada pihak luar seperti Parlimen, Jemaah Menteri, Dewan Undangan Negeri dan badan-badan lain serta merangka kandungan dokumen kerjasama, persefahaman dan perjanjian dengan institusi/pihak luar.

Bahagian Koordinasi TVET (BKTVET), Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti terdiri daripada empat (4) unit iaitu Unit Dasar, Unit Strategik, Unit Pengantarabangsaan serta Unit Data dan Diseminasi. BKTVET juga berperanan merangka dan menentukan hala tuju dan strategi pendidikan dan latihan di peringkat jabatan dan institusi di bawahnya melalui Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM(PT)), Pelan Strategik Politeknik dan Kolej Komuniti 2018-2025 (PSPKK) dan Rangka Kerja TVET 4.0.

Selain itu, Bahagian Koordinasi TVET juga perlu merancang dan mengurus data, data analitik dan diseminasi data. Akhir sekali Bahagian Koordinasi TVET berperanan merancang dan mengurus kolaborasi global bagi pelaksanaan pengambilan pelajar antarabangsa, penyediaan kertas dasar berkaitan pengantarabangsaan maklum balas dengan pihak luar negara di peringkat menyelaras maklum balas dengan pihak luar seperti CPSC, UNESCO-UNEVOC, SEAMEO dan lain-lain serta merangka dokumen kerjasama, persefahaman dan perjanjian di peringkat global.

# PROGRAM & AKTIVITI UTAMA

## JAWATANKUASA KABINET PEMERKASAAN TVET (JKKPTVET)

Mesyuarat Jemaah Menteri pada 14 Ogos 2019 telah bersetuju dengan Memorandum daripada Menteri Pendidikan No. M577/2019 bagi penubuhan Jawatankuasa Kabinet Pemerkasaan TVET (JKKPTVET). JKKPTVET telah dianggotai oleh 10 orang ahli iaitu 9 orang YB Menteri dan seorang Pengerusi Jawatankuasa Kabinet Pemerkasaan TVET-Teknikal (JKTeknikal). Kementerian yang terlibat adalah KPM, KSM, KPLB, KBS, MED, KPDNHEP, MOA, KKR dan MITI. JKKPTVET ini berperanan sebagai badan penasihat kepada Kerajaan untuk pembangunan TVET negara selain turut membahaskan isu-isu semasa negara berkaitan TVET.

Jawatankuasa Kabinet Pemerkasaan TVET – Teknikal (JK Teknikal) telah diwujudkan pada 28 Februari 2019 yang dipengerusikan oleh YBhg. Tan Sri Dato' Soh Thian Lai, Presiden *Federation of Malaysian Manufacturers* (FMM). JK Teknikal dengan dianggotai seramai lebih 184 ahli mewakili Kementerian, Universiti Awam, *Malaysia Technical University Network* (MTUN), institusi – institusi TVET awam dan swasta, industri, agensi, Persatuan Perniagaan dan Badan Profesional.



Mesyuarat Jawatankuasa Kabinet Pemerkasaan TVET Bil.2/2019 pada 26 November 2019

# PROGRAM & AKTIVITI UTAMA

## JAWATANKUASA KABINET PEMERKASAAN TVET (JKKPTVET)

Laporan Jawatankuasa Pemerkasaan TVET telah menggariskan 20 strategi dan 15 syor pada lima pemacu utama dalam mencapai aspirasi kebangsaan ekosistem TVET dan aspirasi pelajar TVET berkemahiran tinggi. Sasaran Kerja Utama JKKPTVET ialah menubuhkan Badan Penyelaras TVET Negara, Model Pembiayaan yang mampan, Model Pemilikan Bersama dengan industri, Pemerkasaan Persijilan TVET (Industri), dan Penjenamaan TVET Kebangsaan Tunggal. Usaha ini adalah antara langkah yang dilakukan bagi mencapai visi TVET negara untuk melahirkan tenaga kerja berkemahiran tinggi menjelang 2030.

Justeru, penubuhan JKKPTVET merupakan manifestasi komitmen Kerajaan dalam usaha memantapkan penyelarasan dan kerjasama di antara semua kementerian berkaitan dan pihak berkepentingan dalam bidang TVET bagi mengangkat TVET sebagai pendidikan serta kerjaya pilihan masa depan yang mendapat pendapatan lumayan serta berpotensi tinggi. Penglibatan lebih banyak industri untuk memperkukuh *dual training programme*, dan seterusnya bergerak dari *industry participation* kepada *industry partnership* sebelum menuju kepada *industry-led TVET*.




Kerangka Pemerkasaan TVET

# PROGRAM & AKTIVITI UTAMA

## JAWATANKUASA KAJIAN DASAR PENDIDIKAN NEGARA (JKDPN)

BKTVET turut terlibat dalam penulisan Laporan Kajian Dasar Pendidikan Negara melalui Timbalan Pengarahnya iaitu Dr. Wan Nor Aishah Wan Omar yang telah dilantik oleh Ketua Setiausaha sebagai pegawai petugas khas bagi Jawatankuasa Kajian Dasar Pendidikan Negara (JKDPN). Laporan setebal 421 muka surat itu telah menggarap hasil daripada 98 sesi sindikasi bersama 3,141 pemegang taruh yang terdiri daripada pihak berkepentingan dalam dan luar negara



Pembentangan dan penyerahan Laporan JKDPN kepada YAB Perdana Menteri Pendidikan pada 24 Jun 2019

berkepentingan dalam dan luar negara dengan cadangan keseluruhan sebanyak 3,728. Laporan tersebut telah diserahkan kepada Kementerian Pendidikan Malaysia pada 2 Mei 2019 dan dibentangkan kepada YAB Perdana Menteri pada 24 Jun 2019. Berikutan itu, sesi makmal bagi memperincikan syor telah dilaksanakan bermula Ogos hingga November 2019. JPPKK diwakili oleh BTVET telah dijemput untuk terlibat dalam penyediaan perincian bagi Talent Excellence II yang memberi fokus kepada pemerkasaan staf TVET.



Majlis Penyerahan Laporan JKDPN kepada YB Menteri Pendidikan pada 2 Mei 2019 di Presint 8, KPM, Putrajaya

# PROGRAM & AKTIVITI UTAMA

## PENYEDIAAN KERTAS STRATEGI TVET BAGI RANCANGAN MALAYSIA KE 12

Kementerian Pendidikan Malaysia telah dijemput oleh Kementerian Hal Ehwal Ekonomi untuk menghadiri mesyuarat *Inter Agency Planning Group* (IAPG) kali pertama pada 30 Mei 2019. Semasa mesyuarat tersebut, KPM telah diamanahkan untuk menyediakan tiga kertas strategi iaitu bagi sektor Pendidikan, Pendidikan Tinggi dan TVET. BKTVET, JPPKK telah dilantik sebagai sekretariat bagi penyediaan kertas strategi TVET bagi RMKe12. Sesi perbincangan, mesyuarat dan libat urus telah dilaksanakan dengan pengurusan tertinggi dan pihak berkepentingan bagi mendapatkan bahan dan maklum balas untuk penyediaan kertas strategi TVET yang mantap. Ini termasuk dua kali libat urus bersama ahli kumpulan fokus (Focus Group) dan dua kali bersama kumpulan kerja teknikal (*Technical Working Group- TWG*). Selain daripada itu, dapatan juga dipungut melalui dua platform atas talian yang telah dibangunkan untuk mendapatkan maklum balas dan input daripada 40 pakar dan 5,064 pelajar TVET. Draf akhir kertas strategi TVET telah diserahkan kepada MEA pada 29 Oktober 2019 untuk tindakan selanjutnya.




Timeline Penyediaan Kertas Strategi TVET bagi Rancangan Malaysia Ke 12

# PROGRAM & AKTIVITI UTAMA

## SESI KEDAI KOPI SASTERAWAN NEGARA

Sesi Kedai Kopi Sasterawan Negara telah diadakan bersempena dengan Karnival Bahasa Jiwa Bangsa Kementerian Pendidikan Malaysia bagi memperkukuh keyakinan masyarakat terhadap keupayaan bahasa kebangsaan sebagai bahasa ilmu dan bahasa komunikasi serta bahasa sosial dan perpaduan. Sesi Kedai Kopi ini telah dijayakan oleh YBhg. Sasterawan Negara ke-14 iaitu Dr. Siti Zainon binti Ismail dan dikendalikan oleh En Asri bin Abdul Ghani. Sesi Kedai Kopi ini telah diadakan pada 1 November 2019 bertempat di Lobi Kementerian Pendidikan Malaysia, Presint 5 , Putrajaya dan mendapat penyertaan yang amat menggalakkan daripada semua pegawai KPM dan pensyarah politeknik dan kolej komuniti. Sesi Kedai Kopi ini telah membuka minda perserta untuk lebih mencintai dan memartabatkan Bahasa kebangsaan iaitu Bahasa Melayu dalam tugas seharian.



Sesi Penyampaian Cenderahati yang disempurnakan oleh Ybrs. Dr. Ab Wahab bin Che Mat, TSUB, BPPD, KPM



Sesi Kedai Kopi bersama Sasterawan Negara

# PROGRAM & AKTIVITI UTAMA

## DATA TERBUKA JPPKK 2019

Data terbuka ialah data yang boleh digunakan secara bebas, boleh dikongsikan dan digunakan semula oleh rakyat, agensi Kerajaan dan swasta untuk pelbagai tujuan. Ia berperanan sebagai penggerak dalam inisiatif Kerajaan berpaksikan rakyat. Pelaksanaan data terbuka Kerajaan dapat meningkatkan ketelusan penyampaian perkhidmatan Kerajaan menerusi perkongsian data yang tepat, cepat dan relevan di samping meningkatkan produktiviti ekonomi digital negara melalui industri atau inovasi baharu dengan penglibatan rakyat dan komuniti perniagaan. Ia juga meletakkan Malaysia setaraf dengan negara lain dalam inisiatif Kerajaan Digital. Sehubungan itu, JPPKK telah memuat naik 5 set data baharu bagi politeknik dan kolej komuniti ke dalam portal MAMPU dan semua set data tersebut telah diterbitkan pada Oktober 2019.




SET DATA JPPKK 2019

| | Tajuk Data | Tarikh | |
|---|---|---|---|
| | | Muat naik | Terbit |
| 1 | Data Center of Technology (COT) Politeknik Malaysia | 9 Okt 2019 | 17 Okt 2019 |
| 2 | Data Kapasiti Politeknik Malaysia | 18 Okt 2019 | 30 Okt 2019 |
| 3 | Data Kapasiti Kolej Komuniti Malaysia | 18 Okt 2019 | 30 Okt 2019 |
| 4 | Data Program Pengajian Politeknik Malaysia | 9 Okt 2019 | 18 Okt 2019 |
| 5 | Data Kerjasama Politeknik bersama Industri dan Agensi Awam dan Swasta | 18 Okt 2019 | 22 Okt 2019 |

LAYARI PAUTAN :

data.gov.my

# PROGRAM & AKTIVITI UTAMA

## 5th SEAMEO POLYTECHNIC NETWORK MEETING

The *5th SEAMEO Polytechnic Network Meeting* ini merupakan platform untuk perkongsian kaedah dan amalan program pertukaran pelajar diantara institusi yang terlibat, selain untuk mengkaji dan menilai semula pelaksanaan program *SEA-TVET Student Internship Exchange* yang melibatkan pelbagai institusi dari ASEAN. Mesyuarat ini telah dilaksanakan oleh Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti dengan kerjasama Sekretariat *Southeast Asian Ministers of Education Organization* (SEAMEO). Antara objektif pelaksanaan mesyuarat ini adalah:

i. berkongsi dan mempelajari amalan pertukaran pelajar yang berjaya dari institusi yang mengambil bahagian;

ii. mengkaji dan menilai semula pelaksanaan *3rd Batch SEA-TVET Student Internship Exchange* pada Januari-April 2019;

iii. mengenal pasti mekanisme dan peningkatan yang dipersetujui bagi *4th Batch SEA-TVET Student Internship Exchange* yang dilaksanakan pada bulan Ogos-Oktober 2019; dan

iv. mendapatkan komitmen dari institusi TVET yang mengambil bahagian dalam kumpulan pelajar SEATVET ke-4.

Mesyuarat ini dirasmikan oleh YBrs. Dr. Gatot Hari Priowirjanto, *Director of SEAMEO Secretariat* dan YBrs. Dr. Mohammad Naim bin Yaakob, yang merupakan Timbalan Ketua Pengarah (Perancangan), Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti pada ketika itu, mewakili YBhg. Prof. Dato Ts. Dr. Mohd Ismail Bin Abd Aziz, Ketua Pengarah, Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti.

# PROGRAM & AKTIVITI UTAMA

## 5th SEAMEO POLYTECHNIC NETWORK MEETING

*5th SEAMEO Polytechnic Networok Meeting* telah diadakan pada 26-27 Mac 2019 bertempat di Excelsior Hotel, Ipoh, Perak. Mesyuarat ini dihadiri oleh kira-kira 211 peserta yang berkhidmat di peringkat pengurusan dari Institusi TVET / Politeknik / Universiti di 5 buah negara, iaitu Indonesia (45 institusi atau 85 peserta), Malaysia (56 institusi atau 62 peserta), Filipina (22 institusi atau 37 peserta), Thailand (15 institusi atau 24 peserta), dan Vietnam (2 institusi atau 3 peserta). Pertemuan itu juga melibatkan wakil-wakil dari industri dan Pusat Serantau SEAMEO, iaitu SEAMEO SEARCA (Filipina), SEAMEO SEN (Malaysia), dan SEAMEO TED (Kemboja).




YBrs. Dr. Mohammad Naim bin Yaakob memberikan ucapan aluan dan perasmian di 5th SEAMEO Polytechnic Network Meeting



YBrs. Dr. Gatot Hari Priowirjanto, Director of SEAMEO bersama-sama YBrs. Dr. Mohammad Naim bin Yaakob serta Puan Yusma binti Yusof, Pengarah Politeknik Tuanku Sultanah Bahiyah dan Encik Muhammad Zubir bin Mohd Hanifah, Timbalan Pengarah (Akademik, Politeknik Ungku Omar.

# PROGRAM & AKTIVITI UTAMA

## 6th SEAMEO POLYTECHNIC NETWORK MEETING

Sekretariat SEAMEO dengan kerjasama Duy Tan University, Vietnam telah menganjurkan *6th SEAMEO Polytechnic Network Meeting: Agreement for SEA-TVET Network Action Plan* bertempat di Magnolia Hotel, Da Nang City, Vietnam pada 17-18 Oktober 2019 sebagai satu usaha untuk menilai dan memperbaiki kolaborasi antara institusi-institusi TVET di negara Asean. Sebagai tambahan kepada perbincangan untuk *4th Batch SEAMEO Students Exchange Program*, mesyuarat yang telah diadakan juga bersetuju untuk memperluaskan perbincangan kolaborasi ke bidang *Techer Capacity Development, Teacher Mobility, and Research and Development.*




6th SEAMEO Polytechnic Network Meeting di Magnolia Hotel, Da Nang City, Vietnam

SEAMEO

ĐẠI HỌC DUY TÂN




Wakil Institusi daripada Malaysia, Indonesia, Thailand dan Vietnam bersama-sama wakil Sekretariat SEAMEO

SEA-TVET
Southeast Asian Technical and Vocational Education and Training
CONSORTIUM
Working Together towards Harmonisation and Internationalistion

# PROGRAM & AKTIVITI UTAMA

## 6th SEAMEO POLYTECHNIC NETWORK MEETING

Mesyuarat ini juga diadakan bagi mencapai objektif berikut:

a. Berkongsi dan belajar amalan kerjasama yang berjaya dari institusi yang mengambil bahagian;

b. Mengenalpasti Pelan Tindakan Rangkaian SEA-TVET 2020 hingga 2023 untuk

   i. Mobiliti Pelajar;

   ii. Pembangunan Guru / Pertukaran Fakulti, dan

   iii. Penyelidikan dan Pembangunan, antara institusi yang mengambil bahagian.

c. Mendapatkan komitmen dari institusi TVET yang mengambil bahagian dalam pelaksanaan:

   *i. 5th batch of SEA-TVET Student Exchange Programme* yang akan dilaksanakan pada tahun 2020,

   ii. Pembangunan Guru / Fakulti Pertukaran; dan

   iii. Pembangunan Penyelidikan; dan

c. Memperkukuhkan perkongsian di kalangan institusi yang mengambil bahagian

Mesyuarat ini telah dihadiri oleh hampir 100 peserta dari Institusi TVET/ Politeknik / Universiti TVET daripada Indonesia, Malaysia, Filipina, dan Thailand; serta 30 wakil dari Kolej / Kolej Komuniti / Kolej Komuniti TVET di Vietnam.

# PROGRAM & AKTIVITI UTAMA

## 4TH BATCH SEAMEO STUDENTS EXCHANGE PROGRAM UNDER POLYTECHNIC NETWORK

Politeknik dan Kolej Komuniti telah menyertai *4th Batch of SEATVET Student Exchange Program* yang telah berlangsung dari Julai sehingga November 2019. Penglibatan Politeknik dan Kolej Komuniti Malaysia dalam program ini telah membuka rangkaian kerjasama yang lebih luas antara institusi ASEAN dan pelbagai industri terlibat. Program ini telah memberi pelbagai manfaat kepada pelajar politeknik dan kolej komuniti yang terlibat antaranya meningkatkan kemahiran komunikasi dan keyakinan diri, mempelajari budaya dan Bahasa negara lain serta mempelajari teknologi dan pengetahuan baru yang terdapat di negara yang terlibat.

Seramai 95 orang pelajar Politeknik dan Kolej Komuniti telah menjalani program *outbound* dengan kerjasama institusi TVET dari Indonesia, Thailand dan Filipina. 83 orang pelajar telah menjalani program di Indonesia, 10 orang di Thailand dan 2 orang di Filipina. Manakala, seramai 111 orang pelajar antarabangsa telah menyertai program *inbound* di Malaysia, iaitu 91 orang dari Indonesia, 16 orang dari Thailand dan 4 orang dari Filipina.



Wakil Kolej Komuniti Kuala Langat bersama-sama pelajar Politeknik Bali


Pengarah Politeknik Nilai bersama-sama pelajar yang menyertai program *4th Batch of SEATVET Student Exchange Program*



Pelajar Politeknik Malaysia bersama-sama wakil pensyarah Politeknik Negeri Medan, Indonesia



Sebahagian pelajar Politeknik Malaysia yang menyertai program *4th Batch of SEATVET Student Exchange Program*

# PROGRAM & AKTIVITI UTAMA

## KUNJUNGAN DELEGASI LUAR NEGARA

Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti telah menerima kunjungan delegasi antarabangsa daripada pelbagai negara luar seperti China, Kanada, Bhutan, United Kingdom dan Jepun bagi membincangkan pelbagai isu dan kerjasama yang boleh diadakan dalam bidang TVET.



Lawatan kerja oleh delegasi Japan International Cooperation Agency (JICA)



YBrs. Dr. Mohd Rashahidi @ Rusdi Bin Mohamood bersama-sama wakil Japan International Cooperation Agency (JICA)



Lawatan kerja oleh wakil High Commission Canada



Wakil JPPKK dan Politeknik Malaysia bersama-sama Atase Pendidikan dan Kebudayaan (Atdikbu) KBRI KL, Dr.Farid Makruf

# PROGRAM & AKTIVITI UTAMA

## GLOBAL WORK INTEGRATED LEARNING (GWIL)

Program *Global Work Integrated Learning* merupakan program kerjasama akademik melibatkan Politeknik Malaysia, RMIT Australia dan North Seattle College, Amerika Syarikat. *Work Integrated Learning* (WIL) merupakan program yang menyatukan pembelajaran secara akademik dengan permasalahan sebenar di dalam industri. Latihan yang dilaksanakan adalah berdasarkan permasalahan dan simulasi sebenar di tempat kerja dan pendekatan pembelajaran dan perbincangan dilaksanakan secara maya (*online*).

Program ini dibangunkan bagi meningkatkan kebolehpasaran pelajar dengan memberikan mereka nilai tambah dan pengalaman sebenar di dalam industri. WIL juga akan membantu meningkatkan mutu dan kualiti sistem pendidikan TVET berasaskan industri. Program GWIL ini telah dirintis pada tahun 2015 dan disertai oleh pelajar institusi pendidikan tinggi daripada negara-negara terlibat, iaitu:

i. Australia diwakili *Royal Melbourne Institute of Technology University* (RMIT)

ii. Amerika Syarikat diwakili *North Seattle Community College*

iii. Malaysia diwakili Politeknik Port Dickson dan Politeknik Seberang Perai




Pelajar yang menyertai Program Global Work Integrated Learning 2019

RMIT UNIVERSITY

NORTH SEATTLE COLLEGE
One of the Seattle Colleges

# PROGRAM & AKTIVITI UTAMA

## GLOBAL WORK INTEGRATED LEARNING [GWIL]

Program GWIL ini telah dilaksanakan sebanyak 2 fasa dengan penglibatan industri dalam bidang logistik antarabangsa, iaitu:

i. PKT Logistics Group Sdn Bhd, Malaysia - 2017

ii. CEVA Logistics, Melbourne, Australia - 2018

Pada tahun 2019, program ini telah dilaksanakan di *North Seattle College*, Amerika Syarikat dimana Industri yang terlibat adalah Syarikat Energ2 yang berpengkalan di Amerika Syarikat. Pelajar yang terlibat bagi program tersebut telah menjalani sesi perbincangan bagi menyelesaikan permasalahan yang diberikan oleh pihak industri. Para pelajar telah membentangkan solusi dan menyediakan laporan untuk pihak industri.



Ts. Haji Mohd Fisal Bin Haroon bersama-sama wakil peserta daripada North Seattle College, USA dan RMIT,Melborne bagi Program Global Work Integrated Learning 2019

# PROGRAM & AKTIVITI UTAMA

## 6-DAY TRAINING WORKSHOP ON CONSTRUCTION AND ENGINEERING TECHNOLOGIES

Malaysia telah menyertai Forum *'Belt and Road'* bertempat di Pusat Persidangan Kebangsaan China di Beijing. Melalui kerjasama ini, Malaysia bakal menerima manfaat daripada projek infrastruktur besar-besaran yang akan dilaksanakan.

JPPKK telah menerima pelawaan rasmi bagi menyertai program *6-Day Training Workshop On Construction And Engineering Technologies* bertempat di kampus Guizhou Polytechnic of Construction (GZPC), Guiyang, Republik Rakyat China.

Program ini telah berlangsung pada 15 hingga 22 September 2019 melibatkan penyertaan 28 orang pensyarah politeknik dan kolej komuniti serta pegawai daripada JPPKK meliputi bidang Teknikal (Teknologi Kejuruteraan, Pembinaan, Senibina, Kejuruteraan Awam, Kejuruteraan Elektrik) dan Perkhidmatan (Pelancongan dan Hospitaliti).

Program latihan teknikal ini telah memberi pendedahan bidang teknikal, perkhidmatan dan silang budaya antara dua negara. Dengan adanya peluang kerjasama di peringkat global ini, ia secara tidak langsung akan dapat memberikan impak positif kepada sistem pendidikan TVET negara.




Sesi pembukaan program dan sesi bergambar bersama-sama pengurusan GZPC






Aktiviti kesenian China bersama-sama pensyarah dan pelajar GZPC



# PROGRAM & AKTIVITI UTAMA

## I-WORK INTERNATIONAL APPRENTICESHIP WORKSHOP

Program *I-work International Apprenticeship Workshop* merupakan program kerjasama di antara British Council dan JPPKK bagi mendapatkan maklumat dalam melaksanakan program *Apprenticeship* antara Politeknik dan Kolej Komuniti dan dengan industri. Politeknik Muadzam Shah dan kolej Komuniti Gerik telah terpilih sebagai institusi peneraju bagi melaksanakan projek ini. Kedua-dua institusi ini, telah diletakkan di dalam kumpulan mengikut kluster dan sesi perbengkelan tersebut telah dijalankan di institusi pengelola (*host institution*) projek mengikut kluster tersebut.

Selain itu, Politeknik Muadzam Shah terlibat bagi menambahbaik garis panduan pelaksanaan *internship*, manakala Kolej Komuniti Gerik pula telah terpilih untuk melaksanakan program *apprenticeship* dalam bidang automotif. Seramai 15 orang pelajar Kolej Komuniti Gerik telah menjalani *pilot project* bagi program *apprenticeship* tersebut bersama-sama industri automotif seperti Toyota, Honda, Ramli Motor Workshop, dan Proton.

TOYOTA HONDA PROTON *It's in the Drive!*






Sesi pelancaran program I-WORK INTERNATIONAL APPRENTICESHIP WORKSHOP dan penyerahan pelajar yang menyertai program kepada pihak industri





# PENUTUP

Tahun 2019 telah memperlihatkan pelbagai usaha telah dilaksanakan oleh BKTVET bagi mencapai beberapa kejayaan yang membanggakan. Pelbagai program dilaksanakan telah menguji kebolehan, kekuatan, kepakaran, komitmen dan kerjasama yang utuh di kalangan warga BKTVET bagi mencapai objektif program yang telah dirancang sepanjang tahun 2019. Program-program yang berimpak tinggi telah dilaksanakan sepanjang tahun 2019 dimana ianya akan merubah lanskap pendidikan negara terutama hala tuju TVET di masa depan. Tahniah dan Syabas kepada semua warga BKTVET yang sama-sama telah mengembleng tenaga dan berkongsi kepakaran dalam merealisasikan semua aktiviti-aktiviti yang telah dirancang sepanjang tahun 2019.

# BAHAGIAN
# PERANCANGAN PROGRAM & INSTITUSI

# PENGENALAN

Bahagian Perancangan Program dan Institusi (BPPI), JPPKK terdiri daripada 2 unit iaitu Unit Perancangan Program (UPP) dan Unit Infrastruktur & Fasiliti (UIF). UPP berfungsi merancang, mengurus dan memantau program pengajian di institusi, merancang unjuran kapasiti pelajar di institusi serta merancang pelaksanaan dan penilaian *Centre of Technology* (COT). Unit ini juga berperanan merancang dan mengurus permohonan projek/program pembangunan fizikal dan bukan fizikal melalui peruntukan rancangan Malaysia (RMK) atau lain-lain sumber peruntukan pembangunan.

Manakala UIF berperanan merancang dan mengurus keperluan permohonan projek/program, kemudahan fizikal/program pendidikan dan latihan institusi serta mengurus pelaksanaan projek/program pembangunan fizikal yang diluluskan. UIF turut berperanan memantau prestasi fizikal projek dan kewangan bagi peruntukan pembangunan P63 yang dilaksanakan bahagian/institusi di bawah JPPKK serta memberi khidmat nasihat teknikal untuk permohonan perbelanjaan mengurus tahunan bagi kerja-kerja pembaikan, penyelenggaraan serta naik taraf institusi.

# PROGRAM & AKTIVITI UTAMA

## PENGISYTIHARAN DAN PENGIKTIRAFAN CENTRE OF TECHNOLOGY (COT)

Bagi tahun 2019, sebanyak 4 *Centre Of Technology* (COT) telah dinilai oleh Panel Auditor yang dilantik daripada Universiti Awam dan pihak industri. Kesemua COT yang diaudit berjaya mencapai markah cemerlang hasil audit yang dijalankan sekaligus mengiktiraf prestasi bagi melestarikan kecemerlangan penubuhannya. Sebanyak 4 politeknik iaitu PSAS, PTSB, PSP dan PMJ telah diaudit sepanjang tahun 2019.




Sekitar Audit Centre of Technology (COT) Politeknik 2019



Sekitar Audit Centre of Technology (COT) Politeknik 2019

## PENGISYTIHARAN COT BAHARU

| POLITEKNIK | BIDANG TUJAHAN | ISYTIHAR |
|---|---|---|
| Politeknik Mersing (PMJ) | Keselamatan Siber | 2019 |
| Politeknik Seberang Perai (PSP) | Logistik | 2019 |

## PENGIKTIRAFAN COT BAHARU

| POLITEKNIK | COT | BIDANG TUJAHAN | ISYTIHAR | IKTIRAF |
|---|---|---|---|---|
| Politeknik Tuanku Sultanah Bahiyah (PTSB) | MRTC | Mekatronik Robotik | 2011 | 2019 |

# PROGRAM & AKTIVITI UTAMA

## KONVENSYEN CENTRE OF TECHNOLOGY [COT] & MAJLIS APRESIASI COT JPPKK 2019

Program Konvensyen *Centre of Technology* (COT) & Majlis Apresiasi COT JPPKK 2019 telah diadakan pada 6 November 2019 bertempat di Bilik Latihan Aras 1, Galeria PjH, Persiaran Perdana, Presint 4, W.P. Putrajaya. Program ini telah dihadiri oleh Ahli Pengurusan Tertinggi JPPKK, Pengarah Bahagian di JPPKK, Pengarah Politeknik & Kolej Komuniti serta 30 wakil industri. Program ini terbahagi kepada 2 sesi acara iaitu:

- ✓ Konvensyen COT JPPKK 2019; dan
- ✓ iMajlis Apresiasi COT JPPKK 2019

Konvensyen yang dianjurkan ini bertujuan mendedahkan kekuatan COT kepada pihak industri melalui amalan terbaik dan pencapaian serta pengikitirafan yang pernah dicapai sejak penubuhan COT secara rasmi pada 2015. 4 COT telah membuat pembentangan semasa konvensyen tersebut, iaitu *Centre of Technology in Marine Engineering* (CTME), PUO; *Centre for Air-conditioning & Refrigeration* (CARe), PUO; *Centre for Medical Electronic Technology* (CMET), PSA; dan *Creative Design Centre* (CDeC), PIS.




Pengurus COT PIS memberi penerangan mengenai CDeC PIS






Sekitar lawatan tapak semasa majlis berlangsung

# PROGRAM & AKTIVITI UTAMA

## KONVENSYEN CENTRE OF TECHNOLOGY [COT] & MAJLIS APRESIASI COT JPPKK 2019

Majlis Apresiasi COT JPPKK 2019 julung kali diadakan sebagai memberi penghargaan dan mengiktiraf komitmen pihak COT bagi tahun 2018. Majlis turut mengiktiraf *Mechatronic Robotic Technology Centre* (MRTC), PTSB sebagai COT baharu bagi tahun 2019 berdasarkan prestasi pencapaian melebihi 80% markah. C@Logs, PSP & *Cyber Range Academy* (CRA), PMJ telah diisytihar sebagai COT 2019 berdasarkan prestasi pencapaian yang telah melebihi 40% markah.




Sesi penyampaian hadiah kepada pemenang




| | | |
|---|---|---|
| **Pencapaian *Centre of Technology* (COT) Terbaik** | **Pertama :** Centre of Air-conditioning and Refrigeration (CARe) | Politeknik Ungku Omar (PUO) 100% |
| | **Kedua :** Centre of Architectural Technology (CArT) | Politeknik Port Dickson (PPD) 98% |
| | **Ketiga:** Centre for Medical Electronic Technology (CMET) | Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah (PSA) 97% |

# PROGRAM & AKTIVITI UTAMA

## MAJLIS PERASMIAN INSTITUSI

Tahun 2019 telah menyaksikan perasmian 2 kampus baharu kolej komuniti iaitu kampus sementara Kolej Komuniti Simpang Renggam dan kampus baharu Kolej Komuniti Tambunan. Kolej Komuniti Simpang Renggam telah dirasmikan oleh YB Menteri Pendidikan Malaysia, Dr. Maszlee Malik pada 14 April 2019. Buat masa ini, Kolej Komuniti Simpang Renggam akan beroperasi di premis sementara iaitu di Pusat Kegiatan Guru (PKG) Bandar Renggam dan pelbagai kursus pendek di bawah program Pembelajaran Sepanjang Hayat akan ditawarkan kepada komuniti setempat.



Majlis perasmian kampus sementara Kolej Komuniti Simpang Renggam



Majlis perasmian Kolej Komuniti Tambunan

Kampus Kolej Komuniti Tambunan telah dirasmikan oleh Ketua Menteri Sabah, YAB Datuk Seri Panglima Haji Mohd Shafie bin Haji Afdal pada 20 Julai 2019. Kolej Komuniti Tambunan menawarkan program sepenuh masa seperti program Sijil Agroteknologi, Sijil Pelancongan dan Pengembaraan serta Sijil Penyelenggaraan Kenderaan Pacuan Empat Roda bagi pelajar lepasan SPM. Pelbagai kursus pendek di bawah program Pembelajaran Sepanjang Hayat juga turut ditawarkan di kolej komuniti ini.

# PROGRAM & AKTIVITI UTAMA

## PENAWARAN PROGRAM PENGAJIAN BAHARU 2019

Dalam usaha memastikan politeknik dan kolej komuniti sentiasa releven, penawaran program-program pengajian baharu di politeknik dan kolej komuniti merupakan inisiatif yang dilaksanakan secara berterusan dalam melahirkan modal insan berkemahiran bagi memenuhi menyediakan tenaga kerja separuh mahir negara. Oleh itu, bagi tahun 2019, terdapat 3 program pengajian baharu telah ditawarkan di kolej komuniti dan politeknik. Program-program tersebut adalah seperti berikut:

**Program Pengajian Baharu Politeknik bagi Tahun 2019**

- **Diploma Kej. Mekatronik Elektif Rolling Stock (DKM)** – Politeknik Nilai
- **Diploma Seni Kulinari (DCC)** – Politeknik Merlimau Melaka
- **Diploma Kej. Mekatronik Elektif Signaling & Communication (DEM)** – Politeknik Sultan Azlan Shah

**Program Pengajian Baharu Kolej Komuniti bagi Tahun 2019**

- **Sijil Teknologi Penyejukan Dan Penyamanan Udara (SPU)** – KK Tasek Gelugor
- **Sijil Pengembaraan Pelancongan (SPL)** – KK Cawangan Sibu (Kampus induk KK Sarikei)
- **Sijil Teknologi Senibina (STS)** – KK Cawangan Hulu Terengganu (Kampus induk KK Kuala Terengganu)

** Keenam-enam program pengajian baharu di atas telah memulakan penawaran di politeknik dan kolej komuniti yang terbabit mulai sesi Disember 2019.

# PROGRAM & AKTIVITI UTAMA

## PENAMATAN PROGRAM-PROGRAM SIJIL KOLEJ KOMUNITI DAN DIPLOMA POLITEKNIK

Bagi memastikan program di politeknik dan kolej komuniti sentiasa relevan dengan perkembangan semasa dan keperluan industri, sebanyak 2 program pengajian di politeknik dan 87 program sijil kolej komuniti telah ditamatkan penawaran. Senarai program-program yang terlibat adalah seperti berikut :

| BIL | POLITEKNIK/KOLEJ KOMUNITI | PROGRAM |
|---|---|---|
| 1. | PKK | Diploma in Business Studies |
| 2. | PSS | Diploma in Tourism Management |
| 3. | KK Teluk Intan, KK Selayang | Sijil Animasi 2D |
| 4. | KK Selayang, KK Kuantan | Sijil Animasi 3D |
| 5. | KK Sabak Bernam, KK Segamat | Sijil Pelukis Pelan Senibina |
| 6. | KK Teluk Intan | Sijil Teknologi Senibina |
| 7. | KK Teluk Intan, KK Tapah, KK Sabak Bernam, KK Tanjong Karang, KK Kuantan, KK Segamat, KK Segamat 2, KK Bandar Darulaman, KK Jasin, KK Jempol, KK Kepala Batas, KK Kuching, KK Arau, KK Kuala Terengganu, KK Betong | Sijil Lukisan Senibina |
| 8. | KK Sungai Siput, KK Pasir Salak, KK Kuala Langat, KK Hulu Selangor, KK Lipis, KK Kota Tinggi, Langkawi Tourism Academy@Kolej Komuniti Langkawi, KK Jerai, KK Tangga Batu, KK Kuching, KK Semporna | Sijil Pengendalian Pelancongan |
| 9. | KK Gerik | Sijil Reka Bentuk dan Pembuatan Perabot |
| 10. | KK Taiping, KK Bayan Baru, KK Tampin | Sijil Dandanan Rambut |
| 11. | KK Bagan Serai, KK Kuala Langat, KK Hulu Langat, KK Bentong, KK Pasir Mas, KK Ledang, KK Bandar Penawar, KK Pasir Gudang, KK Kulim, KK Selandar, KK Jasin, KK Penampang | Sijil Perakaunan |
| 12. | KK Kuala Langat, KK Bentong, KK Pasir Mas, KK Ledang, KK Bandar Penawar, KK Pasir Gudang, KK Kulim, KK Selandar, KK Jasin | Sijil Pengkeranian Akaun |
| 13. | KK Sabak Bernam, KK Hulu Selangor, KK Klang, KK Paya Besar, KK Segamat, KK Tanjung Piai, KK Bandar Darulaman, KK Masjid Tanah, KK Selandar, KK Jasin, KK Jelebu, KK Seberang Jaya, KK Arau, KK Tawau,KK Kemaman, KK Jempol | Sijil Rangkaian Komputer |
| 14. | KK Jempol, KK Seberang Jaya | Sijil Sistem Komputer dan Rangkaian |
| 15. | KK Kuantan, KK Jelebu, KK Bayan Baru | Sijil Pemasangan Elektrik |
| 16. | KK Paya Besar, KK Kok Lanas, KK Jasin | Sijil Fotografi Komersil |
| 17. | KK Rembau, KK Lahad Datu | Sijil Industri Agro |
| 18. | KK Tampin | Sijil Akuakultur |
| 19. | KK Arau, KK Lahad Datu | Sijil Pemprosesan Makanan Komersil |

# PROGRAM & AKTIVITI UTAMA

## MESYUARAT JAWATANKUASA TINDAKAN PEMBANGUNAN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI (JTPPKK) 2019

Mesyuarat Jawatankuasa Tindakan Pembangunan Politeknik dan Kolej Komuniti (JTPPKK) bagi tahun 2019 telah berjaya diadakan sebanyak 6 kali iaitu pada bulan Mac, Mei, Julai, September, November dan Disember 2019. Mesyuarat ini diadakan bertujuan:

i. Memastikan keberkesanan perancangan RMK setiap lima (5) tahun;

ii. Memastikan setiap projek RMK memenuhi spesifikasi dan pelaksanaan mengikut jadual;

iii. Memastikan pemantauan projek pembangunan berhasil seperti yang dirancang; dan

iv. Memastikan pelaksanaan kerja penyenggaraan berskala besar.




Tanggungjawab JTPPKK dalam memastikan perancangan dan pelaksanaan projek pembangunan di Politeknik dan Kolej Komuniti

# PROGRAM & AKTIVITI UTAMA

## PROJEK PEMBANGUNAN FIZIKAL (BINA DAN UBAHSUAI)

Sepanjang tahun 2019, beberapa projek pembangunan fizikal iaitu pembinaan dan ubahsuai bangunan politeknik dan kolej komuniti giat dijalankan. Projek pembinaan kampus Politeknik Besut dan Politeknik Hulu Terengganu merupakan contoh beberapa projek yang sedang dalam proses pelaksanaan. Projek pembinaan kampus Politeknik Hulu Terengganu kini berada di dalam fasa *testing* dan *commissioning*. Pra-penyerahan dijangka dilaksanakan pada bulan Januari 2020 dengan peratus kemajuan projek sebanyak 99.7%.



Keadaan semasa di dalam kampus Politeknik Hulu Terengganu



Keadaan tapak semasa di PBT

kampus tetap Politeknik Besut Terengganu (PBT) yang dijangka siap pada bulan Januari 2021 bakal menempatkan dua Jabatan iaitu Jabatan Teknologi Maklumat yang menawarkan program Diploma Teknologi Maklumat (Teknologi Digital) dan Jabatan Reka Bentuk dan Komunikasi Visual yang menawarkan program *Diploma In Industrial Craft* dan Diploma In Batik Fashion Design

# PROGRAM & AKTIVITI UTAMA

## PROJEK NAIK TARAF POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI

Projek naiktaraf politeknik dan kolej komuniti juga sedang rancak dilaksanakan sepanjang tahun 2019. Berikut merupakan projek-projek berkaitan pembangunan politeknik dan kolej komuniti yang dilaksanakan sepanjang tahun ini:

### PROJEK NAIK TARAF KOLEJ KOMUNITI

Bagi tahun 2019, sebanyak tiga (3) projek naik taraf kolej komuniti telah selesai pelaksanaan iaitu KK Sabak Bernam, Selangor (siap pada 18 Mac 2019), KK Pasir Salak, Perak (siap pada 5 Mac 2019) dan KK Hulu Langat, Selangor (siap pada 6 April 2019).




Gambar berkaitan projek naiktaraf 3 kolej komuniti yang telah selesai

# PROGRAM & AKTIVITI UTAMA

## PROJEK NAIK TARAF POLITEKNIK

Manakala beberapa contoh pelaksanaan projek naik taraf yang sedang di dalam proses penyiapan adalah seperti projek menaik taraf bangunan dan infrastruktur KK Betong di bangunan Politeknik METrO Betong, Sarawak dan projek menaik taraf Bangunan dan infrastruktur KK Shah Alam di bangunan Politeknik Shah Alam.






# PROGRAM & AKTIVITI UTAMA

## PROJEK NAIK TARAF POLITEKNIK

Selain itu, terdapat beberapa projek menaiktaraf perpustakaan di politeknik. Sebagai contoh, projek menaiktaraf perpustakaan sedia ada Politeknik Port Dickson telah selesai dimana proses penyerahan telah dilakukan pada 16 Ogos 2019 dan kini sedang berada di dalam tempoh DLP. Manakala projek menaiktaraf perpustakaan sedia ada POLIMAS juga telah selesai dimana proses penyerahan pada 24 Disember 2019.



Perpustakaan sedia ada PPD yang telah selesai kerja naik taraf pada bulan Ogos 2019



Perpustakaan sedia ada POLIMAS yang telah selesai kerja naik taraf pada bulan Disember 2019

# PROGRAM & AKTIVITI UTAMA

## PELAKSANAAN INDUSTRY ON CAMPUS (IOC)

Pelaksanaan *Industry on Campus* (IOC) merupakan satu inisiatif JPPKK kepada institusi baharu dan sedia ada bagi membawa persekitaran sebenar industri ke dalam proses Pengajaran dan Pembelajaran (PdP). Ianya juga bertujuan merapatkan jurang atribut graduan dengan keperluan sebenar industri. Cadangan model bagi konsep IOC telah dibentangkan pada Mesyuarat *Industry Advisory Council* (IAC) tahun 2019 dan telah mendapat maklum balas yang positif daripada pihak industri.




Cadangan model bagi konsep IOC

# PROGRAM & AKTIVITI UTAMA

## PELAKSANAAN INDUSTRY ON CAMPUS (IOC)

Sehingga kini, konsep IOC telah mula dilaksanakan di beberapa politeknik dan kolej komuniti. Pihak industri sentiasa menyokong usaha JPPKK ke arah pelaksanaan konsep ini memandangkan ianya telah memberi banyak faedah dan manfaat kepada pelajar, institusi dan industri yang terlibat di samping memastikan kerelevenan program pengajian di politeknik dan kolej komuniti.

| Institusi | Bidang | Jangkaan Tahun Beroperasi |
|---|---|---|
| Sabah Digital Academy @ KK Papar | Teknologi Maklumat & Logistik | 2021 |
| Food Cube @ KK Simpang Renggam | Pemprosesan Makanan | 2021 |
| The Baker's @ KK Pendang | Pastri | 2021 |
| Kota Kinabalu Tourism Academy @ KK Kota Kinabalu | Pelancongan dan Perhotelan | 2022 |

Cadangan pelaksanaan IOC di institusi baharu







Contoh pelaksanaan konsep IOC di politeknik dan kolej komuniti

# PENUTUP

Kesimpulannya, program dan projek yang dirancang oleh Bahagian Perancangan Program dan Institusi (BPPI) bagi tahun 2019 telah berjaya dilaksanakan. Setiap unit yang terdapat di dalam Bahagian ini bekerjasama dalam menjayakan fungsi tugas unit masing-masing bagi memastikan perancangan program dan institusi di politeknik dan kolej komuniti berjalan dengan lancar.

Segala perancangan aktiviti dan program akan diteruskan ke tahun 2020 demi merealisasikan visi dan misi jabatan. Bahagian ini juga akan terus komited dan bekerjasama dengan bahagian-bahagian lain serta semua institusi di politeknik dan kolej komuniti demi mencapai visi dan misi kementerian.

# PUSAT
# PENYELIDIKAN & INOVASI

# PENGENALAN

Pusat Penyelidikan dan Inovasi (PPI) berperanan sebagai 'agensi pusat' berkaitan pembangunan penyelidikan, inovasi dan pengkomersialan bagi sistem pendidikan politeknik dan kolej komuniti. Selain daripada itu PPI juga berperanan sebagai pemudahcara dalam membudayakan serta memperkasakan penyelidikan, inovasi dan pengkomersialan dalam kalangan warga politeknik dan kolej komuniti. Fungsi PPI adalah seperti berikut:

i. Merancang, mengurus dan memantau penyelidikan dan penerbitan ilmiah di politeknik dan kolej komuniti.
ii. Merancang, mengurus dan memantau pembangunan inovasi dan pengkomersialan.
iii. Memberi khidmat nasihat dan kepakaran berkaitan penyelidikan, inovasi dan pengkomersialan.
iv. Merancang, perolehan dan pengurusan harta intelek dan pengkomersialan hasil inovasi/produk.

# PROGRAM & AKTIVITI UTAMA

## PENYERAHAN KONTRAK GERAN PENYELIDIKAN TVET APPLIED RESEARCH GRANT SCHEME (T-ARGS).

Warga akademik politeknik dan kolej komuniti telah membuktikan kesungguhan, strategi dan kualiti dalam menyediakan proposal bagi *TVET Applied Research Grant Scheme* (T-ARGS). Sebanyak 45 geran T-ARGS berjumlah RM 3,069,500.00 telah berjaya diperolehi dalam tahun 2019 melalui 16 permohonan bagi Fasa 1 dan 29 permohonan bagi Fasa 2 melibatkan penyelidik dari politeknik dan kolej komuniti. Majlis penyerahan geran telah pun berlangsung di JPPKK pada 11 Februari 2019 bagi Fasa 1 dan pada 30 Mei 2019 bagi Fasa 2.



Majlis penyerahan geran T-ARGS Fasa 1



Majlis penyerahan geran T-ARGS Fasa 2

# PROGRAM & AKTIVITI UTAMA

## PENYERAHAN KONTRAK GERAN PENYELIDIKAN TVET APPLIED RESEARCH GRANT SCHEME (T-ARGS).

**SENARAI PROJEK DANA PENYELIDIKAN T-ARGS FASA 1/2019**

| BIL | NAMA PROJEK | INSTITUSI |
|---|---|---|
| 1 | *Development of Boat Hull Made of Treated Natural Fiber Hybrid Composite Laminate Using Vacuum Infusion* | Politeknik Tuanku Syed Nasir |
| 2 | *Application of Dielectric Spectroscopy as Viscosity Measurement for Automation Industries* | Politeknik Kuching Sarawak |
| 3 | *Development of Hydraulic Landing Gear Training Kit* | Politeknik Banting Selangor |
| 4 | *Designing and Developing A Tractor Gearbox Stand for Small And Medium Enterprises (SMES)* | Politeknik Melaka |
| 5 | *Resilient Smart Gloves (RSG)* | Politeknik Banting Selangor |
| 6 | *Development of Removal Mechanisms for Fish Processing Wastewater by Using Ionic Cupric Copper In Single Step Biochemical Treatment* | Politeknik Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah |
| 7 | *Semi Auto Light Aircraft Towing Device* | Politeknik Banting Selangor |
| 8 | *Design And Development Of Automatic Rapid Manufacturing for Layer Cake (ARM-LC)* | Politeknik Sultan Azlan Shah |
| 9 | *An Innovation of Hands Free Crutches for Greater Freedom While Walking and Pain-Free* | Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah |
| 10 | *IoT Platform Based to Monitor Intelligent Green House (IGH) System* | Politeknik Port Dickson |
| 11 | *Development Rebroadcast Algorithm In Ipv6 Low Power Network for Smart Building Automation System* | Politeknik Merlimau |
| 12 | *Iot Based System for Polimas Smart Digital Campus Implementation* | Politeknik Sultan Abdul Halim Muadzam Shah |
| 13 | *Formulation of Hybridisation Pinanga Malaiana Fiber (PMF) Composite For Impact Assessment Using Polymeric Matrices* | Politeknik Banting |
| 14 | *Frozen Cucurbita Puri Bread with Chia Seeds* | Politeknik Tun Syed Nasir Syed Ismail |
| 15 | Pembangunan Inkubator Elektronik untuk Pembiakkan Unggas dengan Pendekatan Pelembab Udara dan Pengesan Embrio Secara Pemantauan Bersepadu (IoT) | Politeknik Tuanku Sultanah Bahiyah |
| 16 | Pembangunan Sistem untuk Fi Permohonan Kebenaran Merancang (FIKM) Bagi Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) | Politeknik Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah |

# PROGRAM & AKTIVITI UTAMA

## PENYERAHAN KONTRAK GERAN PENYELIDIKAN TVET APPLIED RESEARCH GRANT SCHEME (T-ARGS).

### SENARAI PROJEK DANA PENYELIDIKAN T-ARGS FASA 2/2019

| BIL | TAJUK | INSTITUSI |
|---|---|---|
| 1 | *Multispectral Imaging for Black Pepper Farming* | Politeknik Kuching Sarawak |
| 2 | *Anti Ballistic Hybrid Bamboo Composites Wall of Construction Materials for Green and Defense Technology* | Politeknik Port Dickson |
| 3 | *Development of Silver Nano Particle Filler Polymer Composites as Stretchable Conductive Ink (SCI) for Additive Manufacturing* | Politeknik Ungku Omar |
| 4 | *Cocopeat Wood Waste Utilization Bonded with Mixed Latex/Nano Silicon Dioxide ($Sio_2$) In Particleboard Manufacturing* | Politeknik Kota Kinabalu |
| 5 | *Sustainable Thermal Food Container on Vehicle using Waste Heat Recovery System with Web-Based Monitoring* | Politeknik Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah |
| 6 | *IoT based I-V Tracer for PV Monitoring Applications using Zeta Dc-Dc Converter* | Kolej Komuniti Bandar Darulaman |
| 7 | *Multigrain Dryer Machine* | Politeknik Kota Kinabalu |
| 8 | *Solar Powered Automatic Fish Dissolved Oxygen Optimiser In Caged Fish Farm Industry* | Politeknik Kota Bharu |
| 9 | Merekabentuk Produk Perengkuh Paip Ergonomik dengan menggunakan Sistem Tuas | Politeknik Sultan Azlan Shah |
| 10 | Pembangunan Pemidang Egronomik Boleh Laras bagi Proses Mencanting Batik | Politeknik Seberang Perai |
| 11 | Mesin Pembelah Ikan Semi-Automatik Bagi Penghasilan Produk Ikan Masin | Politeknik Sultan Haji Ahmad Shah |
| 12 | *Dye Textile Effluent Solar Desalination Enhanced using Graphene Carbon Foams* | Politeknik Ungku Omar |
| 13 | *Development of Abrasive Garnet Recycling System for Waterjet Cutting Industries* | Politeknik Kuching |
| 14 | *Eco Bioplastics Packaging* | Politeknik Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah |

# PROGRAM & AKTIVITI UTAMA

## PENYERAHAN KONTRAK GERAN PENYELIDIKAN TVET APPLIED RESEARCH GRANT SCHEME (T-ARGS).

### SENARAI PROJEK DANA PENYELIDIKAN T-ARGS FASA 2/2019

| BIL | TAJUK | INSTITUSI |
|---|---|---|
| 15 | *The Recycling Aluminium Chips (Aa6061) Using Hot Extrusion Process for Sustainability Environment And Green Technology* | Politeknik Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah |
| 16 | *Prototype Development of Multipurpose Hydraulic Door Installation Tool* | Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah |
| 17 | Pembangunan Prototaip Mesin Penggaul Media Bongkah Cendawan Automatik | Politeknik Sultan Haji Ahmad Shah |
| 18 | *Development of Free Energy Dual Direction Flash Light* | Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah |
| 19 | *Emergency Exit Lockset for Grille Door* | Politeknik Tuanku Syed Sirajuddin |
| 20 | Pembangunan Sistem Iot Dalam Kawalan Proses Paras | Politeknik Ungku Omar |
| 21 | Pembangunan Permainan Berdasarkan Modul Asas Masakan Barat Untuk Pelajar Berkeperluan Khas Bermasalah Pembelajaran dan Pendengaran Melalui Visual Aids dan Audio | Kolej Komuniti Selayang |
| 22 | Pengujian Komponen Elektronik Secara Interaktif dengan Teknologi Augmented Reality (AR) | Kolej Komuniti Kelana Jaya |
| 23 | *Development of A Smart Emotion-Based Game to Enhance Writing Skill* | Kolej Komuniti Selayang |
| 24 | *Integration of The Global Positioning System (GPS) and Triaxial Aaccelerometer as Hibrid Sensor for Bridge Deformation Monitoring System (BDMS)* | Politeknik Ungku Omar |
| 25 | *IoT for Teaching Module : Applying Gamification Techniques & Augmented Reality for Learning Cake Decoration* | Kolej Komuniti Baling |
| 26 | *Application Of Coaching Communication Scale (CCS) for Identifying TVET Educator's Teaching Competencies* | Politeknik Kuching |
| 27 | Penghasilan Sekaya berasaskan Kelapa Sawit | Kolej Komuniti Chenderoh |
| 28 | *Enhacing Vitamin C content In Phyllanthus Emblica Facial Serum Through Cold Pressed Method* | Politeknik Merlimau |
| 29 | Penghasilan Aditif Makanan berasaskan Herba | Kolej Komuniti Chenderoh |

# PROGRAM & AKTIVITI UTAMA

## KONVENSYEN KUMPULAN INOVATIF & KREATIF HORIZON BAHARU PERINGKAT KEBANGSAAN 2019



Pemenang-pemenang Konvensyen Kumpulan Inovatif & Kreatif Horizon Baharu

Konvensyen Kumpulan Inovatif dan Kreatif Horizon Baharu merupakan satu platform kepada para pegawai di politeknik dan kolej komuniti untuk menggunakan pendekatan baharu dan berbeza dalam melaksanakan sesuatu dasar atau perkhidmatan. Bertemakan “Revolusi Teknologi ke Arah Kelestarian Inovasi”. Konvensyen ini telah berlangsung pada 5 – 8 Ogos 2019 bertempat di Politeknik Tuanku Sultanah Bahiyah, Kedah. Sebanyak 41 penyertaan merangkumi 2 kategori iaitu Inovasi Sosial dan Inovasi Penyampaian Perkhidmatan dan 41 produk inovasi telah berjaya diaplikasi.



# PROGRAM & AKTIVITI UTAMA

## 9th NATIONAL CONFERENCE IN TECHNICAL & VOCATIONAL EDUCATION AND TRAINING [CiE-TVET 2019]

*National Conference In Technical and Vocational Education and Training (CiE-TVET 2019)* merupakan persidangan tahunan yang dianjurkan oleh JPPKK dengan kerjasama Politeknik Banting dan Kolej Komuniti Kuala Langat telah berlangsung pada 20 – 21 Ogos 2019 bertempat di Politeknik Banting, Selangor. Persidangan ini berjaya dianjurkan dari tahun 2011 sehingga kini.




Penyampaian Hadiah CiE-TVET

Penganjuran persidangan ini dilihat menjadi satu platform penting bagi warga JPPKK terutamanya dalam membentangkan hasil kajian seterusnya menjadi medium perkongsian ilmu. Tema persidangan pada tahun ini adalah *Leveraging TVET for a Better Future* dengan 112 penyertaan daripada pelbagai institusi pendidikan dan 88 kertas penyelidikan berjaya diterbitkan di dalam *e-proceeding CiE-TVET 2019*.




Persidangan CiE-TVET di Politeknik Banting, Selangor



# PROGRAM & AKTIVITI UTAMA

## THE 4th INTERNATIONAL CONFERENCE ON RESEARCH IN TVET STUDIES (ICOR-TVET 2019)

Seminar ICOR-TVET 2019 ini merupakan seminar anjuran JPPKK dengan kerjasama Universitas Pamulang (UNPAM), Jakarta bersama-sama Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, politeknik serta kolej komuniti zon tengah. Seminar ini telah berlangsung pada 9 September 2019 bertempat di UNPAM, Jakarta. Persidangan yang bertemakan *Leveraging IR4.0 in TVET Ecosystem* ini mampu memperkasa lagi ekosistem penyelidikan TVET di peringkat antarabangsa. Sebanyak 101 kertas penyelidikan berkualiti berjaya diterbitkan di *dalam e-proceeding* ICOR-TVET dengan 181 penyertaan pembentangan kertas penyelidikan merangkumi institusi dalam dan luar negara.



Sekitar Lawatan oleh YBhg. Ts. Dr. Mohammad Naim bin Yaakub, Ketua Pengarah JPPKK



Majlis perasmian seminar ICOR-TVET 2019



# PROGRAM & AKTIVITI UTAMA

## LIGA ILMU SERANTAU 2019

Seminar Liga Ilmu Serantau (LIS) merupakan seminar peringkat antarabangsa anjuran JPPKK dengan kerjasama Yayasan Ibnu Sina, Batam serta Politeknik Jambi, Indonesia. Seminar ini merupakan seminar yang ke-6 diadakan pada pada 26 September 2019 bertempat di Politeknik Mersing. Tema seminar pada kali ini adalah "Memperkayakan Kreativiti Penyelidikan dan Inovasi ke arah Revolusi Industri 4.0". Penglibatan 2 negara serumpun ini mampu memperkasakan lagi penyelidikan dalam sistem pendidikan negara. Sebanyak 97 kertas penyelidikan berkualiti telah diterbitkan di dalam e-Jurnal LIS 2019 melibatkan 105 penyertaan pembentangan kertas penyelidikan merangkumi peserta dari institusi dalam negara seperti politeknik, kolej komuniti dan peserta dari luar negara seperti Yayasan Pendidikan Ibnu Sina, dan Politeknik Jambi.






Seminar liga ilmu serantau

# PROGRAM & AKTIVITI UTAMA

## SEMINAR PEMBELAJARAN SEPANJANG HAYAT 2019

Seminar Pembelajaran Sepanjang Hayat ini talah dianjurkan oleh PPI, JPPKK dan Kolej Komuniti Jasin dengan kerjasama Kolej Komuniti Melaka dan Negeri Sembilan serta Bahagian Kurikulum, Bahagian Peperiksaan dan juga Bahagian Kolaborasi Industri,JPPKK. Seminar ini telah berlangsung pada 10 Oktober 2019 bertempat di Kolej Komuniti Jasin, Melaka. Sebanyak 74 kertas penyelidikan berjaya diterbitkan di dalam e-proceeding SPSH 2019 dengan 83 penyertaan pembentangan kertas penyelidikan dari politeknik dan kolej komuniti serta institusi pendidikan luar. Seminar ini mengetengahkan lima (5) pencapaian tertinggi (*best practice*) dalam pengurusan pembelajaran sepanjang hayat di kolej komuniti seluruh Malaysia.



# PROGRAM & AKTIVITI UTAMA

## MAJLIS PENYERAHAN PROJEK PPRN POLITEKNIK KOTA BHARU

Politeknik Kota Bharu telah berjaya melaksanakan 3 projek *Public-Private Research Network* (PPRN) bersama industri. Majlis penyerahan projek tersebut telah disempurnakan oleh Timbalan Ketua Setiausaha Perancangan Strategik KPM, YBhg. Dato' Kamel bin Mohamad pada 21 Oktober 2019 bertempat di Politeknik Kota Bharu. 3 Projek PPRN tersebut adalah Mesin Silaj, Mesin Keropok Lekor dan Mesin cakar ayam.





Sesi Penyerahan Projek PPRN oleh YBhg. Timbalan Ketua Setiausaha Perancangan Strategik KPM

# PROGRAM & AKTIVITI UTAMA

## MAJLIS PENYERAHAN PROJEK PPRN POLITEKNIK KOTA BHARU

### SENARAI PROJEK PUBLIC-PRIVATE RESEARCH NETWORK (PPRN) BAGI TAHUN 2019

| BIL | NAMA PROJEK | RAKAN INDUSTRI | INSTITUSI |
|---|---|---|---|
| 1 | *Semi-Automatic Machine for Production of Spring Roll (Roz-01)* | Rozeriya Enterprise Lot 1784, Kg. Rahmat 18000 Kuala Krai Kelantan | Kolej Komuniti Selayang |
| 2 | *Smart Sweeper Machine* | Alam Flora Sdn Bhd Level 5, Wisma DRB-HICOM No.2, Jalan Usahawan U1/8 Seksyen U1, 40150 Shah Alam Selangor | Politeknik Banting |
| 3 | *Semi-Automatic Cleaning and Straining Machine for Dried Chillies* | Hijrah Dagang Enterprise No.598C, Jalan Kubang Buyong Chabang Tiga, 21000 Kuala Terengganu , Terengganu | Politeknik Banting |
| 4 | Putu Mayam Machine | A Ross Enterprise | Politeknik Merlimau |
| 5 | *Abrasive Recycling System* | Precision Waterjet Sdn Bhd SL8, GSL 3110 Jalan Stakan Melayu Stakan Jaya, PH1 93250 Kuching, Sarawak | Politeknik Kuching |
| 6 | *Chilies Stalk Removal Machine* | Sri Azwani Lot 209, 2nd Floor Podium Of Wisma Tun Fuad Stephen Karamunsing, 88300 Kota Kinabalu, Sabah | Politeknik Kota Kinabalu |
| 7 | Silaj Machine | Saz Berkat Enterprise No.207, Kampung Banir Belikong 16800, Pasir Puteh Kelantan | Politeknik Kota Bharu |
| 8 | *Polyvapour Drying Machine for Honey* | Trigona Bee Malaysia Agro Exposition Park (MAEPS) Persiaran MARDI - UPM Serdang 43400 UPM Serdang Selangor | Politeknik Sultan Idris Shah |
| 9 | *Dates Deseeding Machine* | Gv Raha Trading 1280R, Taman Malik 05050, Jalan Pegawai Alor Setar, Kedah | Politeknik Sultan Haji Ahmad Shah |
| 10 | *Ginger Peeling Machine* | SM Ecofarm Lot 852 & 315, Block 18 Lambir Land District Jalanv | Politeknik Kuching |
| 11 | *LBS Steel Formwork* | Noha Niaga Sdn.Bhd. PT 1529, Tingkat 2 Persiaran KK6, Bandar Baru Kubang Kerian 16150 Kota Bharu Kelantan | Politeknik Sultan Mizan Zainal Abidin |
| 12 | *Peneram Forming Machine* | Nab Industri Enterprise No.4, Kompleks Perniagaan MDK Pusat Bandar 34300 Bagan Serai, Perak | Kolej Komuniti Bagan Serai |
| 13 | Kuih Cakar Ayam' Machine | Amin Hamid Enterprise 131C, Kampung Lubuk Katak 35000, Tapah, Perak | Politeknik Kota Bharu |
| 14 | *Spring Roll Rolling Machine* | D Reena Enterprise No.81, Jalan SS 7/1 Taman Sri Saujana | Politeknik Sultan Idris Shah |
| 15 | *Rounding Machine for Dough* | Hajah Midah Enterprise Lot 2014, Jln Palma Edar Tmn Permaisuri Indah, RPR Batu 6 Jln Pujut, 98000 Miri Sarawak | Politeknik Kuching |
| 16 | Keropok Lekor Machine | Anjung Semilang Enterprise No.112, Sungai Semilang Juru, 14000 Bukit Mertajam Pulau Pinang | Politeknik Kota Bharu |
| 17 | *Corn Peeler and Kernels Separator Machine* | Ceria Mama Nurrizqi Sdn Bhd | Kolej Komuniti Paya Besar |
| 18 | *Spriral Curry Puff Machine* | Persona Bistari Frozen Food No 33. Jalan Equine 9B Taman Equine 43300 Seri Kembangan | Politeknik Melaka |
| 19 | *Smart IoT Drying Machine* | Fayyad Venture | Politeknik Sultan Mizan Zainal Abidin |

# PROGRAM & AKTIVITI UTAMA

## e-JURNAL JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI

Pembangunan e-Jurnal merupakan hasil hubungan kerjasama Pusat Penyelidikan dan Inovasi Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti dengan Pusat Sitasi Malaysia(*Malaysia Citation Centre*). Pusat Sitasi Malaysia telah memberi khidmat nasihat dan kebenaran bagi penggunaan pangkalan data artikel akademik *MALAYSIA JOURNAL MANAGEMENT SYSTEM* (MyJMS). Penerbitan e-jurnal ini dilaksanakan pada bulan November setiap tahun.

**JUMLAH TERBITAN E-JURNAL JPPKK BAGI TAHUN 2019**

| Bil | Nama Jurnal | Bilangan Kertas Penyelidikan |
|---|---|---|
| 1 | *Politeknik & Kolej Komuniti Journal of Engineering and Technology* | 38 |
| 2 | *Politeknik & Kolej Komuniti Journal of Social Sciences and Humanities* | 20 |
| 3 | *Politeknik & Kolej Komuniti Journal of Life Long Learning* | 17 |
| JUMLAH | | 75 |




Malaysian Citation Centre
Pusat Sitasi Malaysia
MyJurnal






# PROGRAM & AKTIVITI UTAMA

## PERTANDINGAN INOVASI ANJURAN PUSAT PENYELIDIKAN DAN INOVASI, JPPKK

Pelan Strategik Politeknik dan Kolej Komuniti (2018-2025) telah menggariskan empat nilai teras iaitu kreatif, inovatif, integriti, tangkas dan profesionalisme yang menjadi agenda penting JPPKK dalam melonjak politeknik dan kolej komuniti ke arah kecemerlangan dalam mentransformasi TVET. Enam (6) teras strategik menjadi asas dalam mencapai keberhasilan prestasi utama Pelan Strategik Politeknik dan Kolej Komuniti (2018-2025).

PPI, JPPKK bertanggungjawab menyokong teras ke-6 iaitu membudaya penyelidikan gunaan dan inovasi yang menjadi inisiatif dalam memperkasa Lonjakan 7: Ekosistem Inovasi seperti yang terkandung dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 (Pendidikan Tinggi), Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM).

**PEMENANG JUARA KESELURUHAN DAN JUARA KATEGORI SAINS SOSIAL**




*NFC Smart Tag*

**PEMENANG JUARA KATEGORI TEKNOLOGI KEJURUTERAAN**




*Smart Mosquitoes Monitoring System*

# PROGRAM & AKTIVITI UTAMA

## PERTANDINGAN INOVASI ANJURAN PUSAT PENYELIDIKAN DAN INOVASI, JPPKK

Pada tahun 2019, PPI, JPPKK dengan kerjasama politeknik dan kolej komuniti Zon Tengah telah menganjurkan Pertandingan Inovasi Pensyarah TVET 2019 (PERISA'19) peringkat kebangsaan. Pertandingan (PERISA 2019) ini bertemakan "Industri memacu Inovasi". Pertandingan tersebut telah diadakan di Kolej Komuniti Selayang pada 17- 19 September 2019. Penganjuran ini merupakan satu usaha untuk memberi peluang kepada semua pensyarah kolej komuniti dan politeknik khususnya serta tenaga pengajar TVET amnya untuk berkongsi hasil penyelidikan kepada umum. Sebanyak 176 penyertaan diterima daripada politeknik, kolej komuniti, kolej vokasional dan pelbagai agensi kerajaan. Pertandingan ini dibahagikan kepada empat (4) kategori iaitu Kategori Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) Sains Sosial, Teknologi Maklumat dan Teknologi Kejuruteraan.

**PEMENANG JUARA PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN (PDP)**




Annox Mobile

**PEMENANG JUARA KATEGORI TEKNOLOGI MAKLUMAT**




ATRIS (Asset Tracking Intelligent System)

| BIL | NAMA PRODUK | INSTITUSI | PENCAPAIAN |
|---|---|---|---|
| 1 | *NFC Smart Tag* | Kolej Komuniti Kepala Batas | Inovasi terbaik bidang Sains Sosial dan Juara Keseluruhan |
| 2 | *Atris (Asset Tracking Intelligent System)* | Kolej Komuniti Pasir Gudang | Inovasi terbaik bidang Teknologi Maklumat |
| 3 | *Smart Mosquitoes Monitoring System* | Universiti Kuala Lumpur, Universiti Malaysia Terengganu dan Universiti Sultan Zainal Abidin | Inovasi bidang Teknologi Kejuruteraan |
| 4 | *Annox Mobile* | Politeknik Tuanku Sultanah Bahiyah | Inovasi terbaik bidang Pengajaran dan Pembelajaran |

**RUMUSAN KEPUTUSAN PERTANDINGAN MENGIKUT KATEGORI**

# PROGRAM & AKTIVITI UTAMA

## PERTANDINGAN INOVASI YANG DIKOORDINASI OLEH PUSAT PENYELIDIKAN DAN INOVASI, JPPKK 2019

Pusat Penyelidikan dan Inovasi, JPPKK telah membantu mengurus dan mengkoordinasi sembilan (9) pertandingan inovasi peringkat zon, kebangsaan dan antarabangsa yang dianjurkan oleh politeknik dan kolej komuniti seperti yang ditunjukkan dalam Jadual dibawah. Sejumlah 1346 produk telah dipertandingkan dalam pertandingan tersebut yang mana ianya telah disertai oleh pensyarah politeknik dan kolej komuniti, pelajar sekolah serta agensi luar.

| BIL | NAMA PERTANDINGAN INOVASI | PERINGKAT | TEMPAT | BIL PENYERTAAN PRODUK |
|---|---|---|---|---|
| **1** | *Regional Educator and Student Project Exhibition (RESPEX)* | Antarabangsa | Politeknik Port Dickson (PPD) | 169 |
| **2** | *International Innovation and Invention Challenge Via Exhibition (INTELLIGENT)* | Antarabangsa | Politeknik Sultan Mizan Zainal Abidin (PSMZA) | 138 |
| **3** | *National Innovation and Invention Competition through Exhibition (I-COMPEX)* | Kebangsaan | Politeknik Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah (POLIMAS) | 565 |
| **4** | *Student's Project Innovation, Competition and Exhibition (SPICE)* | Kebangsaan | Politeknik Ungku Omar (PUO) | 30 |
| **5** | Pertandingan Inovasi dan Kreativiti @ PMJB (PNiCC) | Kebangsaan | Politeknik METrO Johor Bahru (PMJB) | 115 |
| **6** | *Borneo Innovation Festival (BIF)* | Kebangsaan | Politeknik Mukah (PMU) | 126 |
| **7** | *Kenyalang Mapping Technologies (KMTECH)* | Kebangsaan | Politeknik Kuching Sarawak (PKS) | 25 |
| **8** | *Innovation, Product Launching and Entrepreneurship (INNOPLEN)* | Kebangsaan | Politeknik Sultan Haji Ahmad Shah (POLISAS) | 126 |
| **9** | Pertandingan Inovasi dan Kreativiti Kolej Komuniti Kuala Langat | Zon | Kolej Komuniti Kuala Langat (KKKL) | 52 |
| | **Jumlah Penyertaan (Produk)** | | | 1346 |

# PROGRAM & AKTIVITI UTAMA

## PENYERTAAN PERTANDINGAN INOVASI MELALUI PERUNTUKAN KHAS ONE-OFF LUAR NEGARA

Pusat Penyelidikan dan Inovasi juga membantu menguruskan pensyarah politeknik dan kolej komuniti yang ingin membentang hasil penyelidikan atau menyertai pertandingan inovasi di luar negara melalui peruntukan khas *One-Off* luar negara. Melalui peruntukan ini, pensyarah di politeknik dan kolej komuniti berpeluang membentang hasil penyelidikan atau menyertai pertandingan inovasi di luar negara seperti di Jepun, India, Korea Selatan, Taiwan, Indonesia, Thailand dan Macau. Pada tahun 2019, seramai 12 orang pensyarah politeknik dan kolej komuniti telah menyertai pertandingan inovasi peringkat antarabangsa di tujuh (7) buah negara iaitu di Jepun, India, Korea Selatan, Taiwan, Indonesia, Thailand dan Macau melalui peruntukan ini. Dalam pertandingan tersebut sebanyak 10 pingat emas, satu pingat perak dan beberapa anugerah khas telah berjaya diraih oleh pensyarah politeknik dan kolej komuniti di bawah program tersebut.




Pertandingan inovasi di bawah peruntukan khas *One-Off* luar negara

# PROGRAM & AKTIVITI UTAMA

## PENYERTAAN PERTANDINGAN INOVASI MELALUI PERUNTUKAN KHAS ONE-OFF LUAR NEGARA

Impak daripada penyertaan pertandingan inovasi ini telah memberi peluang kepda warga politeknik dan kolej komuniti bagi mempromosi hasil inovasi yang dihasilkan serta memberi pendedahan kepada penyelidik untuk berkongsi maklumat serta menilai keupayaan produk yang dihasilkan di peringkat antarabangsa. Pencapaian pensyarah politeknik dan kolej komuniti dalam pertandingan inovasi di bawah peruntukan khas *One-Off* luar negara adalah seperti dalam jadual di bawah.

| BIL | NAMA PERTANDINGAN INOVASI | NEGARA | INSTITUSI | PENCAPAIAN |
|---|---|---|---|---|
| 1 | *International Malaysia-Indonesia-Thailand Symposium On Innovation And Creativity (IMIT SIC 2019)* | Thailand | Politeknik Muadzam Shah (PMS) | 1 Pingat Emas |
| 2 | *Japan Design And Invention Expo (JDIE)* | Jepun | Politeknik Port Dickson (PPD) | 1 Pingat Emas dan 1 Anugerah Khas |
| 3 | *2nd World Invention Technology Expo (WINTEX 2019* | Indonesia | Politeknik Sultan Mizan Zainal Abidin (PSMZA) | 1 Pingat Emas dan 1 Anugerah Khas Korea |
| 4 | *India International Innovation Fair (IIIF2019)* | India | Politeknik Sultan Mizan Zainal Abidin (PSMZA) | 1 Pingat Emas |
| 5 | *2nd World Invention Technology Expo (WINTEX) 2019* | Indonesia | Politeknik Sultan Haji Ahmad Shah (POLISAS) | 1 Pingat Emas dan 1 Grand Prize Award |
| 6 | *7th Macao International Innovation and Invention Expo (MiiEX) 2019* | Macau | Politeknik Ungku Omar (PUO) | 1 Pingat Emas |
| 7 | *7th Macao International Innovation and Invention Expo (MiiEX) 2019* | Macau | Politeknik Tuanku Syed Sirajuddin (PTSS) | 1 Pingat Emas |
| 8 | *Korea International Womens Invention Exposition 2019 (KIWIE 2019)* | Korea Selatan | Kolej Komuniti Sungai Petani | 2 Pingat Emas 1 Pingat Perak 1 Anugerah Khas Semi Grand |
| 9 | *Taiwan Innotech Expo Invention Contest* | Taiwan | Kolej Komuniti Pasir Mas | 1 Anugerah Honorable Mention (Excellent Idea) |
| 10 | *7th macao International Innovation and Invention Expo (MiiEX) 2019* | Macau | Kolej Komuniti Kepala Batas | 1 Pingat emas |
| 11 | *6th International Young Inventors Awards (IYIA) 2019* | Indonesia | Politeknik Tun Syed Nasir Syed Ismail (PTSN) | 1 Pingat Perak |
| 12 | *Introducing and Demonstrating Earthquake Engineering Research in Schools 2019 (IDEERS) 2019* | Taiwan | Politeknik Ungku Omar (PUO) | 1 Sijil Penyertaan |

Pencapaian politeknik dan kolej komuniti dalam pertandingan inovasi peringkat antarabangsa di bawah peruntukan khas One-Off luar negara

# PROGRAM & AKTIVITI UTAMA

## PENCAPAIAN DAN PENGIKTIRAFAN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI DALAM PERTANDINGAN INOVASI DI PERINGKAT ANTARABANGSA

Sebanyak 33 pertandingan inovasi telah disertai oleh pensyarah politeknik dan kolej komuniti dalam peringkat antarabangsa. Dalam pertandingan tersebut sebanyak 133 pingat emas dan lima (5) anugerah telah berjaya diraih oleh pensyarah politeknik dan kolej komuniti dalam pertandingan inovasi di peringkat antarabangsa sama ada di dalam dan di luar negara. Daripada jumlah itu, 123 pingat emas telah dimenangi di dalam negara, manakala 10 pingat emas telah dimenangi di tujuh buah negara iaitu di Korea Selatan, India, Taiwan, Macau, Jepun, Indonesia dan Thailand.




Pencapaian dan pengiktirafan politeknik dan kolej komuniti dalam pertandingan inovasi di peringkat antarabangsa

# PROGRAM & AKTIVITI UTAMA

## PENCAPAIAN DAN PENGIKTIRAFAN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI DALAM PERTANDINGAN INOVASI DI PERINGKAT ANTARABANGSA

**PENCAPAIAN DAN PENGIKTIRAFAN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI DALAM PERTANDINGAN INOVASI DI PERINGKAT ANTARABANGSA**

| BIL | PERTANDINGAN | TEMPAT | BILANGAN EMAS |
|---|---|---|---|
| 1 | *Japan Design, Idea and Invention Expo (JDIE) 2019* | Jepun | 1 |
| 2 | *2nd World Invention Technology Expo (WINTEX) 2019* | Indonesia | 2 |
| 3 | *7th Macao International Innovation and Invention Expo 2019* | Macau | 3 |
| 4 | *Taiwan Innotech Expo 2019* | Taiwan | 1 |
| 5 | *Korea International Women'S Invention Exposition (KIWIE) 2019* | Korea Selatan | 1 |
| 6 | *International Malaysia-Indonesia-Thailand Symposium on Innovation and Creativity (IMIT SIC 2019)* | Thailand | 1 |
| 7 | *India International Innovation Fair (IIIIF)2019* | India | 1 |
| 8 | *Innovative Research, Invention and Application Exhibition (I-RIA)* | Universiti Utara Malaysia | 6 |
| 9 | *International E-Learning Carnival and Conference (E-LCC) 2019* | Universiti Teknikal Malaysia Melaka | 2 |
| 10 | *International Eureka Innovation Exhibition (I-EIE) 2019* | UniKL-MSI, Kulim Hi-Tech Park | 8 |
| 11 | *International Innovation and Invention Challenge Via Exhibition 2019 (Intelligent'19)* | Politeknik Sultan Mizan Zainal Abidin | 26 |
| 12 | *International Innovation In Teaching & Learning 2019 (I-InTeLeC 2019)* | Hotel Tanjung Bungah, Penang | 4 |
| 13 | *International Invention and Innovative Competition (InIIC) 2019* | Mahkota Hotel, Melaka | 7 |
| 14 | *International Learning Innovation Competition (PIP) 2019* | Universiti Utara Malaysia | 8 |
| 15 | *International Science and Social Science Innovation Competition (I-SIC 2019)* | Universiti Sains Islam Malaysia | 2 |
| 16 | *International Summit Of Innovation and Design Exposition 2019 (inSIDE 2019)* | University Malaya | 5 |
| 17 | *International Tinker Innovation and Entrepreneurship Challenge (I-TIEC 2019)* | Universiti Teknologi Mara (UiTM) | 1 |

# PROGRAM & AKTIVITI UTAMA

## PENCAPAIAN DAN PENGIKTIRAFAN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI DALAM PERTANDINGAN INOVASI DI PERINGKAT ANTARABANGSA

**PENCAPAIAN DAN PENGIKTIRAFAN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI DALAM PERTANDINGAN INOVASI DI PERINGKAT ANTARABANGSA**

| BIL | PERTANDINGAN | TEMPAT | BILANGAN EMAS |
|---|---|---|---|
| 18 | *Regional Educator and Student Product Exhibition (RESPEx 2019)* | Politeknik Port Dickson | 23 |
| 19 | *Special Education International Conference (SEIC) 2019* | Putrajaya Matrriot Hotel | 1 |
| 20 | *Inventors' Hall of Fame International Competition Of Ideas, Inventions & Innovations(I-FAME 2019)* | UiTM, Kedah | 2 |
| 21 | *2nd International Research Conference And Innovation Exhibition 2019 (IRCIE 2019)* | Johor Bahru | 1 |
| 22 | *5th Southeast Asian Agricultural Engineering Student Chapter Annual Regional Convention (ARC2019)* | Politeknik Kota Bahru | 1 |
| 23 | *International Bujang Valley Innovation, Invention and Design Competition (BVIIEC) 2019* | UiTM Merbok Kedah | 4 |
| 24 | *International Pestival of Innovation on Green Technology 2019 (I-FINOG)* | Universiti Malaysia Pahang | 2 |
| 25 | *International Student Affairs Invention, Innovation and Design Competition (I-SAIID) 2019* | UiTM Merbok Kedah | 2 |
| 26 | *Malaysia Technology Expo (MTE) 2019* | Kuala Lumpur | 4 |
| 27 | *Melaka International Innovation Expo 2019* | Melaka | 4 |
| 28 | *Pertandingan Inovasi Darulaman 2019 (PRiSm'19)* | IPG Kampus Darulaman | 3 |
| 29 | *Sirim Invention, Innovation and Technology Expo (Si2Te) 2019* | Kulim Hi-Tech Park Kedah | 3 |
| 30 | *International Conference and Exposition on Inventions by Institutions of Higher Learning 2019 (PECIPTA'19)* | Universiti Tun Hussein Onn Malaysia | 1 |
| 31 | *International Innovation, Invention and Creation Exhibition Competition (IIICE2019)* | UiTM,Shah Alam | 1 |
| 32 | *International Competition and Exhibition on Computing Innovation (ICE-CInno) 2019* | Universiti Malaysia Pahang | 1 |
| 33 | *International Invention, Innovation and Designs (IID) Johor 2019* | UiTM Pasir Gudang, Johor | 1 |
| | **JUMLAH EMAS** | | 133 |



# PROGRAM & AKTIVITI UTAMA

## PENCAPAIAN DAN PENGIKTIRAFAN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI DALAM PERTANDINGAN INOVASI DI PERINGKAT KEBANGSAAN

Sebanyak 196 pingat emas telah berjaya dimenangi oleh pensyarah politeknik dan kolej komuniti dalam pertandingan inovasi di peringkat kebangsaan yang dianjurkan oleh pelbagai agensi kerajaan, universiti dan JPPKK. Daripada 196 pingat emas yang dimenangi, 126 pingat emas dimenangi oleh pensyarah politeknik manakala 70 pingat emas pula dimenangi oleh pensyarah kolej komuniti.

Pertandingan ini dilihat sebagai satu platform yang dapat mengumpulkan peserta daripada pelbagai bidang bagi meninjau dan membincangkan idea inovasi. Selain itu, platform ini dapat memperkenalkan produk inovasi politeknik dan kolej komuniti kepada pihak luar sama ada di peringkat antarabangsa mahupun kebangsaan. Pertandingan ini juga dapat menggalakkan serta membudayakan inovasi di kalangan pensyarah politeknik dan kolej komuniti bagi pembangunan dan penjanaan idea inovasi.




Pencapaian dan pengiktirafan politeknik dan kolej komuniti dalam pertandingan inovasi di peringkat kebangsaan

# PROGRAM & AKTIVITI UTAMA

## PENCAPAIAN DAN PENGIKTIRAFAN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI DALAM PERTANDINGAN INOVASI DI PERINGKAT KEBANGSAAN

### PENCAPAIAN DAN PENGIKTIRAFAN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI DALAM PERTANDINGAN INOVASI DI PERINGKAT KEBANGSAAN

| BIL | PERTANDINGAN | TEMPAT | BIL EMAS |
|---|---|---|---|
| 1 | *Borneo Innovation Festival (BIF) 2019* | Politeknik Mukah | 5 |
| 2 | Karnival Akademik Penyelidikan dan Inovasi Peringkat Kebangsaan 2019 | Institut Pendidikan Guru Kampus Pendidikan Islam | 1 |
| 3 | K-Novasi Pengajaran dan Pembelajaran UKM 2019 | Universiti Kebangsaan Malaysia | 6 |
| 4 | Konvensyen Kumpulan Inovatif dan Kreatif Horizon Baharu (KIKHB) 2019 | Politeknik Tuanku Sultanah Bahiyah | 6 |
| 5 | *National Innovation and Invention Competition 2019 (NIICe 2019)* | Universiti Tun Hussein Onn Malaysia | 15 |
| 6 | *National Innovation And Invention Competition Through Exhibition (iCompEx'19)* | Politeknik Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah | 68 |
| 7 | Pertandingan Inovasi dan Kreativiti Peringkat Kebangsaan (PNiCC'19) | M-Suite Hotel Johor | 12 |
| 8 | Pertandingan Inovasi Kolej Komuniti Peringkat Wilayah SPIKK | Kolej Komuniti Jelebu | 1 |
| 9 | Pertandingan Inovasi Pensyarah TVET (PERISA'19) | Kolej Komuniti Selayang | 18 |
| 10 | Pertandingan Karnival Pendidikan Tinggi and TVET Malaysia Daerah Kuala Langat Institus Latihan Perindustrian Kuala Langat | Institus Latihan Perindustrian Kuala Langat | 1 |
| 11 | *Sirim Invention, Innovation and Technology Expo (Si2Te) 2019* | Kulim Hi-Tech Park Kedah | 1 |
| 12 | *National Competition Innovation, Product Launching & Entrepreneurship (INNOPLEN) 2019* | Politeknik Sultan Haji Ahmad Shah | 21 |
| 13 | Pertandingan Inovasi Pendidikan dan Teknologi Kebangsaan (NICEtech) 2019 | IPG Kampus Temenggong Ibrahim, Johor Bahru | 1 |
| 14 | Pertandingan Inovasi Darulaman 2019 (PRiSm'19) | IPG Kampus Darulaman | 3 |
| 16 | *Creative and Innovative Poster Competition (CIPC) 2019* | Politeknik Ibrahim Sultan | 6 |
| 17 | *Edunovation Carnival (EdNovaC19)* | IPG Kuala Nerus | 9 |

# PROGRAM & AKTIVITI UTAMA

## PENCAPAIAN DAN PENGIKTIRAFAN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI DALAM PERTANDINGAN INOVASI DI PERINGKAT KEBANGSAAN

**PENCAPAIAN DAN PENGIKTIRAFAN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI DALAM PERTANDINGAN INOVASI DI PERINGKAT KEBANGSAAN**

| BIL | PERTANDINGAN | TEMPAT | BIL EMAS |
|---|---|---|---|
| 18 | *eREKA Industry Networking and Business Pitching (UniMAP, Perlis)* | Universiti Malaysia Perlis | 1 |
| 19 | *IIInovasi Competition 2019* | International Medical University Malaysia | 1 |
| 20 | Karnival Inovasi UTeMEX 2019 | Universiti Teknikal Malaysia Melaka | 2 |
| 22 | *My Agrosis Cup 2019* | Universiti Malaysia Terengganu | 1 |
| 21 | *National Invention and Innovation, Conference, Exhibition & Robot-Sumo Competition 2019* | Politeknik Tuanku Sultanah Bahiyah | 1 |
| 22 | Pameran Pertandingan iTREX 2019 (Technology and Research Exhibition) | Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor | 2 |
| 23 | Pertandingan Inovasi Minggu Sains Negara Peringkat Negeri Perlis | Perlis | 1 |
| 24 | Pertandingan Projek Penyelidikan Inovasi Nanoteknologi | Cyberjaya | 1 |
| 25 | *Sabah Creativity and Innovation Technology Exhibition (SCIETEX'19)* | Institut Latihan Perindustrian (ILP) Kota Kinabalu, Sabah | 2 |
| 26 | *Social Enterprise Literacy for Youth (Selfy 2019)* | Kuala Lumpur | 1 |
| 27 | *Student's Project Innovation, Competition and Exhibition (SPICE) 2019* | Politeknik Ungku Omar | 1 |
| 28 | *National TVET Innovation and Creativity Project Competition 2019 (TICPro'19)* | ADTEC Kemaman | 1 |
| 29 | *Smart Green and Festival Agro Makanan dan Bioteknologi (SGFAMB 2019)* | Politeknik Merlimau Melaka(PMM) | 3 |
| 30 | Karnival a Bio-Kelantan 2019 (Bio-K) | Jabatan Pertanian Negeri Kelantan | 1 |
| 31 | Pertandingan Inovasi Pendidikan dan Teknologi Kebangsaan (NICEtech) 2019 | IPG Kampus Temenggong Ibrahim, Johor Bahru | 2 |
| 32 | Pertandingan Inovasi Proton-Politeknik (PIPPO) 2019 Safety dan Security | Politeknik Nilai | 1 |
| | | **JUMLAH EMAS** | **196** |

# PENUTUP

Pusat Penyelidikan dan Inovasi (PPI), JPPKK sentiasa berusaha menambahbaik dan meningkat budaya penyelidikan, inovasi dan pengkomersialan di kalangan warga politeknik dan kolej komuniti. Salah satu usaha tersebut adalah melalui dana penyelidikan. Melalui dana tersebut, ia dapat memberi peluang kepada warga politeknik dan kolej komuniti mengembangkan bakat, idea serta menerapkan budaya penyelidikan, inovasi dan pengkomersialan yang komprehensif

Selain daripada itu PPI juga menyelaras dan mengkoordinasi warga politeknik dan kolej komuniti yang ingin menyertai pembentangan hasil penyelidikan atau pertandingan inovasi di luar negara melalui peruntukan khas *One-Off* luar negara. Melalui peruntukan ini, warga politeknik dan kolej komuniti berpeluang untuk membawa hasil penyelidikan dan hasil ciptaan produk inovasi yang berimpak tinggi ke peringkat antarabangsa. Secara tidak langsung, ini memberi ruang dan peluang kepada warga politeknik dan kolej komuniti untuk mempromosi politeknik dan kolej komuniti di luar negara.

PPI juga aktif dalam menjalinkan kolaborasi pintar dengan institusi dalam dan luar negara bagi penganjuran pertandingan inovasi dan seminar kebangsaan/ antarabangsa. Pada tahun 2019, PPI berjaya menjalin kolaborasi antarabangsa dengan Indonesia, Thailand, Korea Selatan dan India melalui jaringan strategik bagi mengukuhkan lagi hubungan global dalam ekosistem penyelidikan dan inovasi. Jaringan kolaborasi bersama universiti tempatan juga penting dalam mencapai strategi dan inisiatif jangka panjang dalam penyelidikan, inovasi dan pengkomersialan.

Bagi usaha untuk mengkomersialkan produk pensyarah dan pelajar, PPI bekerjasama dengan Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah (PSA) untuk membangunkan satu Pusat Pengkomersialan bertempat di PSA. Tujuan penubuhan Pusat Pengkomersialan ini adalah untuk membantu perkongsian ilmu dan menjayakan aktiviti-aktiviti pengkomersilan produk-produk inovasi pensyarah dan pelajar yang berpotensi untuk dibimbing dan dikomersialkan.

# BAHAGIAN
# GOVERNAN DAN KECEMERLANGAN

# PENGENALAN

Bahagian Governan dan Kecemerlangan (BGK) mempunyai empat (4) unit dalam menjalankan fungsi-fungsinya iaitu Unit Tadbir Urus Institusi (UTU), Unit Jaminan Kualiti (UJK), Unit Kecemerlangan Institusi (UKI) dan Unit Pentadbiran. Fungsi- Fungsi BGK adalah:

01 Menyelaras, memudahcara dan memantau pengoperasian institusi Politeknik dan Kolej Komuniti bagi membolehkan institusi menjalankan fungsi dengan cekap dan berkesan

02 Merancang dan melaksanakan urusan akreditasi program pengajian dan institusi secara berterusan bagi tujuan memenuhi keperluan akreditasi atau piawaian badan-badan profesional lain di peringkat kebangsaan dan antarabangsa.

03 Menyelaras dan memantau aktiviti jaminan kualiti program pendidikan dan latihan agar mematuhi piawaian yang ditetapkan oleh Kerangka Kelayakan Malaysia atau piawaian badan-badan profesional yang lain di peringkat kebangsaan dan antarabangsa

04 Merancang, mengurus dan melaksanakan urusan penilaian program pendidikan dan latihan bagi tujuan penambahbaikan berterusan berdasarkan piawaian yang ditetapkan oleh Kerangka Kelayakan Malaysia atau piawaian badan-badan profesional yang lain di peringkat kebangsaan dan antarabangsa.

05 Mengurus pencapaian KPI (SKU) Jabatan dan Institusi bagi membolehkan institusi menjalankan fungsi yang ditetapkan dengan cekap dan berkesan

# PROGRAM & AKTIVITI UTAMA

## LAWATAN KESEPUNYAAN DAN KESERAKANAN (K&K) 2019

Lawatan Kesepunyaan dan Keserakanan (K&K) 2019 telah dilaksanakan buat pertama kalinya oleh bahagian-bahagian yang berkaitan di Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti (JPPKK). Lawatan K&K telah diurusetiakan oleh Bahagian Governan dan Kecemerlangan (BGK). Tujuan utama lawatan ini adalah untuk membantu institusi ke arah pemantapan pengurusan (tadbir urus dan akademik) dalam mematuhi garis panduan, polisi, dasar, surat arahan pelaksanaan dan surat pekeliling yang dikeluarkan oleh jabatan atau kementerian. Penerangan ringkas berhubung Lawatan K&K adalah seperti berikut:






Sesi mesyuarat pembukaan Lawatan K&K di zon selatan (PMJB)



Sesi temubual bersama-sama pelajar KK

# PROGRAM & AKTIVITI UTAMA

## SAMBUTAN JUBLI EMAS POLITEKNIK MALAYSIA

Sambutan Jubli Emas Politeknik Malaysia merupakan sambutan yang julung kali diraikan. Dalam tempoh 50 tahun, Politeknik Malaysia telah berjaya melahirkan graduan dalam pelbagai bidang yang telah menyumbang kepada pembangunan ekonomi negara. Berdasarkan statistik, seramai 600 ribu graduan telah dilahirkan oleh politeknik dan kolej komuniti yang telah berkecimpung dalam pelbagai bidang kerjaya.

Kebolehan dan kemampuan graduan serta tenaga pengajar TVET di politeknik dan kolej komuniti juga setanding dengan institusi pendidikan lain kerana mampu bersaing di peringkat kebangsaan dan antarabangsa. Ini telah dibuktikan melalui beberapa pencapaian cemerlang dalam pertandingan kemahiran, inovasi dan pengiktirafan antarabangsa terhadap politeknik dan kolej komuniti. Sambutan Jubli Emas Politeknik Malaysia telah berlangsung di Politeknik Ungku Omar, Perak pada 7 April 2019 dan telah di rasmikan oleh YAB Dato' Seri Dr. Wan Azizah Binti Wan Ismail, Timbalan Perdana Menteri Malaysia.



YAB Timbalan Perdana Menteri turut hadir merasmikan Majlis Sambutan Jubli Emas Politeknik di PUO



YB Timbalan Menteri Pendidikan bersama-sama YBhg. Dato' Dr KSU KPM melawat tapak pameran

JUBLI EMAS POLITEKNIK MALAYSIA 1969 - 2019

# PROGRAM & AKTIVITI UTAMA

## MESYUARAT PENGARAH-PENGARAH POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI TAHUN 2019

Mesyuarat Pengarah-Pengarah Politeknik dan Kolej Komuniti merupakan satu platform yang disediakan oleh pihak jabatan kepada pengarah-pengarah untuk berinteraksi dengan pengurusan tertinggi JPPKK bagi melontarkan idea dan pendapat dalam memantapkan pengoperasian institusi di bawah Jabatan Politeknik dan Kolej Komuniti (JPPKK).



Pengarah-Pengarah Politeknik bersama-sama Pengurusan Tertinggi JPPKK



Pengarah-Pengarah Kolej Komuniti bersama-sama Pengurusan Tertinggi JPPKK

Mesyuarat Bil.1/2019 telah diadakan pada 18 April 2019 bertempat di *Bangi Convention Centre*, Bangi Selangor. Mesyuarat Bil. 2/2019 pula telah berlangsung pada 17 Oktober 2019 bertempat di Dewan Tan Sri Abdul Kadir Yusof, Jabatan Peguam Negara, Putrajaya.

Seramai 36 orang pengarah politeknik dan 93 pengarah kolej komuniti seluruh Malaysia telah menghadiri mesyuarat ini pada setiap penganjurannya.

# PROGRAM & AKTIVITI UTAMA

## BENGKEL PENGURUSAN LEAN JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI

*Lean Management* merupakan kaedah pengurusan baharu yang dikenalpasti mampu memberikan impak kepada kecekapan pengurusan dengan mengutamakan nilai kepada pelanggan. Sehubungan dengan itu, Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti (JPPKK) telah melaksanakan *lean management* dalam pengoperasian di jabatan dan institusi. Objektif pelaksanaan *lean management* di JPPKK adalah dengan memberi fokus kepada kecekapan proses dalam pengoperasian, memaksimakan hasil dan operasi pada kos yang rendah dan menerapkan nilai tambah secara berterusan. Sepanjang tahun 2019, Bahagian Governan dan Kecemerlangan (BGK) telah menganjurkan bengkel dan klinik *lean management* di peringkat jabatan, institusi dan zon bagi memastikan kefahaman yang jelas terhadap pelaksanaannya di jabatan dan institusi. *Bengkel Lean Management* telah berlangsung pada 28 hingga 30 April 2019 dan 12 hingga 13 April 2019 yang bertempat di Politeknik Tunku Syed Sirajuddin dan Galeria PjH, Putrajaya. Bengkel ini telah melibatkan Timbalan Pengarah (Sokongan Akademik) di Politeknik dan Timbalan Pengarah Pengurusan di Kolej Komuniti yang dilantik sebagai ketua pasukan dalam melaksanakan *lean management* di institusi masing-masing.



Sesi Brain storming dan Taklimat *Lean Management*

# PROGRAM & AKTIVITI UTAMA

## PEMERKASAAN PASUKAN INSPEKTORAT DALAMAN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI

Pasukan Inspektorat Dalaman (PID) di bawah Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti terbahagi kepada tiga peringkat iaitu PID Induk, PID Zon dan PID Institusi. Penubuhan pasukan ini bertujuan untuk menjalankan pemeriksaan berdasarkan aduan yang diterima, mengenal pasti (*detective*) kelemahan dan ketidakpatuhan dalam melaksanakan prosedur atau peraturan yang sedang berkuat kuasa, mengesyorkan tindakan penambahbaikan (*corrective*) bagi membantu mengatasi dan mencegah kelemahan daripada berulang (preventive), serta meningkatkan penyampaian perkhidmatan awam dan tadbir urus di jabatan dan institusi. Pada tahun 2019,beberapa bengkel serta kursus berhubung pemerkasaan tugas dan peranan Pasukan Inspektorat Dalaman Politeknik dan Kolej Komuniti telah dilaksanakan mengikut zon. Seramai 480 orang peserta telah menyertai program tersebut yang dianjurkan secara bersama oleh politeknik dan kolej komuniti yang telah dilantik. Melalui bengkel/kursus yang dilaksanakan ini, kompetensi PID di setiap zon dan institusi dapat dipertingkatkan dalam mengurus aduan dan melaksanakan tanggung jawab yang telah diamanahkan dengan cekap dan efisien.

27-28 Mac 2019
ZON TIMUR
Politeknik Sultan Haji Ahmad Shah

17-18 Jun 2019
ZON UTARA
Politeknik Tuanku Sultanah Bahiyah

2-3 Julai 2019
ZON SELATAN
Politeknik Ibrahim Sultan

4 Julai 2019
ZON TENGAH
Politeknik METrO Kuala Lumpur

25-26 Julai 2019
ZON SARAWAK
Politeknik Kuching Sarawak

24-25 Oktober 2019
ZON SABAH
Politeknik Kota Kinabalu



# PROGRAM & AKTIVITI UTAMA

## AKREDITASI ASIA PACIFIC ACCREDITATION AND CERTIFICATION COMMISSION (APACC)

Pada tahun 2019, sebanyak empat buah politeknik telah menerima lawatan akreditasi semula APACC iaitu Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah (PSA), Politeknik Sultan Azlan Shah (PSAS), Politeknik Sultan Haji Ahmad Shah (POLISAS) dan Politeknik Seberang Perai (PSP). Keempat-empat politeknik tersebut telah berjaya mengekalkan anugerah emas yang telah diperolehi pada akreditasi kali pertama.



Lawatan APACC di Politeknik Seberang Perai




Lawatan APACC di Politeknik Sultan Haji Ahmad Shah




Lawatan APACC di Politeknik Sultan Azlan Shah




Lawatan APACC di Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah

APACC
ASIA PACIFIC ACCREDITATION AND CERTIFICATION COMMISSION

POLITEKNIK MALAYSIA SULTAN AZLAN SHAH

POLITEKNIK MALAYSIA SEBERANG PERAI

POLITEKNIK MALAYSIA SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH

POLITEKNIK MALAYSIA SULTAN HAJI AHMAD SHAH



# PROGRAM & AKTIVITI UTAMA

## AKREDITASI ASIA PACIFIC ACCREDITATION AND CERTIFICATION COMMISSION (APACC)

Lapan (8) buah politeknik yang telah melalui akreditasi APACC juga telah berjaya mengekalkan kedudukan 10 tangga teratas dalam pencapaian akreditasi APACC. Berdasarkan kepada kedudukan yang disenaraikan oleh pihak APACC, Politeknik Ibrahim Sultan (PIS) berada pada kedudukan pertama. Maklumat lengkap berkaitan kedudukan politeknik ditunjukkan seperti dijadual di bawah :

| BIL | INSTITUSI | ANUGERAH | NEGARA |
|---|---|---|---|
| | **EMAS** | | |
| 1 | Politeknik Ibrahim Sultan (PIS) Malaysia | Emas | Malaysia |
| 2 | Politeknik Sultan Haji Ahmad Shah (POLISAS) | Emas | Malaysia |
| 3 | Politeknik Ungku Omar (PUO) | Emas | Malaysia |
| 4 | Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah (PSA) | Emas | Malaysia |
| 5 | Concepcion Vocational School (CVS) | Emas | Philippines |
| 6 | Politeknik Kota Bharu (PKB) | Emas | Malaysia |
| 7 | Politeknik Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah (POLIMAS) | Emas | Malaysia |
| 8 | Politeknik Seberang Perai (PSP) Malaysia | Emas | Malaysia |
| 9 | Politeknik Sultan Azlan Shah (PSAS) | Emas | Malaysia |
| 10 | TESDA Women's Center (TWC) | Emas | Philippines |

# PROGRAM & AKTIVITI UTAMA

## STATUS AKREDITASI PROGRAM PENGAJIAN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI 2019

Pengiktirafan akreditasi program terbahagi kepada dua tahap iaitu Akreditasi Sementara (PA) dan Akreditasi Penuh (FA) dimana ianya di akreditasi oleh Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) dan Majlis Akreditasi Teknologi Kejuruteraan (ETAC. Sepanjang tahun 2019, 78 program pengajian di politeknik dan kolej komuniti telah lulus FA dan 10 program pengajian lulus PA. Ianya telah menjadikan 579 program yang ditawarkan oleh politeknik dan kolej komuniti telah menerima perakuan akreditasi daripada badan berkaitan.

POLITEKNIK MALAYSIA

63 Lulus FA

4 Lulus PA

2019

KOLEJ KOMUNITI MALAYSIA

15 Lulus FA

6 Lulus PA

| INSTITUSI | BADAN AKREDITASI / PROFESIONAL | STATUS AKREDITASI | BILANGAN PROGRAM | JUMLAH |
|---|---|---|---|---|
| Politeknik | MQA | PA | 9 | 228 |
| | | FA | 219 | |
| | ETAC | PA | 5 | 74 |
| | | FA | 69 | |
| Kolej Komuniti | MQA | PA | 13 | 277 |
| | | FA | 264 | |

# PROGRAM & AKTIVITI UTAMA

## PENGIKTIRAFAN DARIPADA ORGANISASI ATAU BADAN-BADAN PROFESSIONAL / INDUSTRI YANG DIIKTIRAF DI PERINGKAT KEBANGSAAN ATAU ANTARABANGSA

JPPKK sentiasa berusaha dalam memastikan institusi di politeknik dan kolej komuniti menerima pengiktirafan dari pihak luar, samada di peringkat kebangsaan mahupun antarabangsa. Pengiktirafan ini penting sebagai membuktikan institusi politeknik dan kolej komuniti setanding dengan pihak luar bagi menampakkan imej sebagai peneraju TVET di peringkat serantau. Pengiktirafan atau akreditasi daripada organisasi atau badan-badan professional / industri yang diiktiraf di peringkat kebangsaan atau antarabangsa yang diberikan kepada institusi di bawah JPPKK merupakan satu bentuk pengiktirafan yang mengangkat reputasi sesebuah institusi dalam menjadi peneraju institusi TVET yang unggul di Malaysia.

Pengiktirafan ini juga dapat membuktikan usaha-usaha ke arah penambahbaikan berterusan bagi pengekalan imej semua pihak berkepentingan. Sepanjang tahun 2019, politeknik dan kolej komuniti telah menerima pengiktirafan dari badan-badan yang ditunjukkan dalam jadual di bawah:

| BIL | INSTITUSI | PENGIKTIRAFAN |
|---|---|---|
| 1 | Politeknik Ungku Omar | ✓ Akreditasi APACC<br>✓ Pengiktirafan Sijil Akreditasi Institusi Latihan Maritim (Jab. Kej. Perkapalan, Politeknik Ungku Omar)<br>✓ Pengiktirafan Sijil Akreditasi Kursus Institusi Latihan Maritim (Diploma Kejuruteraan Perkapalan)<br>✓ CDIO™ Initiative |
| 2 | Politeknik Nilai | ✓ Pusat Latihan Bertauliah dari Institut Piagam Pengangkutan dan Logistik Malaysia (CILTM) |
| 3 | Politeknik Port Dickson | ✓ Akreditasi APACC |
| 4 | Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah | ✓ Akreditasi APACC |

# PROGRAM & AKTIVITI UTAMA

## PENGIKTIRAFAN DARIPADA ORGANISASI ATAU BADAN-BADAN PROFESSIONAL / INDUSTRI YANG DIIKTIRAF DI PERINGKAT KEBANGSAAN ATAU ANTARABANGSA

| BIL | INSTITUSI | PENGIKTIRAFAN |
|---|---|---|
| 5 | Politeknik Sultan Azlan Shah | ✓ Akreditasi APACC<br>✓ Akreditasi ETAC (Program DET dan DKA, laluan kepada pengiktirafan Signatory Country for Dublin Accord) |
| 6 | Politeknik Ibrahim Sultan | ✓ Akreditasi APPAC<br>✓ Adobe Autorized Testing Centre<br>✓ CDIO™ Initiative |
| 7 | Politeknik Sultan Abdul Halim Muadzam Shah | ✓ Akreditasi APACC |
| 8 | Politeknik Seberang Perai | ✓ Akreditasi APACC<br>✓ Pusat Latihan Bertauliah dari Institut Piagam Pengangkutan dan Logistik Malaysia (CILTM) |
| 9 | Politeknik Kota Bharu | ✓ Akreditasi APACC |
| 10 | Politeknik Sultan Hj Ahmad Shah | ✓ Akreditasi APACC<br>✓ Pusat Latihan Bertauliah dari Institut Piagam Pengangkutan dan Logistik Malaysia (CILTM) |
| 11 | Politeknik Kota Kinabalu | ✓ Penyedia Latihan HRDF |
| 12 | Politeknik Sultan Idris Shah | ✓ Penyedia Latihan HRDF |
| 13 | Politeknik METrO Kuantan | ✓ Penyedia Latihan Halal |
| 14 | Kolej Komuniti Sg Petani | ✓ City & Guilts |
| 15 | Kolej Komuniti Batu Gajah | ✓ City & Guilts |
| 16 | Kolej Komuniti Kuantan | ✓ Pusat Pengendali Kursus Suruhanjaya Tenaga |
| 17 | Kolej Komuniti Jelebu | ✓ Pusat Pengendali Kursus Suruhanjaya Tenaga |
| 18 | Kolej Komuniti Kepala Batas | ✓ Center For Institute Motor Industry (IMI) |

# PROGRAM & AKTIVITI UTAMA

## LAWATAN COUNCIL FOR TECHNICAL EDUCATION AND VOCATIONAL TRAINING (CTEVT), NEPAL

Pada 12 Disember 2019, JPPKK telah menerima lawatan delegasi dari *Council for Technical Education and Vocational Training* (CTEVT), Nepal. Delegasi seramai 11 orang ini telah diketuai oleh Mr. Mahesh Bhattarai, Pengarah Bahagian Pengurusan CTEVT. Tujuan lawatan ini adalah untuk melihat dan memahami pelaksanaan program TVET di Malaysia. Ianya juga bertujuan untuk berkongsi pengalaman dalam pengurusan institusi TVET di Nepal dan Malaysia, khususnya di politeknik dan kolej komuniti.

Ucapan aluan telah disampaikan oleh Puan Zainab Binti Ahmad, Pengarah Kanan (Akademik), dan sesi perkongsian berkenaan aspek pengurusan jaminan kualiti bagi JPPKK telah disampaikan oleh pegawai daripada BGK. Beberapa perkara juga telah dibincangkan antara delegasi dan pegawai kanan JPPKK seterusnya membuka ruang kepada CTEVT bagi mendalami aspek TVET di Malaysia untuk diperluaskan di institusi mereka kelak.




Delegasi CTEVT, Nepal bersama-sama pegawai-pegawai di JPPKK



Penyampaian cenderahati kepada ketua delegasi CTEVT, Nepal

# PROGRAM & AKTIVITI UTAMA

## MESYUARAT PENJAMINAN KUALITI DAN AKREDITASI PROGRAM PENGAJIAN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI

Mesyuarat Penjaminan Kualiti dan Akreditasi Program telah diadakan pada 29 hingga 30 Januari 2019 bertempat di Bilik Bunga Raya, JPPKK dan telah dihadiri oleh pegawai-pegawai akreditasi dari politeknik dan kolej komuniti. Mesyuarat ini telah dipengerusikan oleh Tuan Haji Mohd Nasir bin Abd Ghani, Pengarah Bahagian Governan dan Kecemerlangan, JPPKK. Mesyuarat Penyelarasan Perakuan Akreditasi Program Pengajian Kolej Komuniti Bil. 1/2019 pula telah diadakan pada 24 hingga 25 Oktober 2019 bertempat di Hotel Novotel, Melaka.

Mesyuarat-mesyuarat ini diadakan bertujuan untuk memberi pendedahan dan input kepada pegawai akreditasi samada yang baharu dan yang lama di politeknik dan kolej komuniti terhadap perubahan-perubahan yang berlaku dalam dasar jaminan kualiti akreditasi program. Secara keseluruhannya, mesyuarat ini telah mencapai objektifnya. Komitmen yang ditunjukkan oleh pegawai akreditasi dan pengurusan tertinggi politeknik dan kolej komuniti adalah sangat memuaskan dan diharapkan tindakan susulan yang bakal dilaksanakan di peringkat politeknik dan kolej komuniti berjalan dengan lancer bagi menghadapi audit pematuhan oleh MQA yang dijadual berlansung pada 2020.



Sesi Mesyuarat Jaminan Kualiti dan Akreditasi Program Pengajian Politeknik dan Kolej Komuniti





Ucapan Aluan oleh Ts. Tuan Haji Amin bin Hamat, Timbalan Ketua Pengarah (governan) JPPKK

# PROGRAM & AKTIVITI UTAMA

## BENGKEL SEMAKAN SEMULA KPI JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI BAGI TAHUN 2020




Ucapan Penutup oleh YBhg. Ts. Dr. Mohammad Naim Bin Yaakub, Ketua Pengarah JPPKK



Taklimat Pelaksanaan KPI oleh YBrs. Dr. Shamsuri Bin Adullah, Pengarah BKTVET



Ucapan Aluan oleh Ts. Haji Mohamad Amin Bin Hamat, Timbalan Ketua Pengarah (Governan), JPPKK

Bengkel Semakan Semula KPI JPPKK bagi tahun 2020 telah dilaksanakan pada 20 – 22 Oktober 2019 di Hotel Flamingo by The Lake. Bengkel ini telah dianjurkan oleh Unit Kecemerlangan Institusi, Bahagian Governan dan Kecemerlangan yang bertanggungjawab dalam penyelarasan pembangunan dan pemantauan perlaksanaan KPI di JPPKK. Bengkel ini bertujuan untuk mempersiapkan dan membincangkan isu-isu berkaitan dalam perlaksanaan KPI jabatan. Seramai 65 orang wakil-wakil bahagian di JPPKK terdiri daripada pengarah bahagian, timbalan pengarah, dan pemilik proses telah menghadiri bengkel ini. Selain daripada itu, wakil-wakil dari institusi yang terdiri daripada Pengarah, Timbalan Pengarah, Pegawai Unit Kualiti dan Penyelaras KPI juga hadir ke bengkel ini. Bengkel ini telah menghasilkan 24 draf KPI bagi Jabatan Politeknik dan Kolej Komuniti bagi tahun 2020.

# PENUTUP

Bahagian Governan dan Kecemerlangan (BGK) telah berjaya melaksanakan pelbagai program/aktiviti sepanjang 2019. Program/aktiviti tersebut adalah hasil daripada perancangan tahunan yang tersusun dan sistematik sehinggakan ia dapat dilaksanakan dalam tempoh yang ditetapkan selari dengan fungsi- fungsi BGK. Terima kasih kepada semua pihak yang terlibat secara langsung dan tidak langsung di dalam memastikan perkara tersebut mencapai objektif yang ditetapkan. Semoga BGK akan terus cemerlang di masa-masa yang akan datang. Syabas dan tahniah!



# BAHAGIAN
# KOLABORASI INDUSTRI & KOMUNITI

# PENGENALAN

Bahagian Kolaborasi Industri dan Komuniti (BKIK) berperanan sebagai perhubungan dan rangkaian strategik dengan industri, komuniti, agensi kerajaan, Institusi Pendidikan Tinggi (IPT) dan agensi lain bagi menyokong aktiviti pengajaran dan pembelajaran. Kolaborasi bersama industri dilaksanakan bagi memastikan kebolehpasaran dan kebolehdapatan kerja graduan politeknik dan kolej komuniti.

BKIK juga berperanan memperluaskan akses kepada pendidikan dan latihan berkemahiran yang berkualiti tinggi, memupuk jalinan industri-akademia yang lebih kukuh, membangunkan program kemahiran yang relevan dengan industri, mengenalpasti dan memudahcara proses bagi mendapatkan sumber pendanaan untuk program pembelajaran sepanjang hayat (PSH) di politeknik, menjana pekerjaan berkemahiran, meningkatkan gaji dan upah, merancang dan mengurus pelaksanaan program kolaborasi berkaitan PSH bersama kumpulan sasaran kearah pembangunan PSH yang lebih lestari.

# PROGRAM & AKTIVITI UTAMA

## PREMIER TVET INDUSTRY NETWORK

Pada 4 April 2019, Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti (JPPKK) Kementerian Pendidikan telah mengadakan *Premier TVET Industry Network* di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC). *Premier TVET Industry Network* ini diadakan bagi mendapatkan pandangan pihak industri tentang keperluan tenaga TVET untuk keperluan industri. Majlis ini telah dihadiri lebih daripada 100 orang yang terdiri daripada wakil industri dan pegawai Kementerian Pendidikan Malaysia.




Ucapan aluan oleh Mantan Ketua Pengarah JPPKK YBhg. Prof. Dato' Ts. Dr. Mohd Ismail Bin Abd Aziz



Tetamu kehormat bergambar dengan semua peserta Premier TVET Industry Network

Mantan Ketua Pengarah JPPKK YBhg. Prof. Dato' Ts. Dr. Mohd Ismail Bin Abd Aziz telah menyampaikan ucapan alauan bagi pihak YB Dr. Maszlee Bin Malik, Menteri Pendidikan Malaysia. Di dalam Majlis ini juga YBhg. Dato' Soh Thian Lai telah menyampaikan ucapan bertajuk "TVET di Malaysia: Perspektif Industri". Dato' Soh percaya bahawa, dengan transformasi TVET, graduan akan menjadi tulang belakang industri. Selain itu, Dato' Michael Tio, Ketua Pegawai Eksekutif PKT Logistics Group Sdn Bhd telah berkongsi inspirasi mengenai bagaimana beliau mengubah syarikatnya dan keperluan untuk semua pihak mempunyai pandangan yang sama dalam mengembangkan keperluan industri.

# PROGRAM & AKTIVITI UTAMA

## MESYUARAT MAJLIS PENASIHAT INDUSTRI (IAC)

Mesyuarat Majlis Penasihat Industri atau juga dikenali sebagai *Industry Advisory Council* (IAC), JPPKK bagi tahun 2019 telah dilaksanakan pada 19 November 2019 bertempat di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC).



Mesyuarat Majlis Penasihat Industri dipengerusikan oleh Tan Sri Dato 'Azman Shah Dato' Seri Haron, President Malaysian Employers Federation (MEF)

Mesyuarat ini telah dipengerusikan oleh Pengerusi IAC, Tan Sri Dato 'Azman Shah Dato' Seri Haron dan dihadiri oleh 17 ahli IAC yang dilantik. IAC ini adalah berfungsi memberi maklum balas untuk meningkatkan jangkauan JPPKK kepada industri dan membantu JPPKK dalam merangka pelan strategik dalam melihat potensi kerjasama di antara akademik dengan industri yang akan dilaksanakan.



# PROGRAM & AKTIVITI UTAMA

## MESYUARAT MAJLIS PENASIHAT INDUSTRI (IAC)

| NO | NAMA | JAWATAN/ ORGANISASI |
|---|---|---|
| 1 | Y.Bhg. Tan Sri Dato' Azman Shah Dato' Seri Haron | *President, Malaysian Employers Federation (MEF)* |
| 2 | YBhg. Tan Sri Dato' Sri Sufri Hj. Mohd. Zin | *Vice President, Master Builders Association Malaysia (MBAM)* |
| 3 | YBhg. Dato' Azman Mahmud | *CEO, Malaysia Industrial Development Authority (MIDA)* |
| 4 | YBhg. Datuk Ir. Mohd Adnan Bin Mohd Nor | *Council Member, Association of Consulting Engineers Malaysia (ACEM)* |
| 5 | Encik Mohd Rithaudeen Bin Makip | *Deputy CEO II, SME Corporation Malaysia (SME Corp.)* |
| 6 | YBhg. Dato' Michael Tio | *CEO, PKT Logistics Group Sdn. Bhd* |
| 7 | YBhg. Dato' Bruce Lim Aun Choong | *Deputy Secretary General, Malaysia Retail Chain Association (MRCA)* |
| 8 | Encik Yap Lip Seng | *CEO, MAHTEC, Malaysian Association of Hotels (MAH)* |
| 9 | YBhg. Dato' J. Palaniappan | *Council Member, Federation of Malaysian Manufacturers (FMM)* |
| 10 | Encik Mohd Nasir Md. Ibrahim | *Senior Principal Analyst 1 (Vice President), Malaysian Industry-Government Group for High Technology (MIGHT)* |
| 11 | YBhg. Datin Jeanette Tambakau | *President, Association of Malaysian SPAs (AMSPA)* |
| 12 | YBhg. Dato' Madani Sahari | *Malaysia Automotive Robotics and IoT Institute (MARii)* |
| 13 | Encik Samsudin Miskon | *Senior Vice President, Project Delivery & Technology, Petroliam Nasional Berhad (PETRONAS)* |
| 14 | Encik Lim Kah Cheng | *Deputy Chief Executive, Human Resource Development Fund (HRDF)* |
| 15 | Puan Surina Shukri | *CEO, Malaysia Digital Economy Corporation (MDEC)* |
| 16 | Puan Nora A Manaf | *President, Malayan Commercial Banks' Association* |
| 17 | Ir Syed Mohamed Adnan bin Mansor | *Immediate Past President, Malaysian Water Association (MWA)* |

Senarai ahli IAC JPPKK

# PROGRAM & AKTIVITI UTAMA

## MAJLIS ANUGERAH BIASISWA DAN MENANDATANGI AGREED MINUTES OF MEETING (AMM) BERSAMA LOTTE CHEMICAL TITAN HOLDING BERHAD

Majlis Anugerah Biasiswa dan Majlis Menandatangi *Agreed Minutes Of Meeting* (AMM) bersama Lotte Chemical Titan Holding Berhad telah diadakan pada 1 April 2019 bertempat di Dewan Canselori UKM, Bangi. Acara menandatangi AMM telah dilaksanakan antara Politeknik Ibrahim Sultan (PIS) dan Politeknik Tun Syed Nasir (PTSN) dengan Yayasan Biasiswa Lotte (LSF), Korea, yang disaksikan oleh YBhg. Ts. Dr. Mohammad Naim Yaakub, Timbalan Ketua Pengarah (Perancangan), JPPKK.




Majlis Menandatangai *Agreed Minutes Of Meeting* (AMM) diantara Yayasan Biasiswa Lotte (LSF), dan Politeknik Tun Syed Nasir (PTSN) disaksikan oleh YBhg. Ts. Dr. Mohammad Naim Yaakub, Timbalan Ketua Pengarah (Perancangan), JPPKK

Pihak LSF di bawah naungan Kumpulan LOTTE, Korea mengumumkan bahawa pihak syarikat akan memberikan biasiswa kepada 10 pelajar PIS, 10 pelajar PTSN dan 6 pelajar berprestasi tinggi UKM, yang berasal dari keluarga berpendapatan rendah. Upacara itu disempurnakan oleh Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif LOTTE *Chemical Titan Holding Berhad*, Dr. Lee Dong Woo dan turut dihadiri oleh Pengarah LSF Korea, Encik So Dae Bong, Pro Naib Canselor UKM, YBhg. Profesor Dr. Ishak bin Yusoff, Pengarah Bahagian Kolaborasi Industri dan Komuniti JPPKK, Ts. Zainah binti Rujihan dan wakil-wakil daripada KPM, UKM, PIS, PTSN serta penerima anugerah biasiswa.



Penerima Biasiswa Yayasan Biasiswa Lotte (LSF)

# PROGRAM & AKTIVITI UTAMA

## WATIKAH PELANTIKAN CEO@POLYCC DAN MAJLS MENANDATANGANI SIJIL KOLABORASI STRATEGIK POLITEKNIK KUCHING SARAWAK

Majlis Penyampaian Watikah Pelantikan CEO@PolyCC, Ahli Jawatankuasa Penasihat Industri dan Felo Industri Politeknik Kuching Sarawak beserta Majlis menandatangani Sijil Kolaborasi Strategik dan Mesyuarat Jawatankuasa Penasihat Industri Politeknik Kuching (PKS) telah diadakan pada 3 Julai 2019 di Politeknik Kuching, Sarawak.



Jawatankuasa Penasihat Industri Politeknik Kuching Sarawak



Ketua Pegawai Eksekutif Serba Dinamik dilantik sebagai CEO@POLYCC

Tarikh kemaskini: 03/07/2019

Penyampaian Wartikah Pelantikan CEO@ PolyCC, Jawatankuasa Penasihat dan Felo Industri kepada YBhg Dato' Dr. Ir. Mohd Abdul Karim, Ketua Pegawai Eksekutif, Serba Dinamik Holdings Berhad oleh Ts. Zainah Rujihan, Pengarah Bahagian Kolaborasi Industri Dan Komuniti, JPPKK

Majlis ini telah dihadiri oleh YBhg Dato' Dr. Ir. Mohd Abdul Karim, Ketua Pegawai Eksekutif, Serba Dinamik Holdings Berhad selaku CEO@PolyCC merangkap Pengerusi Jawatankuasa Penasihat Industri PKS. Turut hadir mewakili Ketua Pengarah JPPKK ialah Ts. Zainah Rujihan, Pengarah Bahagian Kolaborasi Industri dan Komuniti. Melalui perlantikan dan kerjasama yang dijalankan, ia dapat membantu dalam meningkatkan lagi potensi graduan khususnya bagi graduan Politeknik Kuching Sarawak.



# PROGRAM & AKTIVITI UTAMA

## MAJLIS MENANDATANGI SIJIL JALINAN KOLABORASI ANTARA KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA DAN BERJAYA CORPORATION BERHAD, NAZA EDUCATION SDN. BHD, TOP GLOVE SDN. BHD DAN TROPICANA CORPORATION BERHAD

Majlis Menandatangi Sijil Jalinan Kolaborasi antara Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dan Berjaya Corporation Berhad, Naza Education Sdn. Bhd, Top Glove Sdn. Bhd dan Tropicana Corporation Berhad telah diadakan di Berjaya Hotel pada 17 Julai 2019. Majlis ini telah dihadiri oleh YBhg. Dato' Kamel Bin Mohamad, Timbalan Ketua Setiausaha Perancangan Strategik, Kementerian Pendidikan Malaysia selaku wakil kepada YB. Dr. Maszlee Bin Malik, Menteri Pendidikan Malaysia. Melalui kerjasama ini, pihak KPM dan keempat-empat syarikat ini akan bekerjasama dalam meningkatkan pendidikan TVET khususnya kepada institusi di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia




Ucapan aluan oleh YBhg. Dato' Kamel Bin Mohamad, Timbalan Ketua Setiausaha Perancangan Strategik, KPM




YBhg. Dato' Kamel Bin Mohamad, Timbalan Ketua Setiausaha Perancangan Strategik bersama wakil syarikat

NAZA

BERJAYA

TROPICANA
CORPORATION BERHAD

TOP GLOVE
TOP QUALITY, TOP EFFICIENCY

# PROGRAM & AKTIVITI UTAMA

## MAJLIS MENANDATANGANI SIJIL JALINAN KOLABORASI ANTARA JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI (JPPKK) DAN SYARIKAT MINYAK DAN GAS

Majlis Menandatangi Sijil Jalinan Kolaborasi di antara JPPKK dan empat syarikat minyak dan gas telah dilangsungkan pada 2 Disember 2019 bertempat di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC).




YB Dr. Maszlee Bin Malik, Menteri Pelajaran Malaysia dan YBhg. Ts. Dr. Mohammad Naim Bin Yaakub, Ketua Pengarah JPPKK bersama wakil-wakil syarikat.

Syarikat yang telah menandatangi Sijil Jalinan Kolaborasi tersebut ialah Dynac Sdn Bhd, EEW Malaysia Sdn Bhd, Malaysia Marine and Heavy Engineering Sdn Bhd (MMHE) dan Brooke Dockyard & Engineering Works Corporation. Majlis menandatangi ini telah disempurnakan oleh YBhg. Ts. Dr. Mohammad Naim Bin Yaakub, Ketua Pengarah JPPKK bersama wakil syarikat dan telah disaksikan oleh YB Dr. Maszlee Bin Malik, Menteri Pendidikan Malaysia. Melalui kolaborasi ini, ia dapat meningkatkan potensi pelajar Politeknik dan Kolej Komuniti dalam sektor industri minyak dan gas.

# PROGRAM & AKTIVITI UTAMA

## MAJLIS MENANDATANGI SIJIL JALINAN KOLABORASI ANTARA JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI (JPPKK) BERSAMA TALENT CORPORATION SDN BHD (TALENTCORP) DAN MALAYSIA EMPLOYER FEDERATION (MEF)

Majlis Menandatangi Sijil Jalinan Kolaborasi di antara JPPKK bersama Talent Corporation Sdn Bhd (TalentCorp) dan Malaysia Employer Federation (MEF) dalam kerjasama Konsortium Pembangunan Bakat Pelancongan. Majlis ini telah diadakan pada 20 Jun 2019 2.30 petang, di *Malaysia International Trade and Exhibition Center* (MiTEC).




Majlis Menandatangi Sijil Jalinan Kolaborasi Kerjasama Konsortium Pembangunan Bakat Pelancongan antara JPPKK, bersama TalentCorp dan MEF




Sesi Dialog Bersama YB Haji Mahfuz bin Haji Omar, Timbalan Menteri Sumber Manusia

Selain itu, Sesi Dialog Bersama YB Haji Mahfuz bin Haji Omar, Timbalan Menteri Sumber Manusia bersama panel yang terdiri daripada Puan Hjh Mahuran binti Saro Sariki Timbalan Ketua Pengarah Operasi Talent Corporation Sdn Bhd, Puan Hjh Ts. Zainah binti Rujihan Pengarah Bahagian Kolaborasi Industri dan Komuniti serta Dato Haji Samsudin bin Bardan, Pengarah *Eksekutif Malaysia Employer Federation* (MEF).

Sesi ini mendapat penyertaan daripada lebih 80 orang pemain industri dalam sektor pelancongan dan perhotelan dan merupakan medium perkongsian pendapat dan dialog bersama panel-panel yang terlibat bagi meningkatkan pembangunan modal insan di dalam industri pelancongan di Malaysia. Program ini telah memberikan pendedahan baru kepada pemain industri berkaitan penubuhan KPBHP yang diharap dapat memberikan manafaat kepada peserta yang terlibat bagi manangani cabaran dan pembangunan modal insan yang dihadapi oleh sektor terlibat.

# PROGRAM & AKTIVITI UTAMA

## STRUCTURED INTERNSHIP PROGRAM (SIP) KOHORT KE 7 BERSAMA PANASONIC INDUSTRIAL DEVICES MALAYSIA SDN. BHD. (PIDMY)

SIP adalah merupakan 'smart partnership' antara politeknik dan kolej komuniti dengan industri yang merupakan satu keperluan supaya politeknik dan kolej komuniti dapat membina dan membangunkan sumber manusia negara terutamanya bagi memenuhi keperluan Industri 4.0. Latihan Industri Berstruktur yang dijalinkan antara Politeknik dan Kolej Komuniti dengan PIDMY sehingga kini telah berjaya melatih seramai 236 orang pelajar politeknik dan kolej komuniti sehingga *cohort* yang ke-7. Kejayaan program ini telah dibuktikan apabila 65% daripada jumlah pelajar tersebut telah diserap untuk terus bekerja dengan PIDMY. Selain PIDMY, antara syarikat lain yang turut menggunakan konsep yang sama seperti di jadual.

| BIL | NAMA SYARIKAT | BIDANG |
|---|---|---|
| 1 | Panasonic Appliances Air-Conditioning Malaysia Sdn. Bhd | Elektrikal, Mekanikal & Penyamanan Udara |
| 2 | Sushi Kin Sdn. Bhd | Pemprosesan Makanan, Teknologi Makanan |
| 3 | Starken Aac Sdn. Bhd | Elektrikal Dan Mekanikal |
| 4 | Transair Royhle Flying Academy | Pelancongan |
| 5 | Malayan Flour Mills Berhad | Elektrikal Dan Pemprosesan Makanan |
| 6 | Panasonic Energy Malaysia Sdn. Bhd | Mekanikal |
| 7 | Honda Malaysia Sdn. Bhd | Mekanikal Dan Servis Kenderaan Ringan |
| 8 | Top Mech Provincial Sdn. Bhd | Mekanikal |
| 9 | Platinium Railway Eng. Services Sdn Bhd | Elaktrikal Dan Mekanikal |
| 10 | Puspamara Sendirian Berhad | Fesyen Dan Pakaian |
| 11 | Brahims Sats Food Services Sdn Bhd | Kulinari, Teknologi Makanan, Elektrikal |
| 12 | Loop Holding Sdn Bhd | Pemprosesan Makanan |
| 13 | Top Glove Sdn Bhd | Elektrikal Dan Mekanikal |



# PROGRAM & AKTIVITI UTAMA

## PROGRAM CIMA PROFESIONAL CERTIFICATION AND UPSKILLING PROGRAM [PROSKILL]

Program *CIMA Professional Certification and Upskilling Program* (PROSKILL) merupakan program Pembelajaran Sepanjang Hayat yang telah dilaksanakan dengan kerjasama Politeknik Nilai dan Cement Industries Malaysia Berhad (CIMA). Program ini telah dilaksanakan selama 14 minggu bermula Julai 2019.

Program upskilling ini merupakan kerjasama *academia–industry* yang telah dilaksanakan dengan jayanya dimana ianya telah disertai oleh 19 staf kejuruteraan dari CIMA Bahau. Ia merupakan sebagai salah satu kriteria proses kenaikan pangkat ataupun kaedah meningkatkan kemahiran dan pengetahuan dalam bidang Kejuruteraan dan Elektrikal dan Mekanikal. Program ini diadakan pada setiap hari Sabtu dan Ahad yang merangkumi sejumlah 239 jam pertemuan. Para peserta juga disediakan tempat penginapan yang selesa di Cemara Inn PNS. Secara umumnya program ini mendedahkan tentang asas kejuruteraan *Pneumatic & Hydraulic Components and Instruments in Automatic Control, Metallurgy Engineering, Introduction to Occupational Safety and Health, Fluid Mechanics, Welding Technology and Skills, Electrical Technology, Computer Application, English & Communication, Autocad* dan *Engineering Material*.

Dengan pengetahuan dalam bidang kejuruteraan mekanikal yang diperolehi, ia diharap dapat menghasilkan pekerja yang berkemahiran dan berpengetahuan dalam bidang kejuruteraan untuk diaplikasikan dalam menyelesaikan tugas-tugas seharian. Ini juga merupakan salah satu platform yang boleh digunakan untuk memajukan dan memotivasikan tenaga kerja bagi syarikat berkenaan melalui proses perkongsian ilmu antara institusi TVET dan industri.

Maklum balas yang diterima dari peserta dan pihak pengurusan CIMA sangat memberansangkan dan pihak CIMA akan meneruskan latihan bersama Politeknik Nilai dalam siri yang sama dan kursus dalam bidang yang lain juga.

# PROGRAM & AKTIVITI UTAMA

## PROGRAM CIMA PROFESIONAL CERTIFICATION AND UPSKILLING PROGRAM (PROSKILL)





Pelaksanaan Program CIMA Profesional Certification and Upskilling Program (PROSKILL) di Politeknik Nilai



Pengurusan PNS bersama pihak Pengurusan CIMA



Peserta Upskilling CIMA bersama tenaga pengajar PNS

CIMA™®

POLITEKNIK MALAYSIA NILAI

# PROGRAM & AKTIVITI UTAMA

## KURSUS ASAS KEJURUTERAAN BOILER

Kursus Asas Kejuruteraan Boiler telah dilaksanakan pada 19 Januari 2019 di Politeknik Kota Kinabalu, Sabah. Kursus ini telah dihadiri oleh 1098 peserta dan telah berjaya didaftarkan di dalam *Malaysia Book of Record* (MBOR) sebagai penyertaan pembelajaran sepanjang hayat paling ramai dalam kursus kejuruteraan.



B1 Isnin, 21 Januari 2019

Utusan Borneo

CITRA Utusan

Pehimpunan Aman Solidariti MA63 berjalan lancar, aman Muka B3

Muka B8 HTM siar filem 'Train To Busan' pada 26 Januari di TV2

# Politeknik KK diiktiraf MBOR

▶ Penyertaan paling ramai Kursus Asas Kejuruteraan Dandang

**POLITEKNIK Kota Kinabalu (PKK) mendapat pengiktirafan daripada Malaysia Book of Records (MBOR) menerusi penyertaan paling ramai bagi Kursus Asas Kejuruteraan Dandang (Boiler) yang diadakan di kampusnya pada Ahad.**

Kursus anjuran bersama Malaysia Steam and Internal Combustion Engine Engineer Association (MSIEA) itu berjaya menarik seramai 1098 penyertaan sekaligus berjaya mendapat pengiktirafan daripada MBOR.

Penyerahan sijil disempurnakan oleh wakil MBOR, Nurul Syahirah Mohd Yusof pada majlis penutup kursus itu.

Pengarah PKK Ts Zainab Othman berkata sambutan penyertaan kursus sangat memberangsangkan dan di luar jangkaan, memandangkan sasaran awal yang ditetapkan adalah seramai 1,000 orang.

"Kita menjangkakan 1,000 peserta pada awalnya, tetapi yang telah mendaftar secara atas talian adalah seramai 1,151 orang. Alhamdulillah, kita mendapat pengiktirafan MBOR berdasarkan kehadiran sebenar pada hari ini (Ahad) iaitu seramai 1,098 orang," katanya.

Tambah beliau, penganjuran kursus adalah antara aktiviti yang dibuat sempena Sambutan Jubli Emas Politeknik Malaysia pada tahun ini.

"Pengiktirafan yang diterima daripada MBOR ini sudah pasti adalah hadiah istimewa bagi warga Politeknik Kota Kinabalu khususnya bersempena Sambutan Jubli Emas Politeknik Malaysia," katanya.

Para peserta terdiri daripada masyarakat setempat di sekitar Kota Kinabalu, kakitangan dan pelajar PKK sendiri, pelajar dari institusi pengajian tinggi berdekatan seperti Kolej Vokasional Likas dan Institut Latihan Perindustrian, serta kakitangan syarikat dan industri berhampiran seperti Sabah Electricity Board Sdn Bhd dan Ranhill Powerton Berhad.

Kursus sehari itu dikendalikan oleh Setiausaha Kehormat MSIEA Muhammad Salahuddin Abdul Majid.

Antara matlamat kursus adalah untuk meningkatkan pengetahuan dan kemahiran peserta dalam pengendalian dan pengoperasian dandang di samping pengendalian keselamatan dan penyelenggaraan peralatan berkaitan.

Kursus itu juga lebih kepada perkongsian maklumat dan terbuka kepada semua lapisan masyarakat, tidak mengira latar belakang akademik masing-masing.

Seterusnya, ia bertindak sebagai platform untuk para peserta yang berminat melanjutkan pengajian bagi mendapatkan sijil kemahiran khusus dalam bidang kejuruteraan dandang.

**Sementara itu, salah seorang peserta Ahmad Daniel berkata, kursus asas itu membantu memberi kefahaman yang lebih jelas mengenai pengurusan dandang dan beliau menyambut baik keseluruhan penganjuran kursus itu.**

"Walaupun bidang saya adalah kejuruteraan automatif, tetapi ia dapat memberi gambaran jelas mengenai asas pengurusan dandang yang juga termasuk dalam pembelajaran kami," kata pelajar dari Kolej Vokasional Likas itu.

Tambahnya, mereka rasa bertuah kerana berpeluang menghadiri kursus yang dikendalikan oleh penceramah yang cukup hebat dan memang terkenal dalam dunia kejuruteraan dandang di Malaysia.

Majlis penutup kursus turut menyaksikan Majlis Menandatangani Sijil Kolaborasi di antara PKK dan MSIEA yang disempurnakan oleh Zainab dan Muhammad Salahuddin, sambil disaksikan oleh pengurusan tertinggi kedua-dua institusi.

ZAINAB dan Muhammad Salahuddin bertukar Sijil Kolaborasi yang ditandatangani, sambil diperhatikan oleh (dari kanan) Ir Azriman Mat Ali, Ketua CISEC PKK Mohd Sahran Mohiddin, Timbalan Pengarah Sokongan Akademik PKK Norhanom Awang, Timbalan Pengarah Akademik PKK Nurul Syahirah dan Ketua Jabatan Mekanikal PKK Abd Razak Daim.

(Gambar atas) AHMAD (duduk, kanan) bersama rakan-rakannya Muhammad Faizun (berdiri) dan Muhammad Aizlan dari Kolej Vokasional Likas.

(Gambar bawah) ZAINAB dan Muhammad Salahuddin menandatangani Sijil Kolaborasi, sambil diperhatikan oleh (dari kanan) Ir Azriman Mat Ali, Ketua CISEC PKK Mohd Sahran Mohiddin, Timbalan Pengarah Sokongan Akademik PKK Norhanom Awang, Timbalan Pengarah Akademik PKK Nurul Syahirah dan Ketua Jabatan Mekanikal PKK Abd Razak Daim.

ZAINAB menyampaikan cenderamata kepada Muhammad Salahuddin sambil diperhatikan oleh Mohd Sahran Mohiddin (kanan), Norhanom Awang (dua kiri) dan Nurul Syahirah (kiri).

PARA peserta Kursus Asas Kejuruteraan Dandang merakamkan gambar kenangan.

MUHAMMAD Salahuddin menerima sijil MBOR daripada Nurul Syahirah sambil diperhatikan oleh Zainab (tengah), Norhanom (kiri) dan Mohd Sahran (kanan).

Kursus ini direkabentuk untuk peserta yang terlibat dalam industri penggunaan boiler sebagai pendedahan awal mengenai rekabentuk boiler, keselamatan semasa mengendalikan boiler dan juga meningkatkan pengetahuan peserta secara asas mengenai boiler yang terdapat di Sabah serta Malaysia.

Di sabah terdapat banyak kilang sawit, dan boleh dikatakan kebanyakan kilang sawit mempunyai sebuah boiler bagi pengoperasiannya. Ia juga untuk menerangkan mengenai perundangan yang melibatkan penggunaan bolier. Kursus ini memberi impak yang sangat tinggi kerana ilmu Kejuruteraan boiler telah disampaikan oleh pakar yang mempunyai pengalaman dalam bidang boiler.

# PENUTUP

Bahagian Kolaborasi Industri dan Komuniti telah melaksanakan pelbagai aktiviti bagi memastikan kolaborasi yang dijalinkan dapat meningkatkan kebolehpasaran graduan pelajar politeknik dan kolej komuniti. Selain daripada itu, jalinan *industry-academia* dapat memperluaskan akses kepada pendidikan sepanjang hayat dan latihan berkemahiran yang berkualiti tinggi kepada komuniti dan industri.

# BAHAGIAN KURIKULUM

# PENGENALAN

BAHAGIAN KURIKULUM (BK) adalah bahagian di bawah Sektor Akademik yang dianggotai oleh bilangan paling ramai staf akademik. Dengan pimpinan Puan Noor Aidi binti Nadzri sebagai Pengarah Bahagian, BK terbahagi kepada 12 unit yang terdiri daripada 10 unit bidang pengajian, satu (1) unit penilaian dan inovasi kurikulum, dan satu (1) unit pembelajaran sepanjang hayat (PSH).

**A. Unit Penilaian dan Inovasi Kurikulum**

Bertanggungjawab dalam proses merancang dan memantau proses rekabentuk pembangunan, semak semula dan penilaian kurikulum program pengajian. Juga bertanggungjawab dalam merancang, mengurus dan membangunkan inovasi dalam kurikulum melalui pendekatan CDIO, Design Thinking dan iCGPA

**B. Unit-unit Bidang Pengajian**

Bertanggungjawab dalam merancang dan mengurus pelaksanaan rekabentuk, pembangunan, semak semula dan penilaian kurikulum program pengajian. Juga bertanggungjawab dalam merancang, membangun, mengurus, memantau dan menyelenggara silibus program pengajian.

**C. Unit Pembelajaran Sepanjang Hayat**

Bertanggungjawab dalam menterjemah konsep dan merancang program Pembelajaran Sepanjang Hayat (PSH) berdasarkan dasar PSH dan Pendidikan Islam Sepanjang Hayat (PISH) di institusi mengikut permintaan kumpulan sasaran. Juga bertanggungjawab dalam merancang dan memantau proses rekabentuk, pembangunan, semak semula dan penilaian modul program pengajian PSH.

# PROGRAM & AKTIVITI UTAMA

## 24th FIRA ROBOWORLD Cup 2019

Kejohanan FIRA *(The Federation of International Robot-Sport Association) Roboworld Cup* merupakan satu kejohanan robotik di peringkat antarabangsa yang diadakan setiap tahun. Kejohanan ini telah memasuki edisi ke-24 sejak penganjuran kali pertama pada tahun 1996. Kejohanan *24th FIRA Roboworld Cup and Summit 2019* mempertandingkan 5 kategori utama iaitu *Humanoid Robot World Cup (HuroCup), Android Soccer Tournament (AndroSot), Robo Soccer Tournament (RoboSot), Simulation Robo Soccer Tournament (SimuroSot)* dan *Fira-Air*.




Pencapaian pasukan Malaysia dalam kejohanan 24th FIRA Roboworld Cup and Summit 2019, Changwon, Korea Selatan



Sesi bersama YB Menteri Pendidikan dalam program Flag-Off pasukan Malaysia ke kejohanan 24th FIRA Roboworld Cup 2019

Pasukan Malaysia telah diwakili oleh 7 buah politeknik yang telah dipilih melalui kejohanan 12th FIRA Malaysia Cup 2019 peringkat kebangsaan yang telah dijalankan pada 28 April hingga 3 Mei 2019. Politeknik yang terlibat adalah Politeknik Sultan Idris Shah (PSIS, Politeknik Ungku Omar (PUO), Politeknik Sultan Azlan Shah (PSAS), Politeknik Port Dickson (PPD), Politeknik Sultan Haji Ahmad Shah (POLISAS), Politeknik Kota Kinabalu (PKK) dan Politeknik Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah (POLIMAS). Dalam Kejohanan peringkat antarabangsa tersebut, pasukan Malaysia telah membawa pulang 3 pingat emas, 1 pingat perak dan 4 pingat gangsa.

# PROGRAM & AKTIVITI UTAMA

## SMART GREEN FESTIVAL AGRO, FOOD & BIOTEKNOLOGI [SGFAMB]

*Smart Green Festival Agro, Food & Biotechnology* (SGFAMB) merupakan platform utama untuk perkongsian ilmu dan dapatan terbaharu daripada para pensyarah, penyelidik serta pelajar TVET melalui pertandingan inovasi dan penyelidikan dalam bidang agroteknologi, akuakultur, bioteknologi serta makanan yang semakin pesat berkembang demi memacu kelestarian kehidupan global.

SmartGreen PolyCC yang telah dilancarkan oleh JPPKK merupakan usaha membudayakan amalan hijau dalam kehidupan. Ia merupakan inisiatif bagi panduan amalan hijau terancang selaras keperluan pengurusan dan operasi politeknik dan kolej komuniti Malaysia.







Program Smart Green Festival Agro Makanan dan Bioteknologi dirasmikan oleh Ketua Menteri Melaka, YB Adly Zahari.

# PROGRAM & AKTIVITI UTAMA

## WORLDSKILLS KAZAN 2019

*Worldskills Kazan 2019* telah diadakan di Kazan, Rusia pada 22 – 28 Ogos 2019 dengan penampilan pelajar Muhammad Hasbul Arman bin Azhar dari Politeknik Sultan Idris Shah dan Muhammad Irfan Hadi bin Sulaiman dari Kolej Komuniti Baling yang mewakili Malaysia bersama 22 orang peserta dari pelbagai agensi. Kebanggaan JPPKK ini mewakili Malaysia bagi bidang Elektronik dan Pastry dengan kejayaan Muhammad Irfan Hadi Bin Sulaiman sebagai penerima *Medallion of Excellent* bagi bidang Pastry.

Pensyarah dari politeknik dan kolej komuniti, En. King Diaw A/L Eh Sut dari PTSS dalam bidang elektronik dan En. Rafizi Bin Ramli dari KK Baling dalam bidang pastry buat julung kalinya dilantik sebagai pakar negara. JPPKK diwakili oleh Puan Noor Aidi binti Nadzri, Pengarah Bahagian Kurikulum sebagai ketua kontinjen JPPKK dibantu oleh En.Fareed bin Jaafar, Penyelaras Induk Polyskills JPPKK dan selaku pengurus bagi pihak JPPKK ke WSC Kazan 2019. Selain daripada itu, jurulatih negara yang bersama-sama pasukan Malaysia terdiri daripada En. Helmi Bin Jamaludin, En. Nasrul Azhan Bin Muuti, Pn. Nor Adilah Binti Ali dan Pn. Naelah Binti Shuib.




Dua orang wira #politeknikkolejkomuniti yang bertanding di WorldSkills 2019 Kazan, Rusia.



Muhammad Hasbul Arman bin Azhar, peserta negara dalam bidang Electronics. Seorang pelajar dari Politeknik Sultan Idris Shah

WORLDSKILLS KAZAN 2019

# PROGRAM & AKTIVITI UTAMA

## PEMBELAJARAN SEPANJANG HAYAT

Program pembelajaran sepanjang hayat (PSH) di politeknik adalah bertujuan untuk meningkatkan kemahiran dan kelayakan akademik kepada pekerja industri, meningkatkan produktiviti syarikat, memupuk jalinan industri-academia yang lebih kukuh, membantu menjana pendapatan tinggi dan membangunkan bakat (*talent development*). Kumpulan sasaran Program PSH politeknik adalah dikalangan industri, komuniti, agensi kerajaan, badan berkanun dan agensi berkaitan kerajaan (GLC).

PSH Kolej Komuniti pula bertujuan untuk membantu membangunkan potensi diri kumpulan sasar komuniti setempat. Pelbagai kursus pendek yang dilaksanakan di kolej komuniti telah menyumbang kepada pengurangan jurang tenaga kerja mahir yang dihadapi oleh industri melalui program peningkatan kemahiran dan latihan semula (*upskilling and reskilling*). Program ini bercirikan program terlanggan (*customized programme*) iaitu dilaksanakan dengan lebih fleksibel untuk pekerja industri selaras dengan agenda Revolusi Industri 4.0. Golongan sasaran program PSH kolej komuniti adalah miskin tegar, orang asli, OKU, ibu tunggal, belia dan warga emas/pesara.

**2019**

POLITEKNIK MALAYSIA — KOLEJ KOMUNITI MALAYSIA

| POLITEKNIK MALAYSIA | PSH | KOLEJ KOMUNITI MALAYSIA |
|---|---|---|
| **36,324** | | **217,981** |
| **718 Program** | | **10,589 Program** |

**JANAAN PENDAPATAN:**
**RM3.8J**

# PROGRAM & AKTIVITI UTAMA

## KARNIVAL TVET BERSAMA KOMUNITI 2019

Karnival TVET Bersama Komuniti dirasmikan oleh Menteri Pendidikan, YB Dr. Maszlee Malik. Karnival ini telah berlansung pada 11 November 2019 bertempat di Kolej Komuniti Tanjung Piai, Johor. Objektif program ini adalah untuk mendekati komuniti melalui program-program TVET yang ditawarkan di institusi di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia.




Sesi motivasi bersama Dato' Fazley Yaakob

Program ini juga bertujuan menarik minat dan menggalakkan lebih ramai masyarakat untuk terus menimba ilmu pengetahuan dan kemahiran melalui program Pembelajaran Sepanjang Hayat (PSH) yang ditawarkan di universiti awam, kolej komuniti dan politeknik. Pelbagai pameran akademik interaktif, program PSH dan taklimat program sepenuh masa telah dijalankan sepanjang berlangsungnya karnival tersebut.



# PENUTUP

Program dan aktiviti utama Bahagian Kurikulum sepanjang tahun 2019 berjalan dengan lancar hasil kerjasama yang baik dari semua pihak yang terlibat. Penyertaan dalam kejohanan peringkat kebangsaan dan antarabangsa akan tetap diteruskan bagi mencungkil bakat dan kebolehan pelajar di politeknik dan kolej komuniti dalam bidang yang disertai. Diharap lebih banyak aktiviti dan program yang lebih menjurus kepada pembudayaan ilmu dan pengetahuan terutamanya dalam bidang teknikal dan kemahiran pada tahun 2020. Kerjasama dengan pihak industri akan diteruskan dalam memastikan kurikulum di politeknik dan kolej komuniti sentiasa berada pada landasan yang sesuai untuk melahirkan graduan yang berkualiti dan berkemahiran. Program-program yang menjurus untuk membantu golongan sasaran seperti B40, OKU, warga emas, ibu tunggal melalui pembudayaan pembelajaran sepanjang hayat (PSH) juga akan dipertingkatkan pada tahun 2020 selari dengan matlamat Wawasan Kemakmuran Bersama (WKB 2030).

# BAHAGIAN
# PEPERIKSAAN & PENILAIAN

# PENGENALAN

## FUNGSI UNIT PENILAIAN

1. Merancang dan mengurus pentaksiran dan penilaian pelajar bagi program formal di institusi;
2. Membangunkan garis panduan, menggubal kaedah penilaian, mengurus dan menyenggara bank soalan dan data peperiksaan bagi sistem pentaksiran dan penilaian bagi program formal di semua institusi;
3. Merancang dan memastikan kesahan dan kebolehpercayaan pentaksiran dan penilaian bagi program formal di institusi;
4. Merancang dan mengurus semua jenis penilaian mencapai *Course Learning Outcome* dan *Program Learning Outcome* bagi program formal di institusi; dan
5. Melaksanakan semakan semula dan penambahbaikan berterusan berkaitan isu-isu pentaksiran dan penilaian bagi program formal di institusi.

## FUNGSI UNIT DATA DAN PENSIJILAN

1. Merancang dan mengurus penganugerahan pensijilan program pengajian;
2. Merancang, membangun, mengurus dan menyenggara sistem dan aplikasi pengurusan data berkaitan peperiksaan;
3. Bertanggungjawab melaksanakan tugas-tugas keurusetiaan Lembaga Peperiksaan dan Penganugerahan Sijil/Diploma Politeknik selaras dengan Akta 550 1996; dan
4. Bertanggungjawab melaksanakan tugas-tugas keurusetiaan Jawatankuasa Peperiksaan dan Penganugerahan Sijil/Diploma Kolej Komuniti.

# PENGENALAN

## FUNGSI UNIT DATA DAN PENSIJILAN

1. Merancang dan mengurus pentaksiran dan penilaian pelajar bagi program Pembelajaran Sepanjang Hayat (PSH) di institusi;
   a. Membangunkan garis panduan bagi pentaksiran program PSH di semua institusi;
   b. Merancang dan memastikan kesahan dan kebolehpercayaan pentaksiran dan penilaian bagi program PSH; dan
   c. Melaksanakan semakan semula dan penambahbaikan berterusan berkaitan isu-isu pentaksiran dan penilaian bagi program PSH.
2. Menyelaras dan menyenggara data berkaitan pentaksiran program PSH berkredit; dan
3. Menyelaras penganugerahan persijilan PSH di institusi.

# PROGRAM & AKTIVITI UTAMA

## LULUSAN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI

Sejak penubuhan Politeknik pada tahun 1969 dan Kolej Komuniti pada tahun 2000, seramai 753,711 lulusan telah dilahirkan. Statistik secara kumulatif lulusan Politeknik bagi program sepenuh masa dan separuh masa mengikut tahap sehingga tahun 2019 menunjukkan seramai 581,594 lulusan. Manakala lulusan Kolej Komuniti mengikut tahap sehingga tahun 2019 adalah seramai 172,117 lulusan.




Statistik Lulusan Politeknik dan Kolej Komuniti

# PROGRAM & AKTIVITI UTAMA

## GRADUATE ON TIME (GOT)

Dalam usaha menghasilkan graduan TVET yang berkualiti, berkemahiran tinggi dan bekerja pada tahun konvokesyen meningkat, Politeknik dan Kolej Komuniti telah melaksanakan inisiatif A1 iaitu "Melaksanakan Program Kebolehpasaran Graduan yang Berimpak Tinggi" melalui sasaran kerja utama : peratusan pelajar tamat dalam tempoh (GOT).

*Key Performance Indicator* (KPI) bagi tahun 2019 adalah sebanyak 75%. Namun demikian, pencapaian peratus pelajar tamat dalam tempoh di Politeknik Malaysia adalah sebanyak 81% manakala di Kolej Komuniti adalah 88%. Walau bagaimanapun, bagi tahun 2020, KPI bagi GOT ditetapkan kepada 77%. Sehubungan itu, program kebolehpasaran graduan yang berimpak tinggi perlu dilaksanakan bagi meningkatkan nilai tambah asas kepada bakal graduan daripada aspek ketrampilan diri dan sahsiah yang membantu mereka memperolehi pekerjaan yang bersesuaian dengan diri dan majikan



# PROGRAM & AKTIVITI UTAMA

## SISTEM BANK KREDIT

Sistem Bank Kredit (*Credit Bank System*, CBS) merupakan aplikasi pangkalan data yang telah dibangunkan bagi tujuan penyimpanan dan pengumpulan kredit yang khusus untuk Program Pembelajaran Sepanjang Hayat Bermodul (Kredit). Sesi ujilari bagi sistem ini telah dilaksanakan pada 16 Mei 2019 dengan melibatkan 37 buah kolej komuniti. Prestasi penggunaan CBS pada tahun 2019 telah memperlihatkan penglibatan 8 buah kolej komuniti melalui pelaksanaan 18 kursus dengan penyertaan komuniti seramai 147 peserta.



# PENUTUP

Bahagian Peperiksaan dan Penilaian (BPN) telah berjaya melaksanakan aktiviti yang dirancang pada tahun 2019 dengan jayanya. Segala data berkenaan graduan, peratusan pelajar tamat dalam tempoh dan segala yang berkaitan dengan peperiksaan dan penilaian juga telah berjaya dikemukakan oleh BPN. Kesemua 3 unit di bahagian ini telah bekerjasama dengan baik dalam memastikan perancangan dan aktiviti berjalan lancar.

Segala aktiviti dan pelaporan akan terus diusahakan pada tahun 2020 dan seterusnya. Bahagian ini juga akan terus bekerjasama dengan baik dengan bahagian-bahagian lain di dalam Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti bagi memastikan aktiviti dan perancangan jabatan berjalan lancar.

# BAHAGIAN INSTRUKSIONAL & PEMBELAJARAN DIGITAL

# PENGENALAN

Bahagian Instruksional dan Pembelajaran Digital (BIPD) mempunyai empat (3) unit dalam menjalankan fungsi-fungsinya iaitu Unit Instruksional, Unit Pembelajaran Digital dan Unit Naziran. Fungsi- Fungsi BIPD adalah:

1. Membangun dan menyemak semula dasar dan garis panduan yang memandu pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran program pengajian politeknik dan kolej komuniti.
2. Memberi khidmat nasihat kepada pemimpin instruksional berkaitan pengajaran dan pembelajaran di institusi.
3. Mengurus dan menyelaras pengurusan sistem dan aktiviti akademik dalam menyokong pelaksanaan kurikulum program pengajian.
4. Merancang dan mengurus pembangunan bahan-bahan pengajaran dan pembelajaran program pengajian.

# PROGRAM & AKTIVITI UTAMA

## KOLABORASI STRATEGIK JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI (JPPKK) BERSAMA MALAYAN BANKING BERHAD (MAYBANK)

Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti (JPPKK) dengan kerjasama pihak *Group Human Capital*, Maybank Berhad telah menjalinkan kerjasama dalam proses penambahbaikan kurikulum pengajian selari dengan keperluan industri masa kini. Melalui sesi ini, *subject matter experts* dari Maybank telah membantu menyemak kurikulum program berkenaan secara terperinci dan membuat cadangan penambahbaikan berdasarkan keperluan terkini dalam industri dengan mengambil kira perubahan trend sosial, perundangan dan teknologi seperti *fintech, digital currency* dan *blockchain*.

Hasil usaha tersebut, pihak Maybank telah menawarkan tempat kepada pelajar bagi mengikuti latihan industri yang komprehensif kepada pelajar Diploma Kewangan dan Perbankan serta Diploma Kewangan dan Perbankan Islam, melalui program *Maybank Sales Internship* di cawangan Maybank seluruh negara. Program ini memberi fokus kepada pembangunan kemahiran serta atribut yang dikehendaki oleh majikan khususnya kemahiran berkomunikasi, pemikiran kritis, interpersonal, pembuatan keputusan serta berdikari dan berkeyakinan diri. Jaringan kerjasama adalah bertujuan mewujudkan peluang latihan secara praktikal di sektor perbankan yang membuka peluang pekerjaan sepenuh masa sebaik pelajar tamat mengikuti latihan.



Sesi pembentangan dan penilaian akhir laporan latihan industri



# PROGRAM & AKTIVITI UTAMA

## KOLABORASI STRATEGIK JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI (JPPKK) BERSAMA MALAYAN BANKING BERHAD (MAYBANK)

Selain itu, pelajar turut diberi bimbingan dan tunjuk ajar melalui program pembangunan daripada warga Maybank yang berdedikasi bagi meningkatkan kemahiran softskill di samping memberi galakkan kepada pelajar untuk menjadi duta kepada Maybank. Tawaran latihan dibuka kepada lima buah politeknik iaitu di Politeknik Nilai (PNS), Politeknik Ungku Omar (PUO), Politeknik Seberang Prai (PSP), Politeknik METrO Betong, Sarawak dan Politeknik Sultan Idris Shah (PSIS). Pemilihan pelajar melibatkan penilaian secara dalam talian (*online assessment*) serta temuduga oleh pegawai Maybank di kampus politeknik terlibat. Pelajar yang berjaya diberi latihan intensif selama 1 minggu di *Maybank Academy*, Bangi sebelum pelajar ditempatkan di cawangan Maybank seluruh negara. Penetapan seorang pelajar di satu cawangan dalam satu masa adalah untuk memastikan pelajar lebih berdikari dan berkeyakinan tinggi.





Sesi pengiktirafan Maybank oleh YB Menteri Pendidikan dalam usaha memperkukuhkan Politeknik Malaysia

# PROGRAM & AKTIVITI UTAMA

## PENAZIRAN AKADEMIK (PeNA)

Penaziran Akademik (PeNA) adalah satu aktiviti pemantauan pengurusan akademik bagi membantu dan memberi khidmat nasihat kepada institusi dalam meningkatkan kualiti pelaksanaan program pengajian agar lebih praktikal dan berkesan. Lawatan PeNA pada tahun 2019 dijalankan sepanjang tahun bermula bulan Februari hingga Oktober merangkumi 19 institusi Politeknik dan Kolej Komuniti yang terpilih mengikut zon iaitu Zon Utara, Selatan, Tengah, Timur, Sabah dan Sarawak. Lawatan PeNA merangkumi aspek kurikulum, pelaksanaan pembelajaran dan pengajaran, pentaksiran dan jaminan kualiti.

PeNA dilakukan menggunakan Instrumen PeNA berdasarkan Garis Panduan Penaziran Akademik (PeNA) Politeknik dan Kolej Komuniti 2019 dan laporan hasil lawatan PeNA dikemukakan kepada pihak institusi dan Bahagian di JPPKK untuk penambahbaikan dilaksanakan. Proses PeNA dijalankan oleh Panel PeNA dan dibantu oleh pegawai unit Naziran, BIPD.






Sesi Lawatan PENA



Sesi Lawatan PENA



# PROGRAM & AKTIVITI UTAMA

## PENAZIRAN AKADEMIK (PeNA)

Lawatan PeNA merangkumi aspek kurikulum, pelaksanaan pembelajaran dan pengajaran, pentaksiran dan jaminan kualiti. PeNA dilakukan menggunakan Instrumen PeNA berdasarkan Garis Panduan Penaziran Akademik (PeNA) Politeknik dan Kolej Komuniti 2019 dan laporan hasil lawatan PeNA dikemukakan kepada pihak institusi dan Bahagian di JPPKK untuk penambahbaikan dilaksanakan. Proses PeNA dijalankan oleh Panel PeNA dan dibantu oleh pegawai unit Naziran, BIPD. Seramai 21 orang Panel PeNA yang telah dilantik diberikan pendedahan berkaitan maklumat terkini seperti dasar/ polisi/ garis panduan/ surat arahan yang sedang berkuatkuasa melalui Bengkel *Training of Trainers* (ToT) Panel PeNA yang telah diadakan pada 28-30 April 2019 di Hotel Summit, Kuala Lumpur.



# PROGRAM & AKTIVITI UTAMA

## PEMANTAUAN PEMBELAJARAN DAN PENGAJARAN (PdP) POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI




Pemantauan PdP merupakan suatu proses membantu meningkatkan kualiti pembelajaran dan pengajaran pensyarah melalui maklum balas tentang perancangan dan penyampaian kurikulum yang diberikan kepada pensyarah agar pelaksanaan PdP mereka lebih berkesan. Proses pemantauan PdP adalah merujuk kepada Garis Panduan Pemantauan PdP yang dibangunkan oleh Bahagian Instruksional dan Pembelajaran Digital (BIPD), Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti (JPPKK). Dengan penggabungan Jabatan Pendidikan Politeknik dengan Jabatan Pendidikan Kolej Komuniti pada tahun 2018, BIPD telah menyemak semula garis panduan yang diguna pakai di institusi. Beberapa sesi bengkel semak semula garis panduan ini telah diadakan sepanjang tahun 2019 melibatkan 33 orang pensyarah politeknik dan kolej komuniti serta 5 orang pelajar bagi melihat segala keperluan institusi. Garis Panduan Pemantauan PdP Politeknik dan Kolej Komuniti Edisi 2019 ini telah digunapakai di 36 buah politeknik dan 103 buah kolej komuniti mulai sesi Disember 2019.



Perbincangan berkaitan Pemantauan Pembelajaran dan Pengajaran Politeknik dan Kolej Komuniti

# PROGRAM & AKTIVITI UTAMA

## PEMANTAUAN PEMBELAJARAN DAN PENGAJARAN (PdP) POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI




Proses pembangunan Kalendar Akademik telah melibatkan dua (2) jawatankuasa iaitu Jawatankuasa Kerja Kalendar Akademik (JKKA) dan Jawatankuasa Induk Kalendar Akademik (JIKA). Jawatankuasa ini telah diwujudkan bagi memastikan penyediaan Kalendar Akademik memenuhi keperluan bahagian-bahagian yang terlibat. JKKA terdiri daripada pegawai Bahagian Instruksional dan Pembelajaran Digital (BIPD), Bahagian Kurikulum (BK), Bahagian Peperiksaan dan Penilaian (BPN) dan Bahagian Ambilan dan Pembangunan Pelajar (BAPP). JKKA bertanggungjawab menyemak draf Kalendar Akademik yang telah disediakan oleh pegawai Unit Naziran BIPD mengikut spesifikasi yang telah dinyatakan dalam Prosedur Pembangunan Kalendar Akademik Program Pengajian Politeknik dan Kolej Komuniti. JIKA pula bertanggungjawab memperakukan draf Kalendar Akademik yang telah disemak oleh JKKA untuk kelulusan oleh Ketua Pengarah JPPKK. JIKA terdiri daripada Pengarah Kanan (Akademik), Pengarah BK, Pengarah BIPD, Pengarah BPN dan Pengarah BAPP. Kalendar Akademik 2019/2020 telah diedarkan ke Politeknik dan Kolej Komuniti mengikut tempoh yang ditetapkan agar pihak pengurusan institusi dapat membuat perancangan aktiviti akademik di institusi masing-masing.

PROSEDUR PEMBANGUNAN KALENDAR AKADEMIK
PROGRAM PENGAJIAN POLITEKNIK

# PROGRAM & AKTIVITI UTAMA

## MESYUARAT PENGURUSAN AKADEMIK POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI MALAYSIA [MPAPM & MPAKKM] TAHUN 2019

Mesyuarat Pengurusan Akademik Politeknik (MPAPM) telah diadakan pada 28-29 Julai 2019 bertempat di Kinrara Resort, Puchong. Seramai 36 orang TP(A) politeknik seluruh Malaysia telah hadir dalam mesyuarat ini dan Mesyuarat Pengurusan Akademik Kolej Komuniti Malaysia (MPAKKM) telah diadakan di Novotel Hotel, Melaka pada 22-24 Oktober 2019. Seramai 117 orang TP (A) kolej komuniti seluruh Malaysia yang hadir dalam mesyuarat pada kali ini.

MPAPM dan MPAKKM ini diadakan bertujuan meneliti isu yang melibatkan Bahagian Kurikulum (BK), Bahagian Instruksional & Pembelajaran Digital dan Bahagian Peperiksaan & Penilaian (BPN). Rumusan dan hasil isu yang dibangkitkan semasa perbincangan kumpulan fokus telah di bawa ke sesi umum Mesyuarat Pengurusan Akademik yang dipengerusikan oleh Pengarah Kanan (Akademik) JPPKK. Syor dan cadangan akan diminitkan untuk makluman atau tindakan.




Sesi Foto bersama TP(A) Politeknik Malaysia



Sesi Foto bersama TP(A) Kolej Komuniti Malaysia



Sesi Kumpulan Fokus



Sesi Umum 2019

# PROGRAM & AKTIVITI UTAMA

## Anugerah eDOLA 2019

Anugerah eDOLA 2019 merupakan satu platform bagi mengiktiraf serta menghargai warga Politeknik dan Kolej Komuniti yang telah menghasilkan dan menggunapakai bahan digital dalam pembelajaran dan pengajaran melalui pertandingan-pertandingan yang dianjurkan. eDOLA 2019 akan menobatkan pemenang-pemenang Tempat Pertama, Kedua dan Ketiga bagi setiap kategori melalui pertandingan-pertandingan berikut:

i. *eMICRO Content*
ii. *Poli TV*
iii. *TVET Tunes*
iv. *Mission Immersible*
v. *TeCC!nnovaters*



Tetamu yang hadir pada malam majlis tersebut.




Perkongsian ilmu oleh Timbalan Pengarah BIPD, Dr.Zainal Azhar Zainal Abidin

# PROGRAM & AKTIVITI UTAMA

## Anugerah eDOLA 2019

Kemuncak acara eDOLA 2019 adalah dengan pengumuman Pemenang Anugerah Keseluruhan yang akan dinobatkan kepada politeknik dan kolej komuniti yang paling aktif sepanjang tahun dalam pelaksanaan dan pencapaian ePembelajaran. Majlis Anugerah Inovasi Pembelajaran Digital eDOLA 2019 telah berlangsung di Dewan Mesmera 1 & 2, The Everly Putrajaya pada 8 Oktober 2019. Politeknik Sultan Azlan Shah (PSAS) telah mengungguli dalam anugerah ini dan telah dinobatkan juara keseluruhan sebagai "*The Best Digital Learning Achievement Awards 2019*”.






Pengacara jemputan Majlis eDOLA2019, Adibah Noor



PSAS Juara Keseluruhan eDOLA2019.

# PENUTUP

Bahagian Instruksional dan Pembelajaran Digital (BIPD) telah berjaya melaksanakan pelbagai aktiviti sepanjang 2019. Aktiviti yang dilaksanakan terhasil daripada perancangan tahunan yang tersusun dan sistematik sehinggakan ia dapat dilaksanakan dalam tempoh yang ditetapkan selari dengan fungsi- fungsi BIPD. Terima kasih kepada semua pihak yang terlibat secara langsung dan tidak langsung di dalam memastikan perkara tersebut mencapai objektif yang ditetapkan. Semoga BIPD terus cemerlang di masa-masa yang akan datang. Syabas dan tahniah!

# BAHAGIAN
# KOMPETENSI & PENINGKATAN KERJAYA

# PENGENALAN

Bahagian Kompetensi dan Peningkatan Kerjaya (BKPK), Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti (JPPKK) diterajui oleh Encik Mohamad Isa Bin Azhari. BKPK merangkumi 4 unit utama iaitu Unit Pembangunan Profesional, Unit Pembangunan Kompetensi, Unit Kecemerlangan Bakat dan Unit e-SIS. Pelbagai aktiviti dan pencapaian yang telah berjaya dilaksanakan oleh BKPK sepanjang tahun 2019. Unit Pembangunan Kompetensi memfokuskan latihan dan aktiviti yang berbentuk latihan peningkatan profesional dan pembangunan modal insan dalam memperkukuhkan laluan kerjaya PPPT seperti *Career Pathway and Competency Matrix* (CPCM), Program Pembangunan Kemahiran (PPK), *Multiskilling*, Profesional *Industrial Certificate*, Kursus Kepimpinan Instruktional dan Pembangunan Andragogi (KIPA), dan lain-lain. Unit Kecemerlangan Bakat dan Unit Pembangunan Profesional memfokuskan kepada peningkatan dan laluan kerjaya PPPT termasuklah permohonan pemangkuan, penempatan dan penambahbaikan Skim DH.

# PROGRAM & AKTIVITI UTAMA

## COLOMBO PLAN STAFF COLLEGE (CPSC)

JPPKK dengan kerjasama Colombo Plan Staff College (CPSC) telah menganjurkan Kursus *In-Country Program on "Redesigning Teaching and Learning Practices towards IR 4.0"* pada 25 - 29 Mac 2019 di Politeknik Tuanku Sultanah Bahiyah. Sebahagian daripada pengisian bagi kursus tersebut telah diadakan national seminar bertajuk "*TVET 4.0 - Opportunities and Challenges of IR 4.0*" pada 28 Mac 2019 (Khamis) bertempat di Dewan Kuliah Utama, Politeknik Tuanku Sultanah Bahiyah (PTSB). Sesi kursus tersebut telah dihadiri oleh 120 orang peserta yang terdiri daripada warga politeknik dan kolej komuniti zon utara. Selain itu, *cultural night* turut diadakan bagi memperkenalkan budaya Malaysia kepada penceramah daripada CPSC.








Wakil CPSC Engineer Abdul Ghani Rajput

# PROGRAM & AKTIVITI UTAMA

## STATISTIK KENAIKAN PANGKAT PPPT

STATISTIK BILANGAN PPPT YANG BERJAYA DALAM KENAIKAN PANGKAT MENGIKUT GRED

| GRED KENAIKAN PANGKAT | TAHUN KENAIKAN PANGKAT | | | | | | | | | JUMLAH |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | 2008/2009 | 2010/2011 | 2011/2012 | 2012/2013 | 2013/2014 | 2014/2015 | 2015/2016 | 2016/2018 | 2018/2019 | |
| DH 32 | - | 195 | 155 | 46 | 24 | 31 | 79 | 13 | 24 | 567 |
| DH 34 | - | 55 | 12 | 15 | 19 | 60 | 76 | 22 | 28 | 287 |
| DH 42 | - | 112 | 189 | 82 | 36 | 75 | 89 | 39 | 65 | 687 |
| DH 44 | 224 | 1,381 | 2,195 | 1,169 | 616 | 488 | 528 | 375 | 437 | 7413 |
| DH 48 | 506 | 73 | 179 | 68 | 22 | 284 | 893 | 659 | - | 2684 |
| DH 52 | 60 | 19 | 203 | 149 | 12 | 41 | 73 | 54 | - | 611 |
| DH 54 | 20 | 2 | 26 | 8 | 2 | 8 | 77 | 84 | - | 227 |
| JUMLAH | 810 | 1837 | 2959 | 1537 | 731 | 987 | 1815 | 1246 | 554 | 12476 |

Warga PPPT yang telah menikmati kenaikan pangkat melalui SKIM DH seramai 12,476 orang.

## PRESTASI KEHADIRAN LATIHAN WARGA JPPKK




Prestasi Kehadiran Latihan Warga JPPKK 2019

# PROGRAM & AKTIVITI UTAMA

## TECHNICAL WORKING GROUP FOR SKILLS (TWG-S) JPPKK 2019

Melalui TWG-S, kerajaan telah memberi peruntukan kepada KPM untuk menjalani program *Training of Trainers* (ToT) bagi tahun 2019. Melalui program ToT, pensyarah politeknik dan kolej komuniti telah diberikan latihan bagi mempersiapkan mereka dengan teknologi terkini seiring dengan perkembangan Revolusi Industri 4.0 (IR 4.0). Antara latihan yang telah diberikan adalah *internet system integration of things (IOT), artificial intelligence, cloud computing, big data analytics, cybersecurity, system integration dan additive manufacturing.*




# PENUTUP

Keseluruhannya, dengan peruntukan perbelanjaan yang semakin berkurang dan pelaksanaan dasar perbelanjaan secara berhemah oleh kerajaan pada tahun 2019, walaupun dengan dasar berhemah dan pengurangan bajet yang diarahkan oleh kerajaan, BKPK tetap dapat melaksanakan program dan aktiviti latihan peningkatan profesionalisme PPPT Skim DH dengan jayanya. Syabas dan Tahniah kepada semua warga BKPK.

# BAHAGIAN
# AMBILAN & PEMBANGUNAN PELAJAR

# PENGENALAN

Bahagian Ambilan dan Pembangunan Pelajar mempunyai tiga (3) unit iaitu Unit Ambilan Pelajar, Unit Pembangunan Pelajar dan Unit Usahawan dan Alumni. Ketiga-tiga unit ini berkesinambungan dalam pengurusan pelajar bermula dengan proses pengambilan pelajar, pelaksanaan program pembangunan sahsiah, keusahawanan dan kepimpinan pelajar sehingga pelajar tamat pengajian sebagi alumni. Secara ringkasnya fungsi Bahagian Ambilan dan Pembangunan Pelajar adalah seperti berikut:-

1. Merancang dan mengurus pengambilan pelajar pendidikan dan latihan termasuk promosi, permohonan, penawaran penerimaan, penawaran susulan, pertukaran antara institusi dan program, pemantauan serta kompilasi maklumat pengambilan pelajar bagi semua institusi.

2. Merancang , mengurus dan menyelaras program kecemerlangan pelajar termasuk kebajikan, sukan, kesukarelawanan dan pembangunan sahsiah pelajar secara *holistic*.
3. Mengurus dan memantau penguatkuasaan peraturan-peraturan yang terkandung dalam akta berkaitan bagi mengawal tatatertib pelajar.
4. Merancang, mengurus dan melaksana program pembangunan dan pembudayaan keusahawanan pelajar berdasarkan Pelan Tindakan Keusahawanan IPT dan lain-lain.
5. Merancang dan mengurus program perhubungan dan rangkaian strategik dengan alumni bagi menyokong program kebolehpasaran pelajar dan program sumbangan balik *(giving back)* kepada institusi.

# PROGRAM & AKTIVITI UTAMA

## MYALUMNI POLYCC

Penyelarasan Perhubungan myAlumni Politeknik dan Kolej Komuniti adalah dibawah Unit Keusahawanan dan Alumni, Bahagian Ambilan dan Pembangunan Pelajar. Penyelarasan ini adalah berdasarkan kepada fungsi pemerkasaan program/aktiviti perhubungan alumni dan memperkukuhkan persatuan alumni di semua Politeknik dan Kolej Komuniti dibawah penjenamaan myAlumni PolyCC.

Semua program/aktiviti melibatkan perhubungan alumni ini adalah menepati amanat dan saranan dari YB Menteri Pendidikan Malaysia yang inginkan pemerkasaan perhubungan alumni di semua institusi pendidikan termasuk Politeknik dan Kolej Komuniti. Justeru, semua program khas dibawah penjenamaan myAlumni PolyCC yang telah dijalankan pada tahun ini adalah sebagai pendedahan dan pembudayaan (2019) seterusnya akan dimantapkan, diperkasakan serta dikukuhkan menjelang tahun 2025.



# PROGRAM & AKTIVITI UTAMA

## MYALUMNI POLYCC

Penjenamaan myAlumni PolyCC juga telah dilancarkan oleh YBhg. Dr. Mohd Rashahidi @ Rusdi Bin Mohamood, Pengarah Kanan (Kompetensi) JPPKK pada 28 September 2019 bagi menyasarkan beberapa startegi melalui program/aktiviti iaitu penstrukutran kepada perhubungan alumni, memantapkan persatuan alumni, memperkemaskan hasil sumbangan/dana/yuran dan membantu dari segi aspek pembangunan pelajar, institusi dan membantu menyokong kebolehpasaran sekaligus menjadi pelapis kepada alumni yang akan menyumbang semula secara alma-mater setiap tahun.



Perasmian Penjenamaan Logo MyAlumni PolyCC

Program / Aktiviti

- ❖ Program Semarak Budaya myAlumni PolyCC
- ❖ myAlumni Politeknik Gala Dinner
- ❖ Program myAlumni Professional Talk: The Best of Alumni
- ❖ Program Khas : myAlumni ICT Village
- ❖ Bengkel Resolusi myAlumni Future Leaders

# PROGRAM & AKTIVITI UTAMA

## MALAYSIAN POLYTECHNIC INTERNATIONAL ORIENTEERING CHAMPIONSHIP 2019

*Malaysian Polytechnic International Orienteering Championship 2019* merupakan kejohanan peringkat antarabangsa di mana ianya telah disertai oleh negara Sweden, Jepun, Indonesia, Hong Kong, Thailand, Finland dan Norway. Program ini telah diadakan di Politeknik Sultan Haji Ahmad Shah pada 5 – 6 Oktober 2019. Para atlet bertanding untuk mendapatkan ranking yang terbaik dalam *World Ranking Event, Asia Orienteering Cup* dan *National Ranking Event.*




Program Malaysian Polytechnic International Orienteering Challenge 2019

Kejohanan ini telah mendapat pengiktirafan oleh badan antarabangsa iaitu *International Orienteering Federation* (IOF) yang berpengkalan di Sweden. Penganjuran kali ini telah dilaksanakan dengan jayanya dengan laluan dan peta yang menarik melibatkan lebih banyak laluan perhutanan dengan kemudahan kelengkapan atlet yang terbaik bagi peserta yang mengambil bahagian dalam acara ini. Kejohanan ini dipantau oleh Penasihat IOF Event, yang telah dilantik untuk memastikan bahawa piawaian antarabangsa dipenuhi.




Majlis perasmian penutup disempurnakan oleh Yang DiPertua Majlis Sukan Politeknik Malaysia, Ts. Haji Muhamad Rumzi bin Mamat

# PROGRAM & AKTIVITI UTAMA

## MAJLIS PELANCARAN DERMASISWA MY BRIGHTER FUTURE YAYASAN TENAGA NASIONAL BERSAMA KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

Majlis Pelancaran Program Dermasiswa *My Brighter Future* (MyBF) Yayasan Tenaga Nasional dengan kerjasama Kementerian Pendidikan Malaysia telah dilancarkan oleh YAB Dato' Seri Dr Wan Azizah binti Wan Ismail, Timbalan Perdana Menteri. Majlis ini telah diadakan pada 4 Oktober 2019 bertempat di Dewan Al-Jazari Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah. Penawaran peruntukan pembiayaan ini adalah tertumpu kepada kumpulan sasar dari kelompok B40. Program tajaan ini melibatkan 1000 orang pelajar diploma Politeknik dan 1000 orang pelajar sijil Kolej Komuniti.




Penyerahan tajaan kepada wakil pelajar Politeknik & Kolej Komuniti



Timbalan Perdana Menteri, YAB Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail bersama tetamu kehormat pada majlis Pelancaran Dermasiswa MY Brighter Future, di Politeknik Sultan Abdul Aziz Shah

# PROGRAM & AKTIVITI UTAMA

## POLYTECHNIC AND COMMUNITY COLLEGE STUDENT AWARDS 2019

*Polytechnic and Community College Student Awards* merupakan platform untuk mengiktiraf dan memberi galakan kepada siswa yang telah menunjukkan kecemerlangan kepimpinan yang holistik dan kompeten selari dengan Lonjakan 1 Pelan Pembangunan Pendidikan (Pengajian Tinggi) 2015 - 2025. Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti (JPPKK) membuka peluang kepada siswa untuk bersaing secara sihat dan terlibat secara langsung dalam aktiviti pembangunan sahsiah di institusi bagi melahirkan insan yang seimbang bukan sahaja dalam bidang akademik tetapi dalam aspek kepimpinan, sukan, kebudayaan, kesukarelawan, inovasi, keusahawanan, pengucapan awam, dan lain-lain.

Majlis yang telah dirasmikan oleh YBhg. Dato' Dr. Mohd Gazali bin Abas, Ketua Setiausaha Kementerian Pendidikan Malaysia ini telah diadakan pada 10 Oktober 2019 bertempat di *Shah Alam Convention Centre* (SACC). 25 anugerah telah dipertandingkan dalam tiga (3) kategori iaitu lima belas (15) Anugerah Kecemerlangan, lima (5) Anugerah Kepimpinan dan lima (5) Anugerah Khas Siswa. Pada malam kemuncak majlis gilang-gemilang tersebut menyaksikan saudara Muhammad Izuan Faiz bin Abdul Rahman, pelajar Politeknik Ibrahim Sultan yang juga penerima Anugerah Kepimpinan Majlis Perwakilan Pelajar Politeknik telah merangkul Anugerah Ketua Pengarah Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti yang membawa gelaran Tokoh Siswa Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti.



Saudara Muhammad Izuan Faiz bin Abdul Rahman dari Politeknik Ibrahim Sultan telah dinobatkan sebagai Tokoh Siswa JPPKK di Majlis PolyCC Student Awards 2019


Kesemua penerima anugerah bersama pengurusan tertinggi KPM dan JPPKK di Majlis PolyCC Student Awards 2019

# PROGRAM & AKTIVITI UTAMA

## SISWAPRENEUR SHOWCASE SIRI 1 ZON BORNEO

*Siswapreneur Showcase* Siri 1 Zon Borneo adalah program anjuran Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dan dihoskan oleh Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti bersama Politeknik dan Kolej Komuniti Sarawak. Program ini telah diadakan pada 26 hingga 28 Julai 2019 bertempat di Plaza Merdeka, Kuching, Sarawak. Seramai 77 orang pelajar melalui 47 perniagaan pelajar Politeknik dan Kolej Komuniti dari seluruh negara telah terlibat dalam program ini. Jumlah jualan terkumpul sepanjang program ini berlansung ialah RM38,783.30. Program ini telah dirasmikan oleh En. Fazli Bin Said, Timb, Setiausaha Bahagian, Cawangan Operasi Strategik, Bah. Perancangan dan Penyelarasan Dasar, KPM.



Finalis pertandingan PolyCC Talent



Lawatan ke gerai jualan oleh En. Fazli bin Said



Kemeriahan semasa aktiviti jualan berlangsung

# PROGRAM & AKTIVITI UTAMA

## SISWAPRENEUR SHOWCASE SIRI 1 ZON BORNEO



Peserta jualan bersama Dr. Mohd Rashahidi@Rusdi bin Mohamood, Pengarah Kanan (Kompetensi)



Bosskoi dari KK Jerantut bersama YB Datuk Wira Dr. Mohd Hatta bin Md. Ramli, Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan

Minggu Usahawan Nasional 2019 merupakan program anjuran Kementerian Pembangunan Usahawan (MED). Program ini telah diadakan pada 29 Ogos hingga 1 September 2019 bertempat di MAEPS, Serdang, Selangor. Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti turut menghantar seramai 72 orang pelajar dan 20 pensyarah melalui 20 perniagaan pelajar dari seluruh negara. Jumlah jualan terkumpul sepanjang program ini ialah RM37,857.10. Program telah dirasmikan oleh YB. Datuk Seri Mohd Redzuan bin Md. Yusof, Menteri Pembangunan Usahawan.



Barisan peserta dan urusetia Siswapreneur Fashion Runway yang terlibat dalam pertunjukan fesyen




MyKarya dari Politeknik Sultan Haji Ahmad Shah bersama YB Datuk Wira Dr. Mohd Hatta bin Md. Ramli, Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan

# PROGRAM & AKTIVITI UTAMA

## KPM-CELCOM: SISWAMALL SIRI 1 (ZON TENGAH)

Program KPM-Celcom: Siswamall Siri 1 (Zon Tengah) telah diadakan pada 16-18 Julai 2019 bertempat di Residensi UTMKL. Program ini khas untuk 80 orang usahawan pelajar dari Politeknik dan Kolej Komuniti dari seluruh negara. Peserta diajar tentang teknik mengambil gambar produk, pengurusan *Stock Keeping Units* (SKUs), penetapan harga pasaran serta *Standard Operating Procedure* (SOP) pengurusan pasaran, penghantaran dan kepelbagaian produk jualan dalam talian.



Peserta yang mengikuti kursus KPM-Celcom: Siswamall Siri 1



Peserta sedang menyiapkan tugasan yang diberikan



Peserta bersama produk jualan mereka

# PROGRAM & AKTIVITI UTAMA

## SME BANK 90-Days BUSINESS CHALLENGE 2019

Program *SME Bank 90-Days Business Challenge 2019* merupakan sebuah pertandingan keusahawanan, khusus untuk pelajar Politeknik dan Kolej Komuniti. Sebanyak 192 penyertaan dengan penglibatan 768 pelajar telah diterima pada tahun 2019. 20 pasukan telah terpilih pada peringkat akhir dan berjaya meraih keuntungan bersih berjumlah RM102,829.26 untuk tempoh 90 hari pertandingan ini berlangsung. Majlis penyampaian hadiah telah disempurnakan oleh Menteri Pembangunan Usahawan (MED), Datuk Seri Mohd Redzuan Md. Yusof.



**Bawa pulang RM20,000**

*Bosskoi Resources raih gelaran juara pertandingan SME Bank 90-Days Biz Challenge*

NUR SHARIEZA ISMAIL

Aria Putera (berdiri di tengah) dan Mohd Redzuan (tujuh dari kanan) bersama pemenang *SME Bank 90-Days Biz Challenge 2019* di Kuala Lumpur baru-baru ini.

PASUKAN Bosskoi Resources dari Kolej Komuniti Jerantut, Pahang berjaya merangkul gelaran juara pada pertandingan *SME Bank 90-Days Biz Challenge* anjuran SME Bank yang diadakan di Kuala Lumpur baru-baru ini.

Kejayaan tersebut telah melayakkan pasukan itu membawa pulang wang tunai berjumlah RM20,000, sebuah piala pusingan, trofi dan sijil penyertaan.

Majlis penyampaian hadiah disempurnakan oleh Menteri Pembangunan Usahawan (MED), Datuk Seri Mohd Redzuan Yusof.

Eksekutif SME Bank, Aria Putera Ismail.

Aria Putera berkata, SME Bank 90-Days Biz Challenge menjadi platform untuk melahirkan para usahawan muda yang mampu mengendalikan perniagaan dengan baik dan meraih pendapatan yang konsisten.

"Program yang diadakan dua tahun sekali ini mendapat kerja-

20 finalis *SME Bank 90-Days Biz Challenge* pada tahun ini berjaya meraih keuntungan bersih berjumlah RM102,829.26 dalam tempoh empat bulan pertandingan," katanya pada program *SME Bank 90-Days Biz Challenge* yang berlangsung di Kuala Lumpur baru-baru ini.

Tambahnya, bagi mengembangkan lagi pencapaian pertan-

ajar politeknik di seluruh negara selain pelajar kolej komuniti.

"Pertandingan ini dianjurkan secara dalam talian (*online*). Peserta perlu menghantar kertas rancangan perniagaan melalui portal www.YourSuccessOurStory.com.

"Sebanyak 192 penyertaan dengan penglibatan 768 pelajar telah diterima dan ini merupakan pe-

Keratan akhbar majlis penutup SME Bank 90-Days Business Challenge



Gambar bersama VIP semasa majlis penyampaian hadiah




Sesi pembentangan kepada juri




Lawatan VIP ke booth pameran usahawan pelajar

# PROGRAM & AKTIVITI UTAMA

## PITCH BORNEO 2019

Pitch Borneo merupakan pertandingan usahawan inovasi anjuran Sabah Technopreneur Association (SATA) dan disokong oleh Kementerian Pelajaran dan Inovasi Negeri Sabah. Sebanyak 2 kumpulan dari Politeknik Kota Kinabalu menjadi antara 10 Finalis yang menerima geran RM20,000.00 setiap kumpulan. Kumpulan dari Politeknik Kota Kinabalu ialah Ayam Cheesy Serunding Liposu (Zulkarnain & Nurul Ezzah) dan Anchovies Grading Machine (Firdaus & Khairee). Tema Pitch untuk tahun 2019 ialah Agrotech & Innovation. Majlis penyampaian hadiah telah disempurnakan oleh Menteri Pelajaran dan Inovasi, Sabah, Datuk Dr. Yusuf Yaacub.



Firdaus dan Khairee membentang projek inovasi mereka



Finalis bersama Menteri Pelajaran dan Inovasi Negeri Sabah




Zulkarnain dan Nurul Ezzah membentang idea perniagaan mereka

# PROGRAM & AKTIVITI UTAMA

## SOCIAL ENTERPRISE LITERACY FOR YOUTH (SELFY) 2019

Tahniah diucapkan kepada para peserta PSA (Meor Muhamad Fazrul Adly Bin Meor Fuad, Nur Amy Shafira Binti Mohd Hashim, Nurul Nadiya Nasyita Binti Mohd Faizal, Muhammad Anaqi Bin Rosli, Muhammad Aiman Hafiz Bin Azman) kerana telah meraih Johan pada Anugerah Kolaborasi AKPK 2019 di Sasana Kijang Bank Negara Malaysia (14 NOVEMBER 2019) di mana para peserta telah berjaya menyelesaikan misi & visi. Pertandingan ini yang berlangsung selama 10 bulan dengan kemenangan yang amat memberangsangkan.



Pelajar PSA yang memenangi Anugerah SELFY

## PROGRAM PROFESSIONAL CERTIFICATE FOR ENTREPRENEURSHIP EDUCATORS & CERTIFIED TRAINERS (ProCEEd)




Pensyarah Politeknik dan Kolej Komuniti yang terlibat

Seramai 23 orang pensyarah yang terdiri daripada 19 pensyarah Politeknik dan 4 pensyarah Kolej Komuniti adalah di antara pensyarah IPT yang telah terpilih bagi mengikuti kursus selama 10 hari ini yang bermula dari 12 – 23 Oktober 2019 di Hotel Avillion Admiral Cove, Port Dickson. Program ini adalah anjuran KPM dengan kerjasama MASMED, UiTM dan mendapat sijil pengiktirafan oleh HRDF. Tujuan kursus ini adalah untuk melatih tenaga pakar keusahawanan dikalangan pensyarah IPT yang terpilih.

# PROGRAM & AKTIVITI UTAMA

## PROGRAM SISWAPRENEUR BUSINESS, ETHICS & COMPLIANCE (SBEX) For EDUCATORS

Seramai 12 orang pensyarah yang terdiri daripada 7 pensyarah politeknik dan 5 pensyarah kolej komuniti adalah di antara pensyarah IPT yang telah terpilih bagi mengikuti kursus selama 4 hari ini yang bermula dari 13 – 16 November 2019 di Hotel Bayview, Pulau Pinang. Program ini adalah anjuran KPM dengan kerjasama USIM. Tujuan kursus ini adalah untuk melatih tenaga pakar keusahawanan tentang peranan dan tanggungjawab seorang usahawan.




Pensyarah yang mengikuti kursus



Sesi latihan sedang berlansung

# PENUTUP

Bagi mendokong aspirasi Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (Pendidikan Tinggi), Lonjakan 1: Graduan Holistik, Berciri Keusahawanan dan Seimbang pelbagai program berimpak tinggi telah dilaksanakan sepanjang tahun 2019. Program-program tersebut meliputi badan beruniform, sukan, kepimpinan, jati diri, sahsiah, keagamaan dan juga psikologi yang dilaksanakan untuk memberi peluang dan mengasah bakat pelajar dalam kepimpinan, kerjasama, kemahiran berkomunikasi, kemahiran berfikir secara kritikal dan keusahawan dalam melahirkan graduan yang berkemahiran dan berketrampilan tinggi.

Penglibatan pelajar serta tenaga pengajar di politeknik dan kolej komuniti banyak memberi sumbangan idea bagi menjayakan program yang dirancang sepanjang tahun 2019 telah menunjukkan bahawa JPPKK melalui BAPP, Politeknik dan Kolej Komuniti sentiasa komited dalam usaha dalam mempersiapkan pelajar dari perspektif jasmani, rohani, sahsiah dan psikologi. Terima kasih dan tahniah diucapkan kepada semua pelajar serta warga politeknik dan kolej komuniti yang telah bertungkus lumus dan bersama dengan BAPP dalam menjayakan program di bagi tahun 2019.

# BAHAGIAN
# KHIDMAT PENGURUSAN

# PENGENALAN

Bahagian Khidmat Pengurusan (BKP) berperanan dalam menjana tadbir urus kewangan, perkhidmatan, perolehan dan aset serta pentadbiran di jabatan dan institusi di bawahnya. Selain itu, BKP turut berperanan penting dalam menyediakan sistem sokongan kepada pengurusan tertinggi untuk menjayakan visi dan misi Jabatan. Justeru itu, bagi merealisasikan visi dan misi jabatan, BKP dibahagikan kepada tiga seksyen utama iaitu: Seksyen Kewangan dan Perolehan bertanggungjawab merancang dan menyelaras Anggaran Belanjawan Mengurus (ABM) Kewangan (B49) dan agihan perbelanjaan Peruntukan Pembangunan (P49) bukan fizikal di Jabatan dan institusi di bawahnya.

Selain itu, seksyen ini juga berperanan menguruskan perolehan aset, inventori stor, urusan perolehan dan kontrak serta menyelaras Laporan JKPAK dan JPKA bagi Jabatan dan institusi di bawahnya. Seksyen Pentadbiran dan Perkhidmatan bertanggungjawab dalam menyediakan khidmat dalam aspek pengurusan sumber manusia dan pentadbiran meliputi perkaraperkara seperti pengurusan cuti, pengurusan Prestasi dan Laporan Nilaian Prestasi Tahunan, Anugerah Perkhidmatan Cemerlang, pengurusan tanggung tugas Jabatan dan institusi dibawahnya, pelaksanaan urusan penempatan pegawai di Jabatan, rekod perkhidmatan dan gaji serta perancangan penstrukturan, permohonan dan pengisian jawatan di politeknik dan kolej komuniti.

Selain itu, seksyen ini juga bertanggungjawab dalam menguruskan sistem pengurusan rekod, logistik, laporan kehadiran pegawai, kelulusan lawatan luar negara dan hal ehwal keselamatan serta kebersihan pejabat di Jabatan. Seksyen ICT berperanan merancang, mengurus dan menyelenggara prasarana ICT di jabatan seperti memantau pelaksanaan Dasar Keselamatan ICT (DKICT), mengurus setia mesyuarat JPICT, memberi khidmat sokongan bagi sistem EgNet, eP, HRMIS, emel 1GovUC, Sistem Egsentrik. Selain itu, seksyen ini juga berperanan merancang, membangun dan menambah baik semua jenis aplikasi yang telah dibangunkan.

# PROGRAM & AKTIVITI UTAMA

## BENGKEL KERJA PEMINDAHAN ACTUAL POSITION (AP) HRMIS POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI JPPKK.

Bengkel ini diadakan berikutan penggabungan di antara Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) dan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) mulai 12 September 2018. Ia bertujuan bagi menggabungkan dua (2) perjawatan KPT/KPM dalam sistem HRMIS bagi menjadikan satu perjawatan baharu, *Actual Position* (AP) di bawah Jabatan Pendidikan Politeknik Dan Kolej Komuniti. Bengkel ini telah diadakan mengikut zon melibatkan 2 orang kakitangan kumpulan sokongan yang menjalankan urusan HRMIS di institusi masing-masing. Pemilihan tempat pula diadakan seperti ketetapan berikut:

| ZON | TARIKH | TEMPAT |
|---|---|---|
| Zon Tengah | 24 hingga 26 September 2019 | Hotel Silka, Kuala Lumpur |
| Zon Timur | 21 hingga 23 Oktober 2019 | Hotel Felda Residence Kuala Terengganu |
| Zon Selatan | 01 hingga 03 Oktober 2019 | Hotel New York, Johor Baharu |
| Zon Utara | 8 hingga 10 Oktober 2019 | Hotel Copthorne Orchid Pulau Pinang |



Bengkel Kerja Pemindahan Actual Position (AP) HRMIS Politeknik Dan Kolej Komuniti JPPKK Mengikut Zon

# PROGRAM & AKTIVITI UTAMA

## SAMBUTAN BULAN HRMIS 'SEHARI BERSAMA HRMIS' DI JPPKK

Program sambutan bulan HRMIS 'sehari bersama HRMIS' merupakan program yang diperkenalkan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia (JPA) bagi mencapai 100% KPI HRMIS jabatan. Setiap tahun, bulan Julai merupakan bulan yang telah dipilih oleh JPA sebagai bulan HRMIS. Unit Prestasi, Perjawatan dan Perkhidmatan, Bahagian Khidmat Pengurusan, JPPKK merupakan unit yang menguruskan program ini, telah mengadakan program tersebut pada 17 Julai 2019 (Rabu) bertempat di ruang legar BKP, aras 5, JPPKK.

Semua pemilik kompetensi JPPKK adalah terlibat dan diberi peluang untuk menyemak dan mengemas kini maklumat peribadi dan maklumat perkhidmatan masing-masing dalam sistem HRMIS. Urusetia telah menyediakan jadual kehadiran bagi setiap bahagian di JPPKK dan warga boleh hadir pada masa-masa yang telah ditetapkan.




Sambutan Bulan HRMIS 'Sehari Bersama HRMIS' DI JPPKK

# PROGRAM & AKTIVITI UTAMA

## HARI BERSAMA PELANGGAN KHAS UNTUK SEMAKAN BUKU PERKHIDMATAN KERAJAAN

Program ini merupakan program tahunan yang akan diadakan oleh Unit Perkhidmatan, Bahagian Khidmat Pengurusan (BKP), Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti (JPPKK). Semakan buku perkhidmatan ini memberi peluang kepada warga di JPPKK untuk menyemak maklumat perkhidmatan dalam buku rekod perkhidmatan masing-masing bagi memastikan agar catatan dalam buku rekod perkhidmatan semua warga adalah teratur dan tiada percanggahan dalam rekod HRMIS. Bertempat di Ruang Legar BKP, Aras 5, JPPKK, program ini telah diadakan pada 31 Julai 2019 dan 6 Ogos 2019 secara agihan bahagian mengikut masa-masa yang telah ditetapkan.










Hari Bersama Pelanggan Khas Untuk Semakan Buku Perkhidmatan Kerajaan

# PENUTUP

Tahun 2019 merupakan tahun yang mencabar bagi BKP dalam mengendalikan hal ehwal pentadbiran, perkhidmatan, kewangan, perolehan, aset dan stor serta teknologi maklumat yang menuntut kecekapan dan ketangkasan semua kakitangan dalam usaha mendokong dasar-dasar kerajaan untuk mengembalikan integriti penjawat-penjawat awam dan melaksanakan perbelanjaan secara berhemah. Namun begitu, bahagian ini telah berjaya melaksanakan peranannya melalui pengurusan aktiviti yang tersusun dan sistematik sehingga agar semua perancangan selari dengan sasaran yang telah ditetapkan.

# UNIT
# KOMUNIKASI KORPORAT

# PENGENALAN

Unit Komunikasi Korporat merupkan *focus point* jabatan dalam penyampaian dan penyaluran maklumat serta peningkatan imej korporat jabatan, perhubungan awam dan media. Fungsi utama UKK JPPKK adalah :

1. Merancang dan mengurus bahan-bahan penerbitan jabatan sebagai sumber maklumat seperti video korporat jabatan, buku panduan komprehensif jabatan, direktori jabatan, buletin jabatan dan lain-lain bentuk penerbitan bagi tujuan mempromosikan jabatan

2. Merancang dan mengurus imej jabatan dan melaksanakan promosi melalui strategi perhubungan awam yang teratur

3. Merancang dan mengurus aktiviti promosi dan publisiti program pengajian di jabatan dan institusi.

4. Menguruskan perhubungan awam dan media dengan merancang strategi media dalam penyebaran maklumat menerusi liputan media/sidang media (*press conference*), menyediakan kenyataan akhbar (press release).

# PROGRAM & AKTIVITI UTAMA

## AKTIVITI PROMOSI DAN PUBLISITI POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI

Sepanjang tahun 2019, pelbagai aktiviti promosi dan publisiti bagi politeknik dan kolej komuniti telah berjaya dirancang dan dilaksanakan. Antaranya promosi dan hebahan iklan berkaitan pengambilan pelajar baharu ke politeknik dan kolej komuniti. Promosi dan hebahan tersebut telah dilaksanakan melalui media massa dan media social serta laman sesawang politeknik dan kolej komuniti.









# PROGRAM & AKTIVITI UTAMA

## PROMOSI DAN HEBAHAN DI MEDIA CETAK DAN MEDIA ELEKTRONIK

UKK JPPKK juga telah mengambil inisiatif dalam mempromosi aktiviti dan program-program yang dilaksanakan melibatkan jabatan, politeknik dan kolej komuniti di media cetak dan media elektronik sebagai salah satu usaha untuk meningkatkan imej politeknik dan kolej komuniti dalam dan luar negara.



# PROGRAM & AKTIVITI UTAMA

## PROMOSI DAN HEBAHAN DI MEDIA CETAK DAN MEDIA ELEKTRONIK



# PROGRAM & AKTIVITI UTAMA

## PROMOSI DAN HEBAHAN DI MEDIA SOSIAL

Kepesatan perkembangan teknologi masa kini dengan kewujudan telefon pintar (*smartphone*) yang membolehkan pengguna melawat laman media sosial di mana sahaja mereka berada dan pada bila-bila masa. Ini membuatkan arus informasi semakin besar dan pesat berkembang. Perkembangan media sosial yang pesat ini telah dijadikan sebagai medium untuk berkongsi maklumat, aktiviti promosi dan hebahan secara meluas. JPPKK juga telah menjadikan media sosial seperti *Facebook, Instagram, Tweeter dan Youtube* sebagai salah satu platform untuk menjalankan aktiviti promosi dan hebahan bagi jabatan, politeknik dan kolej komuniti.







Hebahan dan Promosi di Media Sosial






# PENUTUP

UKK sentiasa berkerjasama erat dengan jabatan dan institusi (politeknik dan kolej komuniti) dalam usaha memastikan penyampaian dan penyaluran maklumat berkenaan politeknik dan kolej komuniti sentiasa dikemas kini dari semasa ke semasa. UKK sentiasa komited dan bekerja keras dalam memastikan segala hebahan dan promosi sampai kepada pengguna dan semua pemegang taruh bagi meningkatkan imej politeknik dan kolej komuniti dalam dan luar negara. Tahniah dan syabas kepada semua pihak yang telah bersama-sama dengan UKK dalam mengharungi tahun 2019 yang penuh warna-warni.

# PASUKAN
# PETUGAS KHAS ICT

# PENGENALAN

PPICT ditubuhkan secara pentadbiran dengan tujuan:

- ✓ Tempat rujukan berpusat bagi semua isu ICT tanpa perlu merujuk ke bahagian-bahagian lain;
- ✓ Struktur kerja yang lebih sistematik dan efisyen di mana maklumat, kemahiran serta kepakaran dapat disalurkan dan dikongsi dengan lebih baik antara pegawai ICT dan warga JPPKK;
- ✓ Perancangan berkenaan dengan ICT dapat dirancang secara berpusat dan tidak lagi dibuat oleh setiap bahagian yang terlibat. Ia juga dapat memudahkan pengurusan hal-hal ICT berkaitan dengan Politeknik dan Kolej Komuniti;

# PROGRAM & AKTIVITI UTAMA

## Pemulangan dan Penggantian Peralatan Sewaan ICT

Kontrak Sewaan Peralatan ICT Berpusat Fasa 1 yang bermula pada tahun 2012 telah tamat pada 31.03.2019. Jumlah peralatan yang terlibat ialah 18,138 unit termasuklah komputer, komputer riba dan pencetak. Proses pengambilan peralatan tersebut bermula pada 15 April 2019 bagi Kolej Komuniti, 28 April 2019 bagi Politeknik dan 23 Mei 2019 bagi JPPKK. Keseluruhan bilangan peralatan yang dipulangkan bagi JPPKK melibatkan 429 unit peralatan yang terdiri daripada komputer, komputer riba dan pencetak. Penggantian peralatan sewaan ICT yang telah tamat kontrak telah dilaksanakan pada 22 Julai 2019 sehingga 31 Julai 2019 melibatkan 16,990 unit peralatan sewaan termasuklah komputer, komputer riba dan pencetak bagi tempoh 4 tahun.



Pemulangan Peralatan Sewaan ICT


Penggantian Peralatan Sewaan ICT

# PROGRAM & AKTIVITI UTAMA

## SIRI MESYUARAT JTICT DAN JPICT


Mesyuarat JTICT dan JPICT 2019

Jawatankuasa Pemandu ICT (JPICT) JPPKK merupakan jawatankuasa yang ditubuhkan untuk menimbang dan meluluskan permohonan kelulusan teknikal projek ICT daripada institusi-institusi (politeknik dan kolej komuniti) dan juga bahagian-bahagian di JPPKK.

Jawatankuasa terdiri daripada pegawai-pegawai yang dilantik diperingkat pengurusan JPPKK. Kertas kerja yang telah diluluskan oleh JPICT akan diangkat kepada Jawatankuasa Teknikal ICT (JTICT) untuk kelulusan. Sepanjang tahun 2019. PPICT telah berjaya melaksanakan sebanyak 6 mesyuarat JPICT dan 5 mesyuarat JTICT bagi tujuan perolehan sistem, rangkaian, perkakasan dan perisian ICT.

## BENGKEL PENYELARASAN LAMAN WEB BAHARU BAGI SUBDOMAIN mypolycc.edu.my


Bengkel Penyelarasan Laman Web Baharu bagi subdomain mypolycc.edu.my

Bengkel Penyelarasan Laman Web Baharu bagi Subdomain *mypolycc.edu.my* telah diadakan pada 16-17 Oktober 2019 bertempat di JPPKK. Bengkel ini telah dihadiri oleh pegawai ICT dari seluruh politeknik dan kolej komuniti. Bengkel ini diadakan bertujuan menyeragamkan laman web politeknik dan kolej komuniti menggunakan templet baharu di bawah subdomain *mypolycc.edu.my*.

# PENUTUP

Pasukan Petugas ICT telah berjaya melaksanakan peranan yang diamanahkan dengan penuh dedikasi dan komited dalam usaha memastikan agar semua warga jabatan, politeknik dan kolej komuniti mendapat jaringan internet yang maksima tanpa sebarang gangguan. Pelbagai aktiviti dan latihan berkaitan ICT telah diadakan kepada pegawai-pegawai ICT jabatan dan institusi bagi meningkatkan kecekapan dan ilmu-ilmu baru ICT khususnya dalam era digital.

# SIDANG REDAKSI

## Penaung

Y.Brs. Ts. Dr. Mohammad Naim bin Yaakub

KETUA PENGARAH JPPKK

## Penasihat

YBrs. Dr. Shamsuri bin Abdullah

PENGARAH (BKTVET)

## Ketua Sidang Pengarang

YBrs. Dr. Wan Nor Aishah binti Wan Omar

Encik Mohd Hashim bin Ashaari

Cik Nur Hafazah binti Sharin

## Grafik

Encik Mohd Hashim bin Ashaari

Cik Nur Hafazah binti Sharin

## Sidang Pengarang

Encik Ahmad Taufiq Wafi bin Abdul Ghani

Puan Siti Masliza binti Mohd Nawi

Encik Zul Affandi bin Mohamed Ali

Encik Ahmad Nasuhar bin Hassan

Encik Mohd Farizul Irni bin Ismail

Encik Fauzul Azhan bin Abd Aziz

Encik Mohd Amirul bin Ramlan

Puan Roazliza binti Baharin

Cik Assila binti Murtijan

Encik Mohd Sharifulanuar bin Sulaiman

Encik Saiful Azzam bin Abdul Halim

Cik Siti Salmah bt Md Kassim

Puan Liasuhaida binti Bardan

Puan Fadzilah binti Abdullah

Cik Umi Syahidah bt Anuari

Puan Hanida binti Abdullah

Puan Elmiza binti Roslan

Cik Zarina binti Zaini

Encik Mohd Khairil Anwar bin Abu Bakar

Penghargaan dan terima kasih kepada semua yang terlibat dalam menjayakan penerbitan Laporan Tahunan 2019 JPPKK

Terbitan 2019

KOD JALUR / BARCODE
eISSN 2716-554X
9 772716 554009

JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI
Kementerian Pendidikan Malaysia
Aras 4-7, Galeria PjH, Jalan P4W
Persiaran Perdana, Presint 4
62100 Wilayah Persekutuan Putrajaya
MALAYSIA

Web : http://www.mypolycc.edu.my
Facebook : https:// www.facebook.com/politeknik.edu
Facebook : https://www.facebook.com/kolejkomunitihq
Tel : 03-8891 9000
Faks: 03-8891 9300